Zaman Kegelapan Islam dan Ketibaan Era Kebangkitan Islam

HARUN YAHYA

www.harunyahya.com
April 2003

Diterbitkan oleh:
PERNIAGAAN JAHABERSA
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas
81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Malaysia
Tel: 07-235 1602 Fax: 07-235 1603
E-mail: jahabers@tm.net.my
Website: www.jahabersa.com.my

Cetakan pertama: 2004

ISBN: 983-170-621-8

KANDUNGAN

MENGENAI PENGARANG

Pengarang, yang menulis di bawah nama pena HARUN YAHYA, telah dilahirkan di Ankara pada tahun 1956. Telah menamatkan pendidikan rendah dan menengahnya di Ankara. Beliau kemudian mengikuti pengajian Seni di Universiti Mimar Sinan, Istanbul. Mulai tahun 1980-an, pengarang telah menulis pelbagai hasil karya yang berkaitan dengan isu-isu politik, penemuan saintifik dan keimanan. Harun Yahya adalah seorang penulis yang amat dikenali sebagai seorang yang banyak menulis tentang penipuan golongan evolusionis, pembatalan dakwaan mereka dan hubungan antara Darwinisme dan beberapa ideologi berdarah.

Nama penanya berasal dari nama dua Nabi “Harun” dan “Yahya” a.s yang masyhur dalam usaha memerangi kekufuran. Cop nama Nabi Muhammad di setiap muka depan buku karangan beliau mempunyai pengertian simbolik yang berkaitan dengan kandungan isi buku. Cop ini menunjukkan bahawa Al-Quran adalah kitab dan wahyu Tuhan yang terakhir, dan Nabi Muhammad adalah utusan-Nya yang terakhir. Dengan mengambil ciri-ciri Quran dan Nabi Muhammad, penulis berusaha dalam semua hasil karyanya untuk menolak semua dakwaan mengenai sistem-sistem kufur dengan mengutarakan “kalimat terakhir’ ini yang akan melenyapkan semua dakwaan kekufuran. Cop nama Nabi Muhammad yang mempunyai kemuliaan dan hikmah yang besar, diniatkan sebagai ibadat dengan niat menyebut ‘kalimah akhir’ ini.

Semua hasil kerja Harun Yahya mempunyai satu matlamat utama: menyampaikan mesej Al-Quran kepada

umat manusia, sekali gus menggalakkan mereka untuk memikirkan mengenai pelbagai isu akidah, seperti kewujudan dan keesaan Tuhan serta Hari Kemudian, sekali gus mengingatkan akan bahaya dan gerak kerja golongan yang mengasaskan fahaman berdasarkan sistem penafian kewujudan Tuhan.

Karya Harun Yahya dinikmati oleh golongan pembaca di kebanyakan negara, dari India ke Amerika, Britain ke Indonesia, Poland ke Bosnia, Sepanyol ke Brazil. Beberapa buah bukunya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Perancis, German, Itali, Portugis, Urdu, Arab, Albania, Russia, Serbia-Croatia (Bosnia), Turki uygur dan Indonesia, dan juga dibaca oleh para pembaca di seluruh dunia.

Mendapat penghargaan yang tinggi di seluruh dunia, hasil kerja ini telah menjadi instrumen bagi kebanyakan individu dalam usaha menanam kepercayaan kepada Tuhan dan memperbaiki mutu dan kualiti rasa keimanan mereka. Uslub hikmah, ikhlas dan mudah difahami yang digunakan, menjadikan karya beliau berbeza dengan karya lain dan secara langsung menimbulkan minat yang mendalam terhadap mereka yang membaca dan mengkajinya. Kebal dari sebarang kritikan, hasil karya beliau dilengkapi dengan pelbagai aspek yang sangat berkesan, jelas dan tidak mampu disangkal. Ia akan menghapuskan fahaman dan kepercayaan materialisme, ateis dan sebarang falsafah atau ideologi menyeleweng bagi mereka yang benar ikhlas memberi tumpuan yang serius dan memikirkan isi kandu-ngan-nya dengan telus.

Koleksi karya beliau telah membongkar dan memusnahkan ideologi yang dipertahankan dengan kedegilan yang bersifat setimen lebih daripada akal yang rasional sehingga ke akar umbinya. Seluruh pergerakan

atau organisasi yang menjadikan konsep menolak agama sebagai teras pada hakikatnya telah pun ditumpaskan oleh setiap koleksi hasil karya Harun Yahya.

Suatu yang jelas, semua ciri-ciri ini adalah terhasil dari kebijaksanaan dan kebenaran Al-Quran sendiri. Pengarang sudah pasti tidak layak berbangga dengan semua ini: beliau hanyalah sekadar berniat untuk berkhidmat sebagai suatu usaha perjuangan menyingkap kebenaran di atas jalan Tuhan. Beliau dan pihak lain yang terlibat di dalam usaha ini juga adalah jauh daripada sebarang niat mencari keuntungan material semata-mata.

Dengan mempertimbangkan semua fakta ini, bagi sesiapa yang menggalakkan orang ramai meluangkan waktu membaca dan menelaah koleksi karya ini, yang dengan izin-Nya menjadi penyuluh yang menerangi hati dan memandu mereka untuk menjadi hamba Allah yang patuh, Insya-Allah akan mendapat ganjaran yang tidak ternilai.

Sementara itu, usaha yang dilakukan untuk mempropagandakan karya yang mencipta kekeliruan di minda, yang mengheret ke dalam pergolakan ideologi dan yang secara jelas gagal menghapuskan keraguan di hati manusia seperi yang pernah berlaku sepanjang sejarah sebelum ini adalah sebuah usaha yang membazirkan masa dan tenaga. Semua hasil karya beliau lebih tertumpu kepada usaha menyelamatkan manusia dari kemusnahan dan bencana akibat keimanan dan nilai keagamaan yang telah punah. Tujuan murni untuk mengajak umat manusia kembali beriman dan menyebarkan nilai mulia yang terkandung di dalam Al-Quran, matlamat agung ini telah menghapuskan keraguan yang disuarakan terhadap koleksi hasil karya pengarang. Kejayaan, impak dan keikhlasan yang

mengisi liku perjuangan ini dimanifestasikan di dalam keyakinan para pembaca.

Satu perkara yang harus diingat: Punca utama kepada kekejaman, peperangan yang berterusan dan pengalaman ngeri yang dialami oleh umat Islam adalah kerana dominasi ideologi golongan kafir. Semua kesedihan dan penderitaan ini hanya akan berakhir dengan menumpaskan asas ideologi mereka dan memastikan setiap umat manusia menyedari akan keajaiban dalam alam ciptaan begitu juga dengan kemuliaan nilai etika yang berlandaskan ajaran Al-Quran sebagai suatu konsep hidup di alam dunia. Melihat realiti dunia hari ini, yang mengheret manusia ke pusaran peristiwa keganasan, korupsi dan peperangan, jelas kepada kita akan kepentingan memecutkan momentum jihad ini dengan lebih berkesan.

Bukanlah berniat untuk mengagungkan beliau dengan mengatakan bahawa koleksi hasil karya Harun Yahya ini merupakan perintis kepada usaha jihad ini. Insya-Allah, koleksi karya ini akan menjadi instrumen bagi manusia di abad ke-21 ini menikmati suasana hidup yang aman, bahagia, dan saat-saat kegembiraan yang dijanjikan di dalam Al-Quran.

DICETAK OLEH:

Kepada Pembaca Yang Budiman

Tujuan utama sebuah bab khusus disediakan untuk tajuk Keruntuhan Teori Evolusi ialah kerana teori ini mengandungi asas bagi semua aliran falsafah yang berunsurkan anti-agama. Semenjak Darwinisme menolak fakta mengenai Konsep Penciptaan 140 tahun yang terakhir ini dan sekali gus menolak kewujudan Allah SWT, ia telah menyebabkan sebahagian besar umat manusia meninggalkan kepercayaan beragama dan terperangkap dalam keraguan. Dengan itu, untuk membuktikan bahawa teori evolusi merupakan sebuah penipuan besar adalah merupakan satu tugas penting yang berkait rapat dengan tugas dakwah. Adalah satu keperluan untuk mendedahkan tugas penting ini kepada setiap orang. Segelintir daripada pembaca kami mungkin hanya berpeluang untuk membaca sebuah buku sahaja dari koleksi buku kami. Dengan itu, kami merasakan bahawa adalah amat sesuai untuk memperuntukkan sebuah bab ringkasan mengenai subjek ini.

Dalam semua hasil karya pengarang, pelbagai isu yang berkaitan dengan aqidah diterangkan di bawah cahaya Al-Quran dan para pembaca sekalian dialu-alukan untuk memahami kalam Allah dan hidup melalui panduannya. Setiap subjek yang berkaitan dengan surah Al-Quran dijelaskan dalam keadaan demikian caranya bertujuan meninggalkan keyakinan dan kepercayaan yang tinggi di benak para pembaca. Uslub yang terang, jelas dan berhikmah digunakan untuk memastikan setiap individu dari pelbagai peringkat umur dan sosial dengan mudah mampu memahami intisari penulisan buku-buku

ini. Penerangan yang jelas dan efektif memudahkan mereka membacanya di mana sahaja berada. Fakta yang dikemukakan memberi kesan pengaruh yang kuat terhadap golongan yang berkeras degil, apatah lagi untuk menyangkalnya.

Buku ini dan hasil karya pengarang yang lain boleh dibaca secara individu atau dibincangkan secara berkumpulan pada masa-masa diskusi. Para pembaca yang berhasrat untuk mendapatkan sumber rezeki dari buku-buku ini juga berpeluang untuk menggarap isi kandungan yang sangat berguna di samping mengaitkan hasil pengalaman dan penghayatan mereka kepada orang lain.

Sebagai tambahan, ia menjadi satu khidmat yang besar kepada agama untuk menyumbangkan pembentangan dan pembacaan siri buku ini yang ditulis semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. Semua hasil karya pengarang adalah amat-amat meyakinkan. Atas sebab ini, bagi sesiapa yang berdakwah agama kepada orang lain, satu daripada cara yang berkesan ialah dengan menggalakkan mereka membaca siri buku pengarang.

Adalah menjadi satu harapan kami bagi para pembaca agar meluangkan sedikit masa untuk melihat sedikit imbasan secara tidak langsung antara hasil karya beliau yang lain di lembaran akhir di buku ini, sekaligus menambahkan kepercayaan melalui sumber yang sangat bermanfaat dan menyenangkan untuk ditela’ah.

Dalam siri buku ini, kita tidak akan menemui, seperti dalam beberapa hasil karya lain, pandangan peribadi pengarang diterangkan dengan sumber yang meragukan, tanpa harapan, mencipta keraguan, dan anggapan pesimis yang menanamkan penyelewengan di dalam hati.

PERKATAAN TUHAN DI DALAM BAHASA ARAB IALAH ALLAH, DAN GOLONGAN MUSLIM MEMANGGIL TUHAN MELALUI NAMA INI. AKAN TETAPI, DISEBABKAN BUKU INI JUGA DITUJUKAN BAGI GOLONGAN YANG SELAIN MUSLIM, KAMI AKAN MENGGUNAKAN PERKATAAN TUHAN DI BEBERAPA TEMPAT TERTENTU.

ZAMAN KEGELAPAN ISLAM DAN KETIBAAN ERA KEBANGKITAN ISLAM

Orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa sebab, kecuali kerana mereka berkata: “Tuhan kami adalah Allah.” Dan jika Allah tidak menolak (keganasan) manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang-orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama-nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

(AL-HAJJ, 22:40)

MUKADIMAH

Seruan kepada mereka yang memiliki kesedaran...

Manusia seolah-olah sudah lali dengan perkara-perkara yang sering mereka temui setiap hari. Apabila manusia pertama kali mendengar sesuatu berita tentang kekejaman yang berlaku, mereka menjadi begitu prihatin. Namun demikian, keprihatinan mereka itu hanya menjadi suatu perkara rutin tidak berapa lama kemudian.

Peperangan dan konflik yang berlaku di dalam dunia yang sedang kita diami ini adalah kes yang paling jelas dan nyata. Apabila sesebuah negara dijajah dan kemudian proses penyembelihan dan *genocide* (Pent: Tiada terjemahan tepat untuk perkataan *genocide*, maka istilah ini dikekalkan. *Genocide* bermaksud pembunuhan seluruh bangsa atau kaum yang tertentu) bermula, kita akan dapat melihat banyak protes-protes anti-kekejaman yang diadakan di seluruh pelusuk dunia. Sebagai contoh, mari kita merenung semula detik-detik pertama tercetusnya konflik di Bosnia, ataupun Chechnya, ataupun Palestin... Imej seorang kanak-kanak Palestin yang berada di riba ayahnya yang tidak lama selepas itu menjadi sasaran peluru askar-askar Israel, bayi-bayi Chechen yang dibunuh ketika mereka sedang lena diulit mimpi, wanita, golongan tua dan kanak-kanak yang menjadi mangsa *genocide* yang sangat mengerikan di Bosnia...

Apabila manusia pertama kali melihat imej-imej kekejaman tersebut, mereka sering meluahkan perasaan marah dan berkata mahu melakukan sesuatu. Walau

bagaimanapun, laporan-laporan kekejaman yang bertali-arus, yang tidak pernah putus-putus itu, akhirnya tidak berupaya untuk menarik perhatian mereka lagi. Semakin ramai manusia yang mati setiap hari, wanita-wanita dicabul kehormatannya, kanak-kanak sewenang-wenangnya ditembak atau kehilangan kaki setelah terpijak periuk api... Walau bagaimanapun, reaksi masyarakat ketika awal-awal konflik dan peperangan, akhirnya telah digantikan dengan sikap acuh tak acuh dan tidak ambil kisah. Apabila mereka membeli suratkhabar, mereka lebih suka membaca gosip-gosip artis berbanding berita-berita peperangan. Oleh sebab itulah, kematian manusia yang berlaku di Palestin, Chechnya, Kashmir ataupun Timur Turkistan hanya sekadar menjadi suatu "berita rutin."

Tambahan pula, propaganda-propaganda yang dicipta telah menggambarkan kebuasan-kebuasan manusia itu sebagai suatu perkembangan politik sahaja. Akibatnya, pembunuhan berterusan di Chechnya hanya dianggap sebagai urusan sulit pihak Rusia, apa yang berlaku di Palestin hanyalah suatu perjuangan untuk mendapatkan tanah di antara orang-orang Israel dan Palestin, dan penekanan puak Hindu ke atas penduduk Kashmir sebagai masalah yang berpunca daripada posisi strategik wilayah itu. Memang benar bahawa faktor sejarah dan ekonomi memainkan peranan penting yang mencetuskan konflik-konflik tersebut. Chechnya mempunyai kepentingan ekonomi dan strategi yang penting kepada Rusia. Orang-orang Yahudi yang fanatik terus berniat untuk menawan Jerusalem dan kawasan-kawasan pendudukan Palestin yang lain sejak berabad-abad lamanya. Namun demikian, faktor-faktor dalaman dan ekonomi bukanlah satu-satunya penyebab kepada tekanan yang dikenakan kepada orang-orang Chechen

oleh pihak komunis Rusia, ataupun kekejaman yang dilakukan kepada umat Islam di Afrika, ataupun keganasan dan proses pembersihan etnik yang dideritai oleh umat Islam di rantau Balkan yang dilakukan di hadapan mata penduduk dunia. Di dalam bab-bab yang seterusnya, kita akan dapat melihat bahawa konflik-konflik yang tercetus itu adalah disebabkan identiti umat Islam itu sendiri.

Mereka dihimpit dengan berbagai-bagai bentuk penindasan kerana mereka adalah golongan yang beriman kepada Allah dan mahu hidup dengan berlandaskan Islam, dan mahu melihat anak-anak mereka menjadi orang-orang yang beriman juga. Kewujudan negara-negara kuat yang mementingkan nilai-nilai spirituil atau sebuah liga Islam yang kuat yang akan melindungi hak-hak umat Islam seadil-adilnya, telah menimbulkan ketakutan kepada golongan-golongan tertentu di Barat dan juga telah menimbulkan ancaman terhadap kepentingan pihak-pihak tertentu.

Aspek lain tentang hal ini ialah terdapat sesetengah manusia yang tidak mengetahui apa-apa pun tentang masyarakat yang hidup di negara-negara tersebut, dan malah tidak pernah mendengar sama sekali nama negara-negara itu. Situasi bagi seseorang yang tidak memiliki sebarang idea tentang kepayahan, penindasan, kekejaman, kebuluran, dan kemiskinan yang dideritai oleh umat Islam Sudan, Algeria, Indonesia, Myanmar, Djibouti dan Tunisia sebenarnya memerlukan suatu “makanan” untuk mengisi minda mereka. Ada juga segelintir manusia yang menyedari kekejaman dan ketidakadilan tersebut. Namun dia tidak mencuba untuk menghulurkan sebarang bantuan ataupun berusaha untuk menghentikan penindasan tersebut. Tambahan lagi, mereka sungguh yakin bahawa mereka tidak dapat

melakukan apa-apa, malah laporan-laporan yang dibaca dan imej-imej kekejaman yang dilihat menerusi televisyen tidak dapat menyedarkan mereka walaupun sedikit.

Seseorang yang benar-benar beriman, walau bagai-manapun,bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa yang mereka lihat dan dengar. Allah menyeru umat Islam di dalam Al-Quran:

Mengapa kamu enggan berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah baik lelaki, wanita, mahupun kanak-kanak yang semuanya berdoa: "Ya Tuhan kami. Keluarkanlah kami dari negeri ini yang mempunyai penduduk yang zalim, dan berilah kami pelindung dari sisi-Mu. Dan berilah kami penolong dari sisi-Mu." (An-Nisaa', 75)

Sudah tiada sebab lagi bagi orang-orang yang memiliki kesedaran, yang patuh kepada arahan yang terkandung di dalam ayat di atas untuk terus menutup mata dan tidak mengendahkan apa yang sedang berlaku. Adalah sesuatu yang mustahil untuk umat Islam tidur dengan nyenyak di atas katil tanpa wujud sebarang perasaan tanggungjawab di hati mereka, membazirkan masa mereka, dan hanya memikirkan tentang kepentingan dan keseronokkan dirinya sahaja sewaktu kekejaman yang melampau-lampau sedang berlaku di seluruh dunia. Ini kerana orang-orang yang beriman mengetahui bahawa kunci asas untuk menyelesaikan masalah peperangan yang berat sebelah, pembunuhan beramai-ramai, kekejaman, kebuluran, dan kebejatan masalah sosial, atau dengan ringkas segala masalah yang ada di dunia ini, adalah dengan menyebarkan ajaran

moral yang terkandung di dalam al-Quran. Pengetahuan tentang perkara tersebut telah meletakkan suatu tanggungjawab besar di atas bahu mereka: iaitu menerangkan tentang ajaran Islam dan keindahan-keindahan yang dibawa olehnya, menyebarkan ajaran moral yang terkandung di dalam al-Quran, dan melancarkan peperangan ideologi kepada golongan ateis... (Pent: iaitu golongan yang tidak percaya kepada kewujudan Tuhan)

Sesiapa yang mengambil tugas mulia tersebut akan dapat membebaskan semua insan yang hidup di bawah penindasan dengan bantuan petunjuk al-Quran:

...Sesungguhnya telah datang kepadamu cahaya dari Allah, dan sebuah kitab yang jelas. Dengan kitab itulah Allah menunjuki orang-orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan yang selamat. Dan Allah mengeluarkan orang-orang itu dari kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang dengan izin-Nya, dan menunjuk mereka ke jalan yang lurus. (Al-Maaidah, 15-16)

Tujuan utama penulisan buku ini adalah untuk mendedahkan penderitaan umat Islam yang tidak berdosa di serata dunia, dan juga untuk menyeru mereka yang berkesedaran untuk memikirkan tentang situasi tersebut dan seterusnya mencari jalan penyelesaiannya. Ini bukan masanya untuk kekal membisu, bersifat tidak kisah, mengejar kesenangan kecil dunia ini, dan membuang masa dengan perdebatan dan pertengkaran yang sia-sia. Ketika berjuta-juta umat Islam menderita disebabkan oleh kekejaman dahsyat tersebut, kita adalah manusia yang tersangat-sangat mementingkan diri sendiri jika enggan memikul sebarang tanggungjawab

untuk menegakkan agama Islam. Tidak menjadi satu keraguan bahawa perbuatan tersebut hanya menyebabkan kita menerima akibat yang pedih di akhirat nanti.

MUSUH-MUSUH DUNIA ISLAM

Perikatan anti-Islam berhadapan dengan umat Islam

Bab-bab yang berikutnya akan mengkaji dunia Islam negara demi negara, dan akan mendedahkan penindasan dan kekejaman yang dikenakan kepada umat Islam. Walau bagaimanapun, sebelum itu, kita mesti melihat punca-punca serangan yang dilancarkan kepada dunia Islam.

Kawasan yang dikenali sebagai dunia Islam terdiri daripada negara-negara yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Islam. Ia bermula dari Maghribi dan Mauritania di Barat sehinggalah ke Indonesia di Timur. Majoriti terbesar, dalam 1 bilion, yang mendiami kawasan tersebut beragama Islam. Sejak lebih 200 tahun, mereka telah berhadapan dengan pelbagai jenis serangan, penindasan, dan keganasan malah pernah dibunuh beramai-ramai hanya kerana mereka beragama Islam. Ini disebabkan ramai orang-orang Islam yang hidup di bawah rejim bukan Islam yang bencikan Islam.

Apabila kita melihat dunia Islam hari ini, kita akan dapat melihat dengan jelas usaha menghancurkan, menindas dan menghapuskan umat Islam di Bosnia, Algeria, Tunisia, Eritrea, Mesir, Afghanistan, Turkistan

Timur, Chechnya, Thailand, Filipina, Myanmar dan juga Sudan. Jika dilihat secara sepintas lalu, umat Islam di kawasan-kawasan yang berbeza itu sedang berhadapan dengan musuh-musuh yang berlainan. Orang-orang Serbia di Bosnia, pejuang Hindu di Kashmir, orang-orang Rusia di Caucasus, dan rejim-rejim penindas yang menentang umat Islam di negara-negara seperti Algeria, Mesir, dan Maghribi. Namun, kuasa-kuasa anti-Islam ini, yang kelihatan tiada perkaitan dengan yang lain, kesemuanya bertindak dengan logik yang sama, strategi yang serupa, dan menggunakan modus operandi yang sama. Faktor asasnya ialah mereka semua anti agama.

Kuasa-kuasa yang menafikan kewujudan Allah itu dan melihat agama-agama ketuhanan – terutamanya Islam, satu-satunya agama yang korup – sebagai musuh paling berbahaya kepada sistem sekular mereka dan seterusnya mengisytiharkan perang keganasan terhadap agama dan mereka yang beriman, sebenarnya mewakili ideologi-ideologi ateis. Inilah sebabnya mengapa musuh sebenar Islam bukannya orang-orang Serbia, Hindu ataupun pelbagai rejim-rejim penindas yang lain, tetapi adalah pegangan tidak beragama yang menyelubungi dunia ini. Dasar peperangan menentang Islam tersebut berakar-umbi daripada ateisme dan telah bermula sejak sekian lama.

Kolonialisme dan Kebencian Terhadap Islam

Dunia Islam tidak selalunya kekal statik. Beberapa ratus tahun dahulu, dunia diperintah oleh empayar Islam. Pada permulaan tahun 1700, hampir seluruh

dunia Islam ditadbir oleh tiga empayar agung. Empayar Moghul memerintah India, manakala Empayar Safavid memerintah Iran dan kawasan-kawasan sekitarnya. Kuasa ketiga dan yang paling berkuasa ialah Empayar Uthmaniyah, yang memerintah seluruh Semenanjung Balkan termasuklah Anatolia (sekarang digelar Turki), Mesopotamia (sekarang digelar Iraq dan Syria), Semenanjung Arab, dan Afrika Utara.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga empayar tersebut akhirnya hilang secara beransur-ansur daripada peta dunia. Empayar Moghul menjadi lemah, menjadi semakin kecil, dan akhirnya tumbang. Sub-benua India akhirnya jatuh ke dalam tangan kolonial British. Kawasan yang dikenali sebagai Indocina telah dikoloni oleh Perancis. Kerajaan Safavid di bahagian tengah Asia akhirnya jatuh di bawah pemerintahan British dan Rusia. Empayar Uthmaniyah, empayar umat Islam ketiga dan yang paling kuat, akhirnya menjadi semakin kecil bermula sejak permulaan abad kesembilan belas. Tanah-tanah jajahan Uthmaniyyah di Barat telah jatuh ke tangan Rusia, dan negeri-negeri Balkan telah dipengaruhi olehnya. Timur Tengah, Semenanjung Arab dan Afrika Utara telah dikuasai oleh British, Perancis dan Itali. Dengan berakhirnya Perang Dunia Pertama, sebahagian besar dunia Islam telah diperintah oleh kerajaan-kerajaan bukan Islam.

Kesemuanya merupakan kuasa kolonial dunia ini. Pada tahun 1920-an, Rusia dan Itali menyertai negara-negara kolonial tradisi seperti Britain dan Perancis. Negara-negara tersebut telah menjajah dan menguasai dunia Islam. Mereka tidak teragak-agak untuk melakukan penyeksaan kejam dan kezaliman ke atas populasi umat Islam yang berada di bawah pemerintahannya. Britain dan Perancis “mentadbir”

umat Islam di Timur Tengah, Afrika Utara, dan Timur Jauh. Dengan kata lain, mereka menuai dan menggunakan sumber-sumber alam negara Islam untuk kepentingan mereka sendiri. Soviet Rusia mengambil alih Caucasus dan Asia Tengah, dan umat Islam di kawasan tersebut telah diperhambakan di bawah tekanan rejim komunis. Itali menawan Libya pada tahun 1911, dan kemudian melakukan penaklukan berdarah ke atas Abyssinia (sekarang digelar Ethiopia) pada tahun 1930-an.

Satu ciri penting polisi-polisi Britain dan Perancis terhadap Timur Tengah ialah penubuhan negara-negara boneka yang dipergunakan untuk memenuhi segala keperluan mereka. Order palsu di Timur Tengah itu telah menjadi benih beracun yang membawa kepada berlakunya peperangan demi peperangan. Dua kuasa besar penjajah Eropah itu telah dipaksa berundur dari kawasan tersebut setelah selesai Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun, mereka pergi dengan meninggalkan satu kuasa penjajah yang lebih kejam, lebih agresif, dan lebih dahsyat: Israel.

Apabila kita melihat gambar yang mana gambaran kasar tentangnya telahpun dirumuskan, kita dapat melihat dengan jelas bahawa dunia Islam sudah menjadi sasaran kuasa asing sejak permulaan abad kesembilan belas lagi. Sepanjang tempoh 200 tahun, dunia umat Islam telah diduduki, dijajahi, ditindas dan dizalimi oleh kuasa-kuasa ini. Rejim-rejim boneka yang diletakkan oleh kuasa-kuasa tersebut di dalam dunia Islam turut menindas umat Islam, dan mereka masih melakukannya sehinggalah ke hari ini. Tambahan lagi, kuasa-kuasa luar tersebut telah mewujudkan beberapa ideologi baru yang sangat asing kepada dunia Islam, seperti nasionalisme melampau, fasisme dan komunisme. Mereka

kemudiannya menggunakan golongan yang terpedaya dengan ideologi-ideologi tersebut untuk menjadi "musuh dalam selimut" kepada masyarakat Islam.

Dasar Ideologi-ideologi Permusuhan Terhadap Islam

Apabila kita menganalisis musuh-musuh dunia Islam, kita akan berjumpa dengan tiga idea-idea asas:

1. **Imperialisme Barat**: Sebagai contoh, kolonialisme British dan Perancis seperti yang telah diterangkan di atas.

2. **Ekstrem-fasisme nasionalisme**: Fasisme Itali, Israel, dan kumpulan-kumpulan profasis yang menyebabkan tercetusnya perang-perang saudara di dalam dunia Islam.

3. **Komunisme**: Soviet Rusia, China, Kemboja di bawah pemerintahan Khmer Rouge, komunis di Afghanistan dan pelbagai lagi kumpulan komunis di Timur Tengah.

Kajian yang lebih mendalam mendedahkan bahawa ketiga-tiga idea tersebut muncul pada abad kesembilan belas, dan berkembang pada abad kedua puluh. Nasionalisme ekstrem dan fasisme yang muncul daripada kebangkitan idea-idea tersebut merupakan ideologi-ideologi yang terbit secara menyeluruh pada abad kesembilan belas, dan mula dipraktikkan dengan meluas pada abad kedua puluh. Komunisme bermula daripada teori materialisme dialektikal yang diperkenalkan oleh Marx dan Engels pada abad kesembilan belas, walaupun regim komunis yang pertama masih belum ditubuhkan sehingga tahun 1917, di Rusia.

Seseorang boleh berkata bahawa hanya kolonialisme Barat yang bermula sejak awal-awal abad, walaupun kemudian ia dirangkumi oleh inisiatif ekonomi yang terbatas dan kemudian sekali lagi mendominasi posisi global dengan menggunakan asas-asas falsafah dan ideologinya pada abad kesembilan belas.

Ini menunjukkan kepada kita bahawa musuh dunia Islam yang sebenarnya bukanlah sebuah kesatuan ataupun peradaban (misalnya peradaban Barat), tetapi adalah "ideologi-ideologi" yang telah menukarkan kesatuan-kesatuan atau peradaban-peradaban tersebut kepada penindas-penindas yang hauskan darah. Ideologi-ideologi ini telah mendominasi sebahagian besar dunia pada abad kesembilan belas, dan telah membawa kekejaman dan kezaliman ke mana-mana sahaja ia pergi. Sebenarnya ideologi-ideologi inilah yang menjajah, membahagi, merompak, memperhamba, dan menyembelih umat Islam sedunia.

Apabila kita memerhatikan ketiga-tiga ideologi ini, kita dapat melihat di sebalik segala apa yang berlaku ialah peningkatan kepercayaan ateisme di Barat. Setiap daripada mereka muncul apabila dunia Barat sudah tidak mahu lagi percaya kepada Tuhan dan agama, dan mula menerima fahaman golongan materialis sebagai cara hidup mereka.

Satu kebenaran penting yang mengesahkan hakikat ini ialah ketiga-tiga ideologi ini telah diasaskan daripada teori evolusi Darwin, yang mana menggambarkan "asas saintifik ateisme" dan yang mana buat julung-julung kalinya falsafah ateis telah menjadi satu "kebenaran saintifik."

Hubungan di Antara

Darwinisme,
Kolonialisme dan Fasisme

Darwinisme kononnya dipanggil asas saintifik kepada kolonialisme. Ini kerana Darwin telah meletakkan bangsa manusia di dalam kelas yang berbeza-beza di dalam proses evolusi khayalannya itu. Beliau menganggap bangsa kulit putih Eropah merupakan bangsa yang paling maju, dan menggambarkan bangsa Asia dan puak Afrika sebagai makhluk yang setaraf dengan beruk. Di samping itu, beliau turut mencadangkan bahawa semua manusia berada di dalam konflik yang tetap dan sentiasa bertarung untuk terus hidup, dan beliau mengatakan itulah “hukum alam” yang mana Barat harus memenangi pertarungan ini dan memperhambakan bangsa-bangsa yang lain. Di dalam bukunya, *The Origin of Species*, beliau telah menulis:

Suatu hari nanti di masa hadapan, tidak berapa jauh sahaja lagi jika diukur secara abad, bangsa-bangsa manusia yang bertamadun pasti akan menghapuskan dan menggantikan bangsa-bangsa liar di seluruh dunia. Pada masa yang sama juga, beruk *anthropomorphous* (seperti-manusia)... tanpa ragu lagi akan dihapuskan. Jurang di antara manusia dan kumpulan terdekatnya akan menjadi lebih luas lagi, yang mana ia (pent: iaitu kumpulan terdekat) akan mengganggu keadaan yang lebih bertamadun, sepert yang kita mungkin harap, malahan juga daripada Caucasian, dan serendah-rendah beruk seperti babun, sebagai ganti sekarang di antara negro ataupun penduduk Australia dan gorila.[1]

Darwin membuat kesimpulan yang menarik ini

dengan menggunakan konsep “perjuangan untuk terus hidup” (*struggle for survival*). Berdasarkan kepada dakwaan ini, yang lemah akan disingkirkan dalam perjuangan untuk terus hidup, manakala yang kuat dan lebih sesuai akan terselamat. Di samping itu, beliau mempertahankan dakwaannya dengan mengatakan proses tersebut amat penting untuk kemajuan universal, dengan kata lain penghapusan bangsa-bangsa tertentu merupakan suatu proses yang membolehkan manusia lebih maju dan melangkah lebih jauh ke hadapan.

Idea tidak saintifik yang dikenali sebagai “Sosial Darwinisme” (*Social Darwinism*) ini, telah diterima dengan meluas dalam dunia sains yang masih primitif ketika itu dan ia telah menjadi sumber justifikasi asas kepada kolonialisme Eropah.

Sosial Darwinisme menjadi sumber inspirasi pembentukan ekstrem nasionalisme, fasisme dan juga imperialisme. Kesemua ahli-ahli teori abad kesembilan belas yang dikenali sebagai para pengasas fahaman fasisme (seperti Friedrich Nietzsche, Heinrich von Treitschke, Francis Galton, dan Ernst Haeckel) telah dipengaruhi hebat oleh teori evolusi Darwin, terutama sekali tentang konsep “perjuangan untuk terus hidup.” Mussolini, seorang diktator Itali yang telah mengasaskan rejim fasis yang pertama, merupakan ahli Darwin yang begitu setia pada zaman mudanya dan sering mengagungkan Darwin di dalam artikel-artikel yang ditulisnya. Adalah sesuatu yang jelas di dalam penulisan-penulisan Hitler dan tokoh-tokoh penting Nazi, yang menunjukkan bahawa mereka juga telah mendapat inspirasi daripada Sosial Darwinisme. (Untuk maklumat lanjut, rujuk karya Harun Yahya, *Fascism: Darwinism’s Bloody Ideology*, Istanbul, Vural Yayincilik, 2001)

Kebencian Ideologi-ideologi Komunis Terhadap Islam

Darwinisme turut menjadi asas kepada komunisme. Ia telah dijelaskan oleh pengasasnya yang pertama, Karl Marx dan Friedrich Engels. Kedua-duanya merupakan ateis, yang melihat penghapusan kepercayaan beragama merupakan sesuatu yang amat penting kepada komunisme, dan kedua-duanya memahami sejelas-jelasnya bahawa teori evolusi dapat membantu mereka mencapai hasrat yang diidam-idamkan.

Tidak berapa lama selepas buku Darwin diterbitkan, Engels menulis surat kepada Marx yang berbunyi: *"Buku Darwin yang sedang saya baca ini amat bagus sekali."*[2] Pada 19 Disember 1860, Marx membalas, *"Inilah buku yang mengandungi asas sejarah semula jadi untuk rujukan kita."*[3] Di dalam suratnya yang lain kepada seorang lagi rakan sosialis, Lassalle, yang bertarikh 16 Januari 1861, Marx menulis, *"Hasil kerja Darwin adalah sangat penting dan memenuhi niat saya yang mana ia menyediakan asas kepada sains tulen untuk perjuangan kelas yang bersejarah,"*[4] maka dengan itu telah mendedahkan betapa pentingnya teori evolusi kepada komunisme.

Para diktator seperti Lenin, Trotsky, Stalin dan Mao Tse-tung telah memberikan komen mereka tentang komunisme, yang mana ia menunjukkan suatu hubungan ideologi kepada idea Darwin. Teori evolusi dijadikan asas pendidikan dan polisi pertanian di bawah rejim komunis. Semua pergerakan komunis menemui asas ideologi dan justifikasi apabila mereka melihat fahaman Darwinisme.

Bagi ideologi komunis yang begitu terpengaruh

dengan Darwinisme, masyarakat hanyalah “sekumpulan haiwan.” Manusia adalah tidak bernyawa, makhluk yang dungu, “mesin manusia-haiwan”, dan tidak berguna. Hukum “Ada banyak kumpulan haiwan, jadi tidak mengapa jika satu hilang” telah menjadi asas pemerintahan. Mereka yang cacat dan tidak berupaya berkerja akan disingkirkan daripada kumpulan tersebut dan akan dibiarkan mati. Mereka dilihat sebagai sesuatu yang sakit dan berbahaya. Tidak wujud langsung sebarang perasaan kasih-sayang, belas kasihan, dan kesetiaan. Memandangkan mereka percaya tiada kehidupan selepas kematian, maka mereka hidup dengan menggunakan seluruh kuasa yang dimiliki. Memandangkan semua orang adalah musuh dan pesaing di dalam pergelutan untuk terus hidup, maka segala tindak-tanduk dilakukan untuk menentang mereka, dan kebencian menjadi satu perkara lumrah.

Adalah sesuatu yang semulajadi bagi ideologi komunis, yang mewujudkan suatu masyarakat tanpa semangat moral, sprituil dan juga kemanusiaan, turut memusuhi agama. Sifat-sifat mulia seperti nilai-nilai moral, cinta, sayang, belas kasihan, sanggup berkorban, berkerjasama dan saling bermaafan tidak mendapat sebarang tempat di dalam model yang diwujudkan komunisme. Apabila seseorang membaca tulisan-tulisan Marx, Engels, Lenin, Stalin, Trotsky, Mao dan para pendukung ideologi komunis yang lain, mereka akan dapat melihat kebenaran hakikat tersebut. Marx menggambarkan agama sebagai “candu masyarakat” dan juga sebagai budaya yang dibentuk oleh kelas pemerintah yang hanya melenakan orang-orang miskin. Oleh itu, beliau mencadangkan agar sebarang kepercayaan beragama dihapuskan jika komunisme mahu bertapak dengan kukuhnya.

Di dalam artikel Lenin yang bertajuk *"Socialism and Religion"* (Sosialisme dan Agama), yang diterbitkan pada 1905 di dalam sebuah majalah berbahasa Rusia *Novaya Zhizn,* beliau menggambarkan agama sebagai "kabus" yang harus dihapuskan, dan juga turut menyusun propaganda komunis yang akan dilaksanakan. Di dalam *"The Attitude of the Workers' Party to Religion"* (Sikap Parti Buruh Terhadap Agama) yang diterbitkan di dalam majalah *Proletary* pada tahun 1909, beliau sebagai pemimpin Parti Demokratik Sosial Rusia (yang kemudiannya dikenal sebagai Parti Komunis) telah menulis:

Asas kepada falsafah Marxisme, seperti Marx dan Engels berulang-kali isytiharkan, ialah dialektikal materialisme, yang telah mengambil alih sepenuhnya tradisi bersejarah materialisme abad kelapan belas di Perancis dan juga materialisme Feuerbach (separuh masa pertama abad kesembilan belas) di Jerman yang mana ia merupakan ateis mutlak dan memusuhi semua agama dengan hebatnya. "Agama adalah candu masyarakat." Pernyataan rasmi oleh Marx ini telah menjadi batu asas kepada pandangan ahli-ahli Marxis terhadap agama. [5]

Kenyataan tersebut menunjukkan permusuhan Marx terhadap semua agama, dan juga telah mendedahkan kejahilannya tentang perkara tersebut. Kenyataan-kenyataan tersebut tidak mencerminkan kebenaran hakiki. Komunisme dan ideologi-ideologi ateis yang lain menyebabkan manusia tidak dapat berfikir, dan melakukan apa sahaja yang diarahkan tanpa banyak soal. Adalah sesuatu yang jelas bahawa manusia yang tidak pernah berfikir tidak akan mencapai hakikat kebenaran, dan seterusnya menjadikan hidup mereka penuh dengan

tipuan dan kesalahan. Dengan berfikir, manusia dapat memahami tujuan dunia ini diciptakan, dan juga sebab kewujudan diri mereka sendiri. Kebenaran ini telah dijelaskan di dalam al-Quran:

Kami tidak menciptakan langit dan bumi dan segala apa yang ada antara keduanya dengan tujuan main-main. Kami tidak menciptakan keduanya melainkan dengan hak (kebenaran), tetapi majoriti mereka tidak mengetahui. (Ad-Dukhan, 38-39)

Oleh itu, setiap individu harus memikirkan pertama sekali tentang tujuan penciptaannya, dan kemudian tentang makhluk atau jasad yang dilihat di alam ini dan juga yang akan dijumpai sepanjang kehidupan mereka. Seseorang yang gagal berfikir hanya akan dapat memahami kebenarannya setelah dia mati, di hadapan Allah, tetapi ketika itu segalanya sudah terlewat. Berfikirlah sementara kita masih punya masa, dan kemudian buatlah kesimpulan. Ia pasti akan memberikan faedah kepada kita di Hari Akhirat nanti. Itulah sebabnya Allah menyeru manusia, dengan menggunakan utusan-utusan dan juga kitab-kitab-Nya, untuk berfikir tentang tujuan penciptaannya dan seluruh alam semesta ini:

Dan mengapa mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) mereka? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya melainkan dengan (tujuan) yang benar dan untuk waktu yang ditentukan. Dan sesungguhnya ramai manusia yang ingkar tentang pertemuan dengan Tuhannya. (Ar-Ruum, 8)

Namun demikian, musuh-musuh agama seperti para pemimpin komunis, telah melemparkan tuduhan-tuduhan tidak berasas yang menyebabkan ramai manusia berpaling dari agama, sehingga mendakwa agama menghalang manusia dari berfikir. Namun seperti yang telah kita lihat, agama sebenarnya mengajak manusia untuk berfikir.

Kesimpulan

Secara ringkas, telah jelas bahawa ketiga-tiga ideologi yang memusuhi dunia Islam itu telah berakar-umbi dari budaya ateis yang telah menguasai dunia Barat pada kurun kesembilan belas.

Hal ini sekali lagi menunjukkan bahawa betapa pentingnya perang intelektual dilakukan untuk menentang segala fahaman ateisme, yang mana ia bukan sahaja suatu kuasa yang cuba membinasakan kehidupan manusia di Akhirat dengan menghapuskan kepercayaan beragama. Sebaliknya ia juga, pada masa yang sama, turut bertujuan untuk memusnahkan dunia ini, menukarkannya menjadi sebuah tempat yang dipenuhi kekacauan dan peperangan, dan ia melihat umat Islam sebagai sasaran utama.

Inilah sebabnya mengapa perang intelektual adalah baik kerana ia suatu tindakan untuk meningkatkan keimanan dan juga sebagai satu “perang moral” menentang “korupsi” yang sedang menguasai bumi ini. Kewujudan ramai umat Islam yang sedang ditindas oleh sistem ateis di seluruh dunia telah menyedarkan kita betapa pentingnya perjuangan tersebut. Setiap kejayaan ideologi menentang ateisme (dan juga falsafah-falsafah, ideologi-ideologi dan yang kononnya merupakan teori

saintifik seperti Darwinisme yang bersandarkan kepada dasar-dasar ateis) juga merupakan kejayaan moral yang dapat membantu umat Islam yang sedang ditindas di seluruh dunia.

CHECHNYA

Penindasan yang dilakukan di mata dunia

Selepas kejatuhan Kesatuan Soviet kira-kira sedekad yang lalu, zaman kepayahan
masih dirasakan oleh banyak negara yang dahulunya merupakan sebahagian daripadanya. Kesan dari polisi perluasan kuasa Rusia di Kazakhstan, Turkmenistan, Azerbaijan, Uzbekistan, Kyrgyztan dan Dagesten masih belum dapat dipadamkan. Negara-negara ini, yang percaya bahawa mereka mampu membina keamanan dan memupuk persaudaraan selepas bebas daripada penindasan rejim Soviet, kemudiannya mendapati mereka terpaksa berkonfrontasi dengan penindasan Rusia dalam bentuk yang agak berlainan sedikit. Sebaliknya, ada juga satu bangsa yang masih belum bebas daripada perjuangan 400 tahun untuk mendapatkan kemerdekaan daripada Rusia. Negara itu ialah Chechnya, yang mana keberanian dan hasrat mereka untuk mendapatkan kemerdekaan telah tercatat di dalam sejarah.

Sejarah perjuangan kental umat Islam Chechnya menentang Rusia bermula pada akhir abad kelapan belas berikutan dengan penawanan dan seterusnya pembunuhan yang dilakukan terhadap Imam Mansur, seorang pejuang penentang legenda, pada tahun 1791, di tangan pihak Rusia. Pada tahun 1816, selepas Czar (Pent: gelaran yang diberikan kepada raja Rusia dahulu) mengarahkan Jeneral Yermolov untuk memimpin pasukan tentera Rusia, orang-orang Chechen yang tinggal di utara Caucasus telah dibunuh dengan begitu

kejam. Apabila pemimpin umat Islam Chechen Imam Hamzat dibunuh, Sheikh Shamil mengambil alih teraju kepimpinan tentera Chechen, dan mula berjuang hebat untuk mendapatkan kemerdekaan, yang seterusnya di-perturunkan dari satu generasi ke satu generasi berikutnya sehinggalah ke hari ini.

Pasukan tentera Sheikh Shamil dengan gagahnya menentang dasar perluasan wilayah oleh pihak Rusia selama suku abad, dari 1834 sehingga 1859. Namun demikian pada akhirnya, Rusia berjaya menawan wilayah tersebut dan terus berada di situ sehingga hari ini. Perjuangan orang-orang Chechen untuk mendapatkan kemerdekaan pada hari ini sebenarnya adalah sambungan dari pergerakan yang dimulakan oleh Sheikh Shamil.

Bagaimanakah Situasi Semasa Tercetus?

Ada berbagai-bagai sebab, faktor-faktor sejarah dan ekonomi tertentu, yang terselindung di sebalik penindasan kejam dan keganasan yang dilakukan terhadap orang-orang Chechen oleh pihak Rusia. Chechnya sebenarnya mempunyai kepentingan besar kepada Rusia berbanding republik-republik Caucasian yang lain. Wilayah ini mengandungi simpanan tenaga yang sangat banyak, terutamanya minyak dan gas asli. Semasa Perang Dingin, pihak Komunis Rusia mendapatkan segala keperluan bahan mentahnya dengan harga yang begitu murah daripada Chechnya, dan juga turut menggunakan negara tersebut untuk kepentingannya sendiri. Selepas kejatuhan Kesatuan

Soviet, walau bagaimanapun, deklarasi kemerdekaan yang dituntut oleh Chechnya – sumber bahan mentah terbesar – dan juga bekas-bekas republik Soviet yang lain telah meletakkan Rusia di dalam kebimbangan.

Di samping faktor ekonomi, polisi perluasan kuasa Rusia yang berabad-abad lamanya menjadi faktor sejarah yang membawa kepada huru-hara yang baru-baru ini berlaku di Asia Tengah dan Caucasus. Selepas Kesatuan Soviet tumbang, Moscow mengalami waktu-waktu yang tidak stabil, tetapi kemudian cuba keluar dari situasi tersebut, dan mengambil inisiatif-inisiatif jangka panjang untuk mewujudkan semula penguasaan ke atas republik-republiknya yang dahulu. Tanda pertama yang membuktikan apa yang sedang Rusia lakukan ke atas republik-republik ini telah disampaikan di dalam satu ucapan oleh Presiden Boris Yeltsin pada tahun 1993. Dalam ucapannya, beliau mengatakan bahawa **Rusia akan sekali lagi memenangi status kuasa super dengan mendapatkan semula semua kedudukan-kedudukan yang telah hilang.**[6] Dengan kata lain, Rusia enggan menerima sebarang deklarasi kemerdekaan negara-negara tersebut, kemenangan mereka untuk mendapatkan kebebasan, dan kebolehan mereka untuk berdiri di atas kedua-dua kaki sendiri. Sebaliknya, Rusia melihat negara-negara tersebut sebagai “kedudukan yang mesti dirampas kembali.”

Kesannya, wujud sesetengah komuniti umat Islam yang masih gagal mendapatkan kebebasan dan terus berada di bawah persekutuan Rusia. Salah satu daripadanya ialah Chechnya, yang telah menjadi sasaran utama tekanan, dan dengan sebab itu ia berhadapan dengan pelbagai jenis kekejaman yang maha dahsyat.

Untuk memahami dengan tepat apa yang sedang berlaku di Chechnya kini, kita perlu menumpukan

perhatian terhadap beberapa perkara penting. Peperangan yang tercetus di Chechnya bukanlah konflik yang mana kedua-dua pihak mengangkat senjata kerana konflik yang berlaku di antara mereka sudah sampai ke tahap yang sudah tidak boleh diselesaikan dengan jalan damai lagi, iaitu jenis perang yang boleh dijumpai di mana-mana sahaja di dunia ini. Keadilan yang dituntut oleh orang-orang Chechen untuk mendapatkan kemerdekaan telah diperdebatkan oleh pelbagai pihak di peringkat antarabangsa, dan pelbagai pendapat telah diajukan. Kesemua pendapat-pendapat tersebut boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun perkara yang kesemua pihak bersetuju ialah Rusia telah melampaui batas dan menyerang penduduk yang tidak bersalah, menukarkan peperangan yang pada mulanya hanya melibatkan askar kepada usaha untuk menghapuskan seluruh populasi Chechnya. Hal ini tidak dapat diterima, dan ia akan menjadi pokok perbincangan penting di dalam bab ini.

Dalam usaha Rusia untuk memperlihatkan dirinya berada di pihak yang benar di persada arena antarabangsa, Rusia memberitahu bahawa perang yang berlaku di Chechnya hanyalah satu “perkara domestik”, dengan harapan ia akan menutup mata masyarakat terhadap keganasan yang berlaku di sana. Namun, alasan itu tidak mencukupi untuk menerangkan tentang perihal pemuda-pemuda Chechen yang dikumpul di jalanan dan seterusnya dihantar ke pusat-pusat seksaan, mereka yang dipenjara diikat kakinya pada kereta kebal dan seterusnya diseret, bayi-bayi yang masih kecil ditembak dan harta penduduk dirompak. Ramai ahli sains falsafah dan pakar-pakar yang bersetuju bahawa Rusia terlibat melakukan *genocide* di wilayah tersebut dan melakukan kekejaman yang jarang dilihat sebelum

ini, kesemuanya dilakukan untuk memastikan Chechnya terus berada di dalam genggamannya.

Sebaliknya, serangan-serangan yang dilakukan oleh sesetengah golongan Chechen terhadap penduduk awam Rusia juga mesti dikecam dengan jelas. Orang-orang Chechen secara asasnya berjustifikasi mahukan sebuah kehidupan yang bebas dan mulia. Namun, tindakan-tindakan sedemikian telah menconteng arang terhadap kehendak yang telah dijustifikasikan dan seterusnya menyulitkan lagi usaha untuk membela tindak-tanduk orang-orang Chechen. Sebagai tambahan, haruslah diingat bahawa menyerang orang awam yang tidak bersalah adalah secara terang-terangan melanggar prinsip-prinsip Islam. Sepanjang hidup Nabi Muhammad s.a.w., Baginda sentiasa membela hak-hak orang awam, walaupun ketika pergaduhan yang dahsyat, dan mengarahkan semua umat Islam agar bersikap sederhana dan tidak fanatik. Inilah kehendak moral yang dituntut oleh al-Quran. Di dalam al-Quran, Allah telah mengarahkan umat Islam agar bersikap pemaaf dan bertoleransi dan juga untuk bersikap adil, walaupun ketika peperangan. Seorang Muslim mesti menjadi orang pertama yang memberi makan kepada orang tawanannya walaupun dia sendiri sedang kelaparan, selalu bersifat sederhana walaupun di tengah-tengah peperangan, membela hak mereka yang ditindas dan tidak pernah terpesong dari jalan kejujuran dan keadilan. Atas sebab inilah, orang-orang Chechen mesti sentiasa ingat kepada peringatan Allah **“Wahai orang-orang yang beriman. Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sering menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlakulah adil,**

kerana adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan" (Al-Maaidah, 5), walaupun ketika menentang penindasan Rusia, dan mesti tidak menjadikan orang awam yang tidak bersalah dan tidak bersenjata sebagai sasaran mereka.

Harapan kami adalah untuk mencari jalan penyelesaian terhadap perbezaan di antara orang-orang Chechen dan pentadbiran Rusia dengan berdasarkan cara yang aman dan sederhana, seperti juga yang akan dilakukan terhadap kes-kes lain yang berlaku di kawasan dunia Islam yang lain.

Kebimbangan Moscow Terhadap "Caucasus Bersatu"

Chechnya, yang telah menjadi agenda dunia sejak sedekad yang lalu, merupakan sebuah negara kecil yang berukuran kira-kira 16,000 kilometer persegi. Di dalam Persekutuan Rusia hari ini, ada 19 republik autonomi yang mempunyai kedudukan yang sama seperti Chechnya. Republik-republik ini membentuk 28 peratus, dalam satu perempat, daripada keseluruhan wilaayah Rusia. Moscow masih memiliki pengaruh yang kuat ke atas republik-republik tersebut, dan sangat berharap agar pengaruh tersebut dapat kekal selama-lamanya. Kehilangan Chechnya akan memecahkan cengkaman kuasa Rusia terhadap republik-republik yang lain, dan seterusnya akan menjadi contoh kepada bangsa-bangsa lain untuk melakukan tindakan yang serupa. Jika orang-orang Chechen, yang banyaknya seperti kumpulan askar

Rusia sahaja, berpisah dari Rusia, ini akan mencetuskan penubuhan gerakan-gerakan menuntut kemerdekaan di dalam republik-republik autonomi yang lain. Karekteristik paling jelas yang terdapat pada republik-republik di dalam Persekutuan Rusia ialah cara mereka mempengaruhi di antara satu sama lain dengan berkesan sekali, dan bagaimana sesuatu perubahan yang berlaku di dalam sesebuah republik dapat mempengaruhi yang lain.

Di samping semua ini, masih ada satu elemen yang menjadikan Chechnya begitu penting kepada Rusia. Ketakutan Moscow yang sebenar, seperti contoh di Bosnia dan Kosovo, ialah penubuhan dan perjuangan membela hak-hak umat Islam yang tinggal di dalamnya. Inilah sebab paling penting mengapa perang yang tidak berperikemanusiaan dilancarkan oleh pentadbiran Rusia terhadap Chechnya, yang mana mereka telah berusaha selama bertahun-tahun untuk menghapuskan identiti agama orang-orang Chechen, dan dengan itu mengenakan penindasan kejam ke atas mereka, memusnahkan masjid-masjid, mengharamkan ibadat kepada Allah, dan melarang pendidikan yang bersifat keagamaan.

Orang-orang Chechen dikenali dengan kesetiaan mereka terhadap agama, keazaman mereka berjuang untuk hidup dengan berlandaskan agama, dan identiti keislaman mereka yang amat kuat memberi kesan kepada negara-negara Islam yang lain di Caucasus. Idea “Cacasus Bersatu” yang telah dicadangkan oleh Imam Mansur pada tahun 1780-an yang bertujuan untuk menyatukan seluruh Caucasus, benar-benar telah memberi amaran kepada Rusia. Ini kerana ciri utama penubuhan kesatuan tersebut ber sifat Islamik, dan ia memberikan ancaman getir terhadap segala kepentingan

Rusia.

Ketakutan-ketakutan ini telah menimbulkan keinginan Rusia untuk melihat “Chechnya tanpa Chechen”. Berdasarkan kepada polisi semasanya, Rusia mahu menghapuskan orang-orang Chechen sehingga ke akar umbi, menghalang sebarang penubuhan kesatuan Islam, dan mahu mengambil semula bekas-bekas tanah jajahan yang hilang ke pangkuan dominasinya semula. Sedangkan, walaupun “Caucasus Bersatu” ditubuhkan, ia tidak perlu dianggap sebagai satu perkembangan anti-Rusia. Jika Rusia menjalinkan hubungan baik dengan umat Islam Caucasus, jadi tiada sebab bagi mereka, sama ada merdeka atau tidak, untuk menunjukkan sikap menentang terhadap Moscow.

Perjuangan Berterusan Orang-orang Chechen yang Tidak Bersenjata

Terdapat banyak contoh di dalam polisi-polisi Rusia yang lebih cenderung kepada keganasan berbanding keamanan. Rusia sudah menjalankan pelan-pelan sulitnya di Chechnya, terutama sekali pada permulaan 1990-an. Rusia berpendapat bahawa mereka tidak boleh menghapuskan orang-orang Chechen yang kesatuan mereka tidak mudah untuk dipecahkan, dengan menggunakan kuasa ketenteraan semata-mata. Jadi Rusia cuba melemahkan Chechnya dari dalam dan mencuba berbagai-bagai cara untuk melakukannya. Rusia memulakan langkah pertamanya dengan memusnahkan perpaduan mereka dan mencetuskan kekacauan di Chechnya dengan masuk campur di dalam

pilihan raya, membeli ahli-ahli politik, melakukan penculikan dan tindakan-tindakan terorisme, menggunakan paderi-paderi pro-Rusia dan seterusnya mencetuskan perbezaan-perbezaan agama, termasuklah mengenakan tekanan ekonomi dan politik. Namun, segala usaha tersebut tidak mencapai apa yang diharapkan.

Pendudukan Rusia ke atas Chechnya pada 1991 telah ditamatkan oleh Dzhokar Dudayev. Kemudian satu kekacauan serius pada bulan November 1994 bertukar menjadi sebuah peperangan pada 11 Disember tahun yang sama. Lebih 100,000 orang-orang Chechen hilang tempat tinggal, dan beratus-ratus ribu yang lain terpaksa menjadi pelarian. Penggunaan senjata kimia yang diharamkan telah membawa kepada *genocide.* Selain itu, oleh kerana Rusia sudah memberitahu bahawa Chechnya hanyalah satu “masalah dalaman”, tiada sebarang reaksi serius dari dunia luar. Tiada bantuan yang dihulurkan kepada kepada orang-orang Chechen, melainkan beberapa negara-negara Eropah.

Peperangan tersebut berakhir pada Ogos 1996 apabila Rusia mengakui kekalahannya. Kejayaan orang-orang Chechen ke atas Rusia telah memberi kesan mendalam kepada republik-republik yang lain di Caucasus. Pada tahun 1998, penduduk di utara Cacasus telah berhimpun dalam “Konvensyen Penduduk Cacasus Utara” di Grozny, ibu negara Chechnya. Kesemua negara-negara peserta bersetuju dengan posisi masing-masing untuk mengelakkan dari tercetusnya sebarang konflik yang mampu memecah-belahkan penduduk di utara Caucasus, dan saling memberi perlindungan di dalam serangan yang dilancarkan oleh Rusia. Kesatuan ini memberi mimpi ngeri kepada Rusia. Apa yang ditakuti selama ini telah menjadi kenyataan. Jika Rusia

membenarkan ia berlaku, sebuah kesatuan Islam yang ditakuti akan muncul. Inilah sebabnya mengapa Rusia melakukan operasi keduanya untuk menentang Chechnya. Kali ini, cara yang lebih kejam dilakukan, dan siksaan yang tidak berperikemanusiaan dilakukan ke atas orang-orang yang tidak bersenjata di mata dunia. Namun atas sebab yang sama, kebuasan yang berlaku hanya dianggap sebagai “hubungan dalaman” Rusia.

Peperangan kedua sebenar yang berlaku di antara orang-orang Chechen dan Rusia bermula apabila Rusia mengepung dan mengebom beberapa perkampungan di Dagestan pada awal 1999. Lebih kurang 1,500 penduduk di perkampungan tersebut meminta bantuan daripada Chechnya, yang mana mereka menganggapnya sebagai pemimpin. Shamil Basayev, yang mula mendapat perhatian atas kejayaannya di dalam peperangan, telah memberikan bantuan kepada penduduk Dagestan pada musim panas 1999. Hanya dua buah kampung sahaja yang telah diserang oleh Rusia berjaya diselamatkan. Penyembelihan dahsyat telah berlaku di kampung-kampung tersebut, dan penduduk yang tidak bersalah telah dibunuh kejam. Peperangan yang berlaku di antara Rusia dan Chechnya, yang masih berlaku pada hari ini, telah tercetus lagi menerusi insiden ini.

Kuasa Rusia menceroboh Chechnya pada tanggal 2 Oktober 1999 dan telah melakukan siri pembunuhan yang sangat kejam kepada sesiapa sahaja yang mereka temui, tanpa mengira wanita, kanak-kanak ataupun orang tua. Mereka mula menyerang penduduk awam. Senjata-senjata kimia, peluru berpandu scud dan *napalm* (Pent: iaitu sejenis bahan petrol seperti agar-agar yang digunakan untuk membuat bom) telah digunakan di dalam serangan-serangan tersebut. Manakala hospital-hospital, wad-wad bersalin, kawasan membeli-belah dan

kem-kem tahanan dijadikan sebagai sasaran serangan.

Salah satu daripada serangan-serangan tidak berperikemanusiaan Rusia terhadap penduduk awam ialah dengan meracun Sungai Argun yang merupakan sumber air kepada beberapa buah kampung di Chechen. Ramai wanita dan juga kanak-kanak yang minum air dari sungai tersebut mati, manakala beratus-ratus yang lain menderita sakit dalam tempoh yang panjang. Chechnya kehilangan tiga perempat populasinya dalam masa dua tahun sahaja. Sekarang ini pun, orang-orang Chechen masih cuba untuk terus hidup di dalam negara-negara jiran dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Pembunuhan beramai-ramai orang-orang Chechen oleh pihak Rusia, yang mana masih kekal di dalam ruang lingkup mentaliti komunis lama, menyerupai tindakan Firaun yang dilakukan berabad-abad yang lampau. Pada zaman tersebut, Firaun juga turut menyerang golongan yang lemah dan yang tidak bersenjata (dalam kes ini, mereka ialah kaum Bani Israel), dan dengan kejam membunuh mereka semua. Allah telah menceritakan tentang kekejaman Firaun di dalam ayat-ayat yang berikut:

Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: "Ingatlah nikmat Allah ke atas kamu sewaktu Dia menyelamatkan kamu dari (Firaun dan) para pengikutnya, <u>mereka menyiksa kamu dengan siksa yang pedih, mereka menyembelih anak-anak lelakimu, membiarkan hidup anak-anak perempuanmu</u>, dan pada yang demikian itu ada ujian yang besar dari Tuhanmu. Dan (ingatlah juga) sewaktu Tuhanmu memberitahu: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambahkan (nikmat) kepadamu, dan jika kamu

mengingkari (nikmatku), maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih". (Ibrahim, 6-7)

Sesungguhnya Firaun telah melakukan sewenang-wenangnya di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah-belah, <u>dengan menindas segolongan daripada mereka, menyembelih anak-anak lelaki mereka dan membiarkan anak-anak perempuan hidup.</u> Sesungghnya Firaun termasuk dari kalangan orang-orang yang melakukan kerosakan. (Al-Qashash, 4)

Mentaliti yang membenarkan berlakunya pembunuhan kanak-kanak, membelah perut wanita-wanita mengandung, memusnahkan rumah-rumah penduduk dengan menggunakan kereta kebal, dan berbagai-bagai lagi kedahsyatan, telah lari jauh dari sebarang sensitiviti moral, perasaan perikamunusiaan, belas kasihan, cinta atau simpati. Ramai di kalangan mereka yang tidak mengetahui sebab-musabab kepada kekejaman yang dilakukan, tetapi oleh kerana ada sifat jahat yang dibawa oleh ateisme, mereka dengan mudah melakukan pelbagai jenis tindakan syaitan. Apa yang diharapkan dari Rusia ialah mereka mesti meninggalkan mentaliti hitam tersebut, yang merupakan saki-baki dari Kesatuan Soviet, yang memandu mereka kepada penggubalan polisi-polisi ke atas Chechen, kepada suatu perubahan yang membawa kepada penggubalan polisi yang lebih bersifat sederhana yang seterusnya akan membawa keamanan dan keselamatan, baik kepada Rusia mahupun orang-orang Chechen.

Situasi yang Dihadapi oleh

Pelarian Chechen

Sebilangan besar organisasi hak asasi manusia yang menjalankan kajian ke atas pelarian Chechen melaporkan bahawa hak-hak asasi mereka telah dilanggar dalam satu skala yang cukup besar. Kira-kira 250,000 orang-orang Chechen yang lari akibat peperangan kini berada di Ingushetia, dan bakinya boleh dijumpai di kawasan-kawasan jiran. Orang-orang Chechen sedang berhadapan dengan kebuluran, kehausan dan penyakit-penyakit berjangkit. Wanita dan kanak-kanak, orang muda dan tua yang terpaksa bermigrasi, kini sedang bergelut untuk terus hidup dalam keadaan yang sangat sejuk dan hujan, dua atau tiga keluarga berada di dalam gerabak keretapi lama yang ditinggalkan, ataupun dalam bangsal-bangsal kuda di kampung-kampung tempat mereka berlindung.

Sebagai contoh, orang-orang Chechen di kem pelarian Znamenskoye di utara Chechnya kini tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerana tidak memiliki baju panas. Hampir separuh di antara mereka yang mendapatkan perlindungan di situ telah jatuh sakit disebabkan oleh keadaan yang sangat menyedihkan dan kesejukan yang amat sangat.[7] Penyakit-penyakit seperti tuberkulosis (batuk kering) dan hepatitis sedang merebak di kem-kem pelarian Chechen, yang tidak memiliki apa-apa yang panas untuk dimakan selama berminggu-minggu pada sesuatu masa dan badan mereka pula tidak mampu untuk berhadapan dengan situasi tersebut. Angka kematian sedang meningkat.[8]

Mungkin perkara yang paling mengejutkan ialah majoriti bangsa Barat, yang mendakwa mereka berdiri di barisan hadapan untuk melindungi hak-hak asasi manusia, tidak berusaha untuk menolong para pelarian

tersebut. Bahagian signifikan pandangan-pandangan masyarakat awam dunia ialah mereka tidak betul-betul tahu tentang penderitaan yang sedang orang-orang Chechen alami dan kadang-kala mengabaikan kekejaman yang dikenakan ke atas beratus-ribu orang-orang Chechen yang lari dari kekejaman Rusia. Bantuan dari negara-negara lain disekat, dan mereka yang sedang kelaparan, kehausan dan kesejukan yang mencengkam amat sukar untuk bertemu walau dengan kerak roti sekalipun. Kesedihan yang dialami oleh pelarian-pelarian tersebut mesti dipandang sebagai satu perkara yang memerlukan tindakan pantas.

Bagaimana Jalan Penyelesaiannya Dapat Diperoleh?

Jalan penyelesaian terletak di atas bahu Rusia dan juga para pejuang Chechen. Kedamaian yang dicari mesti berlandaskan pendekatan cintakan keamanan dan bersikap sederhana seperti yang dituntut oleh Allah. Moscow mesti mengelakkan diri dari terus beranggapan bahawa kewujudan dan aspirasi nasional umat Islam Caucasus sebagai satu ancaman, dan mereka mesti meredakan konflik dan tekanan ke paras yang minimum dengan mengambil konsep bersederhana dan polisi yang aman. Seperti yang telah kita lihat, keganasan Rusia di Chechnya tidak dapat diterima sama sekali. Walau bagaimanapun di sebaliknya, pejuang Chechen yang terlibat dalam serangan ke atas penduduk awam Rusia turut mengambil jalan yang salah. Kedua-dua pihak mesti mengelakkan diri dari terus melakukan

pertumpahan darah, dan seterusnya berusaha untuk membina kedamaian.

Adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh umat Islam sedunia untuk menghulurkan bantuan kepada orang-orang Chechen yang sedang menderita ditindas. Cukup jelas bahawa tiada seseorang pun yang benar-benar takutkan Allah dan memiliki konsep keadilan yang digariskan oleh-Nya di dalam al-Quran untuk terus berdiri bodoh melihat kekejaman yang dilakukan terhadap mereka yang tidak bersalah. Seorang mukmin sejati selalu membantu orang-orang miskin, mereka yang memerlukan, mereka yang diusir dari rumah, dan akan bersedia berkorban apa sahaja untuk mereka. Sikap sanggup berkorban dan toleransi umat Islam ketika zaman Nabi s.a.w. yang mana mereka telah diusir dan terpaksa meninggalkan kampung halaman mereka telah dicatatkan di dalam al-Quran:

(Juga) bagi para fakir yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka (kerana) mencari kurnia Allah dan keredaan-Nya, dan mereka menolong Allah dan Rasul-Nya. Mereka itulah orang-orang yang benar.

Dan orang-orang yang telah mendiami kota Madinah dan telah beriman (golongan Ansar) sebelum (ketibaan) mereka (golongan Muhajirin), mereka mencintai orang-orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tidak mempunyai keinginan dalam hati terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka; dan, mereka mengutamakan (golongan Muhajirin), atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka memerlukan (apa yang mereka berikan itu). Dan sesiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah

orang-orang yang berjaya. (Al-Hasyr, 8-9)

Secara lumrahnya, penyebaran nilai-nilai moral yang agung ini hanya dapat berlaku dengan penyebaran agama. Sebab itulah, apa yang perlu dijadikan proriti utama oleh mereka yang memiliki kesedaran ialah mencari jalan terbaik untuk menyebarkan moral-moral al-Quran dan juga mengamalkan isi-isi kandungannya. Allah memberi janji yang baik kepada sesiapa yang menolong agama-Nya:

(Iaitu) orang-orang yang telah diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali hanya kerana mereka berkata: "Tuhan kami hanyalah Allah". Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama-nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong (agama)-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Gagah lagi Maha Perkasa. (Al-Hajj, 40)

PALESTIN

Polisi ganas kerajaan Israel

Kekacauan dan penindasan di tanah rakyat Palestin masih berlaku sehingga
kini, yang mana dahulunya sewaktu pemerintahan Empayar Uthmaniyyah, rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama, bahasa dan bangsa dapat hidup dengan aman dan selamat selama lebih kurang 400 tahun. Penyembelihan dan pembunuhan yang dilakukan dengan penuh kejam yang berterusan sehingga ke hari ini, bermula apabila kawasan tersebut jatuh ke dalam dominasi British dan ditambah pula dengan keinginan untuk mewujudkan negara Yahudi yang merdeka.

Pokok utama yang menerangkan apa yang sedang berlaku di sana adalah kerana tanah Palestin dianggap suci oleh tiga agama langit. Walau bagaimanapun, mereka yang mempertahankan pandangan Zionis telah melakukan polisi yang bertujuan untuk menghapuskan yang lain, berbanding untuk menjadikan kawasan suci itu berada dalam keadaan aman dan bersatu-padu. Zionis berpendapat bahawa orang-orang Yahudi merupakan “bangsa terbaik”, yang telah dipilih oleh Tuhan dan semua manusia lain di dunia ini harus tunduk kepada mereka. Bagi Zionisme, kepercayaan kepada “tanah yang dijanjikan” adalah sama penting dengan kedudukan mereka sebagai “insan terpilih.” Berdasarkan kepada kepercayaan tersebut, orang-orang Yahudi mesti tinggal di kawasan tanah suci yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada mereka. Kawasan ini yang bermula dari Sungai Nil ke Euphrates, terdiri dari tanah-tanah milik rakyat Palestin, dan Jerusalem pula terletak di tengah-tengah-

nya. Zionisme percaya bahawa adalah menjadi hak asasi semula jadi rakyat Yahudi untuk tinggal di atas tanah yang dijanjikan, dan segala macam bentuk kekejaman dan penindasan boleh dilakukan untuk menghapuskan mana-mana pihak yang cuba menentang mereka. Kepercayaan dan pandangan terhadap perkauman menjadi sebab utama kepada ketidakadilan yang sedang berlaku di Palestin, dan juga kepada pembentukan polisi-polisi kejam dan penindasan yang dilakukan oleh Israel terhadap penduduk Palestin.

Bagi orang-orang Yahudi, penubuhan negara Yahudi merdeka di atas tanah milik rakyat Palestin merupakan satu misi suci. Matlamat penting yang lain adalah untuk terus mengekalkan kewujudan negara tersebut, yang mana telah dibuat ada Mei 1948. Berdasarkan kepada pemerintah kerajaan Israel, ia hanya boleh dijamin dengan menambahkan populasi mereka di dalam wilayah Palestin dan seterusnya meluaskan lagi kawasan pendudukan mereka. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, keseluruhan populasi Israel mesti diusir keluar dari tanah tersebut, ataupun dihapuskan sahaja. Sehingga kini sudah lebih separuh abad, negara Israel melakukan proses penghapusan jangka panjang rakyat Palestin, selaras dengan kepercayaan mereka.

Harus dijelaskan bahawa keinginan Yahudi untuk memiliki tanah air mereka sendiri adalah berjustifikasi sepenuhnya. Malah, wilayah Palestin merupakan bekas tanah air Yahudi suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, Zionisme merupakan ideologi terpesong yang menggunakan pelan-pelan agresif untuk mengambil-alih keseluruhan Palestin dan mengusir atau menghapuskan umat Islam Arab yang tinggal di dalamnya, dan melihat tiada apa yang salah dengan melakukan perkara-perkara tersebut. Inilah sebabnya

mengapa pendekatan yang dilakukan bukan sahaja dikecam oleh umat Islam, tetapi juga oleh ramai orang-orang Israel, Yahudi dan Kristian.

Pengusiran Rakyat Palestin

Apabila Zionis bercadang untuk menubuhkan negara Yahudi merdeka di dalam wilayah Palestin, masalah pertama yang terpaksa mereka hadapi ialah kekecilan saiz populasi Yahudi yang tinggal di situ. Pada awal 1900-an, populasi Yahudi adalah kurang dari 10 peratus berbanding keseluruh populasi Palestin. Berdasarkan kepada perangkaan rasmi, dengan usaha Zionis, bilangan pendatang Yahudi, telah meningkat dari 100,000 orang pada 1920-an, kepada 232,000 orang pada 1930-an Pada tahun 1939, ada kira-kira 445,000 orang-orang Yahudi daripada populasi jumlah 1.5 juta. Bermula dengan 10 peratus daripada keseluruhan populasi dua dekad yang lalu, kini menjadi 30 peratus pada tahun 1939. Kawasan pendudukan Yahudi turut berkembang selaras dengan pertambahan populasinya. Pada tahun 1939, kawasan yang dimiliki oleh Yahudi telah berganda jika dibandingkan pada tahun 1920-an. Pada 1947, ada kira-kira 630,000 orang-orang Yahudi di Palestin dan 1.3 juta rakyat Palestin. Dalam proses pembahagian Palestin oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 29 November 1947 dan penubuhan kerajaan Israel pada 15 Mei 1948, rakyat Israel berjaya mendapat bahagian tanah Palestin yang cukup banyak. Kesan dari tekanan dan pembunuhan di kampung-kampung Palestin, bilangan rakyat Palestin yang tinggal di dalam kira-kira 500 buah bandar, pekan dan perkampungan jatuh dari 950,000 orang kepada 138,000

orang. Kebanyakan dari mereka telah dibunuh, dan yang lain telah diusir keluar. Kumpulan pengganas Zionis yang kemudiannya menjadi pasukan askar Israel telah menyerang perkampungan umat Islam pada waktu malam. Umat Islam ditembak, dan ke mana sahaja kumpulan ini pergi mereka pasti melakukan pembakaran dan kemusnahan. **Dengan cara ini, kira-kira 400 buah perkampungan Palestin dilenyapkan dari peta pada tahun 1948 dan 1949.** Harta milik rakyat Palestin yang ditinggalkan telah diambil-alih dengan menggunakan Undang-undang Harta Tidak Bertuan. Sehingga 1947, pemilikan tanah di Palestin oleh rakyat Yahudi adalah dalam 6%. Apabila negara Israel telah ditubuhkan, mereka merampas 90% daripada jumlah tanah.[9] Penduduk Arab Palestin hanya ditinggalkan dengan dua kawasan yang berasingan, iaitu Semenanjung Gaza dan Tebing Barat.

Seperti yang telah kita lihat, setiap kedatangan orang-orang Yahudi yang baru membawa maksud kekejaman, penindasan dan keganasan terhadap populasi umat Islam. Dalam usaha menempatkan pendatang yang baru, organisasi Zionis memaksa rakyat Palestin supaya meninggalkan tanah yang telah mereka duduki selama beratus-ratus tahun. Joseph Weitz, yang manjadi ahli komiti perpindahan kerajaan Israel pada tahun 1948, menulis di dalam diarinya pada 20 Disember 1940: **"Ia mesti jelas bahawa tiada tempat bagi kedua-dua pihak di dalam negara ini. Tiada pembangunan yang akan membawa kita lebih rapat kepada matlamat, untuk menjadi rakyat merdeka di dalam sebuah negara yang kecil ini. Selepas orang-orang Arab dipindahkan, negara ini akan terbuka luas untuk kita; jika orang-orang Arab terus tinggal, negara ini akan menjadi lebih sempit dan**

terbatas. Satu-satunya cara ialah dengan memindahkan orang-orang Arab dari sini ke negara-negara jiran, kesemua mereka. Tiada sebuah perkampungan ataupun sebuah suku kaum mesti dibiarkan wujud." [10] Heilburn, pengerusi komiti untuk pilihan raya semula untuk jawatan Jeneral Shlomo Lahat, Datuk Bandar Tel Aviv, telah mengekspresikan pandangan Zionis terhadap rakyat Palestin seperti berikut: "Kita mesti membunuh seluruh rakyat Palestin, melainkan mereka bersetuju untuk hidup di sini sebagai hamba." [11]

Kem-kem Pelarian

Sehingga kini sebahagian besar umat Islam yang dipaksa keluar dari tempat yang telah mereka duduki selama beratus-ratus tahun masih berada di kem-kem pelarian. Bilangan rakyat Palestin yang hidup di kem-kem pelarian, termasuklah juga di negara-negara jiran seperti Lebanon dan Jordan, berjumlah 3.5 juta orang.

Keadaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di kem-kem tahanan dan di dalam wilayah yang diduduki Israel amat menyedihkan. Mereka menghadapi kesukaran untuk mencari rezeki walaupun keperluan-keperluan asasi manusia. Mereka hanya dapat menikmati kemudahan elektrik dan air setakat apa yang dibenarkan oleh Israel, dan terpaksa berjalan berbatu-batu ke tempat kerja yang tidak lumayan untuk meneruskan kehidupan. Sehinggakan perjalanan yang hanya memakan masa selama 10-15 minit, untuk ke tempat kerja atau pun melawat saudara-mara di kem tahanan yang berdekatan, merupakan sesuatu yang sukar bagi rakyat Palestin. Mereka terpaksa melalui proses

pemeriksaan identiti di tempat-tempat tertentu di jalan yang dilalui, dan turut didera secara lisan dan fizikal. Kadang-kala, tentera Israel menutup jalan-jalan atas sebab "keselamatan", dan rakyat Palestin tidak dapat pergi ke tempat kerja, atau ke mana sahaja, walaupun ke hospital jika mereka sakit.

Di samping semua ini, mereka terus hidup dalam keadaan sentiasa dibayangi ketakutan untuk dibunuh, dicedera atau ditahan. Ini kerana mereka yang tinggal di kem-kem sering mengalami serangan bersenjata oleh kumpulan Yahudi fanatik yang tinggal di kawasan petempatan yang berhampiran, terutama sekali pada waktu malam.

Di dalam buku *The Israeli Connection* yang ditulis oleh Benjamin Beit Hallahmi, seorang profesor psikologi di Universiti Haifa Israel, telah menggambarkan keadaan umat Islam yang tinggal di Semenanjung Gaza dan pandangan orang-orang Israel terhadap mereka:

Pada 1986, populasi Gaza adalah seramai 525,000 dan kepadatannya pula ialah 2,150 per kilometer persegi (di Israel ia 186). Kebanyakan penduduk Gaza yang sudah cukup kuat, bermula kadang-kala pada usia lapan tahun, bekerja di Israel, pada gaji di bawah 40 peratus di bawah gaji orang-orang Israel. Mereka membayar cukai pendapatan – tanpa mendapat sebarang faedah, kerana mereka di anggap sebagai bukan pemastautin.

Dalam kesedaran orang-orang Israel, Gaza telah menjadi simbol ketidakupayaan dan kehinaan, tetapi tiada simpati untuk para penghuni Gaza, kerana mereka adalah musuh.[12]

Agak penting setakat ini untuk mempertimbangkan secara ringkas impresi rakyat Palestin-Amerika yang

telah melawat kem-kem pelarian untuk mendapatkan idea yang lebih jelas tentang keadaan di situ. Yasmine Subhi Ali, seorang pelajar perubatan, telah mengatakan seperti berikut di dalam lawatannya ke kem Shatila pada tahun 1999:

...melepasi banyak tinggalan-tinggalan yang musnah akibat perang saudara dan pencerobohan Israel di sepanjang perjalanan kami. Saya menjangka yang kami akan berhenti di beberapa pintu masuk yang menandakan jalan masuk ke kem apabila kami sampai di situ, tetapi saya tidak melihat seperti itu. Saya tidak perlu untuk berbuat demikian: perbezaan di antara kem dan kawasan persekitaran (yang bukannya tempat paling indah di bandar) amat ketara sehingga tidak boleh silap. Terdapat timbunan-timbunan sampah, bahan buangan, dan batu-batan yang memenuhi kedua-dua belah bahu jalan... Kedai-kedai yang sesak sekarang menghiasi jalanan, tetapi di antara kedai-kedai itu ada tanda-tanda ingatan yang masih kekal: bangunan-bangunan yang terdapat lubang-lubang yang ditembusi peluru, dan kesan-kesan bedilan...dan kawasan perkuburan yang mana (kami diberitahu) penghuni kem tidak dibenarkan untuk membina sebarang memorial atau batu nisan sekalipun.[13]

Genocide Terhadap Populasi Awam

Israel telah melaksanakan keganasan yang sungguh sistematik untuk menentang penduduk Palestin sejak ia mula-mula ditubuhkan lagi. Kebiasaannya, sasaran

utama mereka adalah umat Islam yang tinggal di kawasan tersebut. Sekarang sudah lebih separuh abad, umat Islam Palestin dihalau dari rumah-rumah mereka tanpa sebarang justifikasi diajukan, dan telah ditembak dan diserang, melihat kediaman mereka dirobohkan dan tanah serta kebun dirampas, dan sentiasa dizalimi dan dikejami. Apa yang sedang berlaku kepada tanah rakyat Palestin mendedahkan *genocide* dahsyat yang dilakukan oleh kerajaan Israel.

Hanya sedikit sahaja serangan-serangan dan pengeboman-pengeboman ke atas wanita, orang muda dan kanak-kanak Palestin yang dilaporkan oleh media antarabangsa.

Di Palestin, 70 peratus populasi yang terdiri dari orang muda dan kanak-kanak telah mengalami pengalaman diusir, ditahan, dipenjara dan disembelih sejak pendudukan Israel pada 1948. Mereka telah dilayan sebagai rakyat kelas kedua di tanah air sendiri, dan telah belajar untuk menentang walaupun dalam keadaan yang amat sengsara. Separuh dari mereka yang terkorban di dalam Intifada yang bermula apabila Ariel Sharon melakukan lawatan provokatif ke *Dome of the Rock* pada Oktober 2000 adalah berumur bawah 16 tahun. 60 peratus dari mereka yang cedera pula kurang dari 18 tahun. Sekurang-kurangnya 5 orang kanak-kanak mati setiap hari di kawasan-kawasan yang terus berkonflik, dan lebih dari 10 orang cedera.

Seorang penulis jurnal Ruth Anderson menggambarkan imej-imej ketidakperikemanusiaan dari Intifada Aksa di dalam *The Palestine Chronicle*, yang diterbitkan di Palestin:

Tiada siapa pun yang menyebut tentang lelaki muda yang baru berkahwin yang keluar berdemonstrasi hanya untuk mati syahid

meninggalkan isterinya sebagai balu. Tiada siapa pun yang menyebut tentang orang muda Palestin yang dihentak kepalanya oleh Israel dan lengannya dipatahkan sebelum disembelih dengan kejam. Tiada siapa pun yang menyebut tentang budak lelaki kecil berusia 8 tahun yang ditembak mati oleh askar Israel. Tiada siapa pun yang mengatakan bagaimana penduduk Yahudi yang dilengkapi dengan pelbagai jenis senjata dan diberi semangat oleh kerajaan Barak, menyerang perkampungan Palestin dan mencabut pokok-pokok zaitun serta membunuh penduduk awam Palestin. Tiada siapa pun yang menyebut tentang bayi-bayi Palestin yang mati apabila rumah mereka dibom dalam serangan-serangan udara atau yang ditangkap di dalam serangan bertubi-tubi peluru Israel ketika mereka sedang enak dibuai mimpi. Semua orang tahu bahawa bayi-bayi itu tidak boleh melontar batu. Semua orang tahu kecuali Israel dan Amerika.[14]

Maklum balas dari Ehud Barak, perdana menteri ketika itu, terhadap senario kebinatangan yang berlaku di Palestin amat menarik sekali sebagai refleksi pandangan kerajaan Israel. Beliau dengan mudah berkata bahawa beliau tidak kisah bagaimana konflik di Gaza, Tebing Barat dan zon-zon lain akan berakhir dan segala macam cara yang digunakan untuk menentang rakyat Palestin adalah berasas. Beliau turut mengatakan bahawa beliau tidak berminat tentang berapa ramai rakyat Palestin yang mati, sebaliknya beliau hanya bimbangkan keselamatan rakyatnya sahaja.[15]

Respons dari E. Eytan, seorang jeneral dalam pasukan askar Israel, adalah lebih provokasi. Beliau menjelaskan bahawa mereka tidak pernah menyesal terhadap apa yang telah dilakukan dan mereka bersedia

menggunakan apa jua cara untuk menjaga keselamatan orang-orang mereka dan juga askar-askarnya. Beliau juga berkata bahawa arahan telah dikeluarkan kepada pasukan askar supaya menggunakan senjata untuk menentang penunjuk perasaan Palestin dan mereka mesti ditembak di kepala dan dada untuk menanam rasa takut kepada populasi Palestin.[16]

Kenyataan-kenyataan di atas yang datang dari orang-orang kuat Israel adalah penerangan munasabah paling jelas tentang mentaliti yang kejam ini. Perangkaan menunjukkan bahawa kebanyakan askar Israel telah menjalankan arahan yang diterima dengan berkesan sekali. Berdasarkan kepada laporan Pertubuhan Kesihatan Palestin, 34 peratus daripada lebih 400 orang yang dibunuh dalam Intifada Aqsa berumur bawah 18 tahun. Walau bagaimanapun, perkara yang paling penting ialah 47 peratus daripada mereka yang mati tidak terlibat langsung di dalam demonstrasi atau pertempuran. 38 peratus daripada mereka yang tercedera di Tebing Barat telah ditembak dengan peluru hidup, dan 75 peratus telah ditembak di bahagian badan yang atas. Di Semenanjung Gaza, 40 peratus dicederakan oleh peluru hidup, dan 61 peratus daripada mereka ditembak di bahagian atas badan, atau dengan kata lain di bahagian dada. Jumlah keseluruhan mereka yang cedera melebihi 10,000 orang. Dalam 1,500 orang menderita kecacatan yang kekal. Hospital tempat mereka dirawat juga sering diserang. Secara total, 1,450 telah ditahan, dan 750 dari mereka masih berada di dalam penjara-penjara Israel.

Dalam 2,760 buah bangunan mengalami kerosakan teruk. Daripada bilangan tersebut, 773 merupakan rumah kediaman rakyat Palestin, 180 telah musnah sama sekali. Daripada bangunan yang musnah, 29 adalah

masjid, 12 gereja dan 44 tempat mengambil air. 41 buah sekolah tidak boleh digunakan sama sekali, dan 4 daripadanya digunakan sebagai gudang askar Israel. Tiga puluh buah bangunan sekolah telah dibakar oleh askar Israel. Keadaan ini membawa kepada kerosakan yang dianggarkan bernilai $400,000.

Akhir sekali, 45 pelajar telah dibunuh ketika berjalan pulang ke rumah sewaktu dua bulan pertama tercetusnya Intifada al-Aqsa.[17]

Semua fakta statistik ini merujuk kepada satu hakikat nyata: Kerajaan Israel terlibat dalam polisi penghapusan rakyat Palestin yang sungguh sistematik dan jelas. Perangkaan-perangkaan di atas menunjukkan bahawa askar Israel tidak menggunakan senjata mereka untuk menghapuskan ancaman kepada keselamatan penduduk awam, tetapi digunakan untuk membunuh dan mencederakan. Kebanyakan daripada kanak-kanak yang dibunuh dan dicacatkan telah ditembak di bahagian kepala atau dada, atau yang lain dari belakang. Adalah jelas bahawa tiada askar yang tujuannya hanya mahu menurut arahan akan menembak manusia di bahagian kepala atau dada, atau dari belakang apabila mereka melarikan diri.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa tindakan keganasan menyerang penduduk awam oleh beberapa kumpulan radikal Palestin sebagai tentangan kepada penindasan Israel adalah tidak berjustifikasi, dan kami seharusnya mengutuknya. Serangan-serangan tersebut biasanya menjadi kritikan dunia secara besar-besaran dan lebih membawa keburukan dari kebaikan kepada pihak Palestin. Namun, harus diingat bahawa detik permulaan yang membawa kepada tercetusnya tindakan keganasan ini ialah pendudukan rakyat Israel. Sebelum 1967, dengan kata lain sebelum Israel menduduki wilayah

Palestin, Israel tidak berhadapan dengan sebarang ancaman keganasan. Pendudukan Israel dan strategi "pembersihan etnik" telah melahirkan dan membenarkan kewujudan terorisme rakyat Palestin.

Namun demikian, umat Islam mesti bersikap seperti yang diarahkan oleh Allah dan dipandu oleh sunnah Nabi Muhammad s.a.w., di setiap waktu kehidupan mereka.

Ayat-ayat al-Quran menyeru manusia kepada etika keislaman. Melaluinya dunia akan menjadi tempat yang aman dan toleransi. Allah memerintahkan kita untuk memerintah dengan adil tanpa ada sebarang diskriminasi sesama manusia, untuk melindungi hak-hak manusia, tidak bertolak-ansur kepada kekejaman, menyokong pihak yang ditindas dengan kejam, dan menghulurkan tangan bagi membantu mereka yang memerlukan. Keadilan ini memerlukan seseorang untuk membuat keputusan dengan melindungi hak kedua-dua pihak, menganalisa peristiwa secara objektif, dan berfikiran tidak berat sebelah. Ia memerlukan keadilan, kejujuran, belas kasihan dan sayang-menyayangi.

Adalah jelas bahawa serangan-serangan tersebut seperti menentang penduduk awam tidak boleh dimaafkan. Seperti yang diterangkan di atas, cara tersebut tidak konsisten dengan ajaran Islam sama sekali. Apabila kita memeriksa ayat-ayat Al-Quran dan tingkah-laku Nabi Muhammad s.a.w., adalah jelas bahawa serangan terhadap penduduk awam bukan dari ajaran Islam. Sama ada semasa pembukaan Kota Makkah atau pun perang-perang yang lain, Baginda sangat berhati-hati melindungi hak-hak mereka yang tidak bersalah dan tidak bersenjata, dan menghalang mereka dari dicederakan. Baginda mengingatkan orang-orang Mukmin tentang perkara ini dalam pelbagai peristiwa, dan mengarahkan mereka supaya "Mulakan perang

dengan nama Allah dan untuk Allah. Jangan letakkan tangan ke atas orang tua yang hampir mati, ke atas wanita, kanak-kanak dan bayi. Berbuatlah baik, yang mana Allah mencintai meraka yang berbuat baik dan beramal soleh” (Hadith riwayat Muslim). Umat Islam menentang kezaliman dan barbarisme, penggunaan senjata yang tidak perlu, dan segala macam praktis yang tidak adil.

Di dalam segala perbincangan tentang serangan ke atas penduduk awam Israel, topik lain yang mesti dilihat ialah tentang pembunuhan diri dalam Islam. Sesetengah golongan terlampau salah faham tentang Islam, percaya bahawa agama yang damai ini membenarkan serangan berani mati; ia jauh dari kebenaran. Hakikat bahawa Islam melarang seseorang dari membunuh diri, adalah seperti mana ia melarang seseorang dari membunuh orang lain. Allah mengutuk dengan jelas tentang perihal membunuh diri di dalam ayat “jangan membunuh diri.” (An-Nisaa’, 29). Tidak kira apa jua sebabnya, Islam mengharamkan seseorang dari membunuh diri. Nabi Muhammad s.a.w. turut mencela seseorang yang membunuh diri di dalam satu hadith, memberitahu bahawa mereka yang mengambil tindakan ini akan menerima azab keras untuk selama-lamanya:

Sesiapa sahaja yang dengan sengaja terjun dari gunung dan membunuh diri sendiri, dia akan masuk Neraka dan jatuh di dalamnya dan kekal berada di dalamnya buat selama-lamanya; dan sesiapa yang meminum racun dan membunuh diri sendiri, dia akan membawa racun di tangannya dan meminumnya di dalam Neraka yang ia akan tinggal di dalamnya buat selama-lamanya; dan sesiapa yang membunuh diri dengan senjata besi, dia akan membawa senjata tersebut di tangan dan menikam-

nikam perut dengannya di dalam Neraka tempat dia tinggal selama-lamanya. (Hadith riwayat Muslim)

Oleh itu, setiap umat Islam harus mengutuk insiden ini, yang menyulitkan lagi tindakan damai rakyat Palestin.

Haruslah diingat bahawa sebarang bentuk perjuangan yang diluar nilai-nilai Al-Quran – sebagai contoh, taktik “gerila” yang dicipta oleh ideologi komunis – adalah salah, dan tidak akan berjaya. Atas sebab ini, situasi semasa di Palestin mesti dipertimbangkan dengan berakal dan realistik, dan strategi baru yang konsisten dengan Al-Quran mesti diputuskan. Jika Palestin mahu melibatkan diri dalam perjuangan diplomasi dan budaya untuk menetang Israel, yang dari segi ketenteraan lebih berkuasa dari Palestin, berbanding jalan peperangan, ia bukan sahaja akan menjamin kejayaan yang lebih baik, malah akan mengakhiri penderitaan rakyat yang tidak bersalah.

Kesimpulan

Seseorang boleh berkata dengan lebih baik lagi, dan mengambil lebih banyak contoh tentang keadaan yang sedang berlaku di Palestin. Namun, apa yang tidak boleh kita lupa tanggungjawab setiap individu yang berkesedaran untuk berhadapan dengannya. Peristiwa di Palestin bukan hanya perang Arab-Israel. Ia mempunyai maksud yang lebih mendalam. Pertama sekali, umat Islam yang tanahnya telah dirampas sedang bergelut untuk mendapatkan keadilan. Tanah yang dipersoalkan dianggap suci oleh keseluruhan dunia Islam. Rakyat Palestin menentang untuk meninggalkan Jerusalem,

sebuah bandar kepunyaan dunia Islam. Inilah sebabnya mengapa setiap Mukmin mempunyai tugas untuk melancarkan peperangan idea terhadap ideologi-ideologi yang menyokong kepada penindasan berterusan di Palestin, dan juga turut berusaha mencari jalan penyelesaian.

Setiap mereka yang berkesedaran mesti memikirkan hakikat tersebut dan mencari jalan keluar. Seperti yang telah kami nyatakan di dalam bahagian lain di dalam buku ini, jalan keluarnya terletak pada usaha menyebarkan ajaran moral al-Quran kepada semua umat manusia di seluruh dunia. Ia satu-satunya cara untuk membawa kedamaian dan persaudaraan, sama ada di Palestin atau di negara-negara lain yang sedang mengalami peperangan dan konflik. Jika keadilan, kerjasama, kasih-sayang, cinta, sanggup berkorban dan saling bermaafan yang merupakan moral yang dituntut di dalam Al-Quran dapat menguasai dunia, kesannya dunia akan menjadi satu tempat yang adil, damai dan selamat.

Melalui ayat **“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar; dan merekalah orang-orang yang beruntung” (Ali-Imran, 104)**, Allah menarik perhatian orang-orang yang beriman terhadap tugas yang mulia ini. Maka apa yang umat Islam perlu lakukan adalah hidup berdasarkan moral yang dapat menarik keredaan Allah, menerangkan kepada manusia lain, dan menyebarkan moral al-Quran ke serata pelusuk dunia.

KASHMIR

Umat Islam Kashmir Sedang Menunggu Bantuan

Seperti kebanyakan umat Islam lain yang terdapat di benua Asia, rakyat di Kashmir telah menghabiskan separuh kedua abad ke-20 dalam kancah peperangan dan konflik. Sebab utama mengapa keamanan dan ke-stabilan tidak wujud di Kashmir selama lebih kurang 50 tahun adalah disebabkan oleh penindasan yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan India yang mendudukinya.

Kashmir merupakan kawasan dunia yang sangat penting dari segi ekonomi, kerana mengandungi emas, batu zamrud dan batu delima. Memandangkan kawasan yang diduduki India ini terletak di kawasan gunung-ganang, maka ia menjadi petempatan strategik untuk mengawal keadaan persekitaran. Inilah sebabnya mengapa Kashmir, yang memiliki kepentingan strategik dan kekayaan hasil buminya, telah menarik banyak bangsa sepanjang sejarahnya. Walau bagaimanapun, sebab paling utama mengapa negara-negara di kawasan tersebut amat berminat terhadap Kashmir adalah kerana identiti Muslimnya.

India, yang terkenal dengan sikap prejudisnya menentang Islam, ataupun Rusia dan China tidak akan membenarkan Kashmir untuk mencapai objektifnya menjadi sebuah negara Islam merdeka, atau pun bersatu dengan kerajaan Islam Pakistan. Hakikat bahawa rakyat Kashmir yang merupakan umat Islam menjadi sebab asas kepada terjadinya sekatan ekonomi, tindakan kekejaman,

penahanan dan penderaan yang tidak berjustifikasi yang dikenakan ke atas mereka. Dengan cara ini, kuasa-kuasa tersebut dapat menghalang umat Islam dari memegang kuasa, dari segi ekonomi dan juga politik. Dengan cara yang sama juga, mereka turut melakukan sekatan dan tekanan antarabangsa untuk menghalang kerajaan Islam Pakistan dari menyokong rakyat Kashmir.

Pergerakan yang Terancang dan Strategik di Kashmir

Sub-benua India kekal di bawah pengaruh British sehingga akhir Perang Dunia II. Apabila British berundur, umat Islam India berhasrat untuk memiliki negara mereka sendiri dan dengan itu menubuhkan Pakistan. Terdapat perpindahan populasi di antara India dan Pakistan. Ramai umat Islam yang tinggal di India berpindah ke Pakistan. Walau bagaimanapun Jammu/Kashmir yang majoriti populasinya terdiri daripada umat Islam, terus kekal di bawah kawalan India. Hal ini terjadi akibat muslihat India dan juga sokongan daripada pihak British. Kashmir terus hidup di bawah penindasan India sehingga kini.

Umat Islam Kashmir berharap untuk menentang peraturan India yang menekan itu dan seterusnya mendapatkan kemerdekaan. India telah menjalankan proses pembunuhan beramai-ramai terbesar sebanyak tiga kali, iaitu pada 1947, 1965 dan 1971. Beratus-ratus ribu umat Islam Kashmir dibunuh. Lebih 4,000 orang wanita didera dan diperkosa. Sekolah-sekolah yang menyediakan pendidikan keagamaan telah ditutup untuk mengelakkan daripada berlakunya kesedaran Islam.[18] Pergerakan pembunuhan dan asimilasi menjadi semakin kejam selepas tahun 1990. Rakyat ditahan tanpa sebab dan diseksa sehingga mati. Rumah-rumah dirampas, rakyat yang tidak bersenjata dianiaya, dan syarikat akhbar serta sekolah-sekolah ditutup. Kerajaan India masih tidak berasa puas dengan melakukan kekejaman bersenjata sahaja. Maka, empangan yang diperlukan untuk tujuan pertanian turut dirampas untuk menekan lagi umat Islam. Mereka mengisinya sehingga penuh dan

tiba-tiba membukanya kembali apabila hujan monsun tiba. Kesannya, kawasan tanah rendah di Kashmir dan Pakistan mengalami banjir. Malah, beribu-ribu manusia kehilangan nyawa dan kawasan yang terlibat pula mengalami kerosakan yang sangat teruk.

Pada bulan Oktober 1993, satu siri serangan besar-besaran telah dilakukan ke atas Masjid Hazratbal di Srinagar yang merupakan ibu kota Kashmir. Pihak berkuasa India telah mengepung masjid tersebut selama lebih kurang sebulan kerana mendakwa ia menjadi sarang latihan militari umat Islam. Lebih dari 100 orang telah dibunuh ketika itu. 300 orang yang tidak bersalah pula telah ditahan. Bekalan elektrik dan air ke bandar tersebut telah dipotong.

Sebagai tambahan kepada penganiayaan yang dilakukan oleh kerajaan India di Kashmir, masalah pelarian yang serius turut berlaku. Di bawah ini, anda dapat membaca luahan Sefer Turan, seorang wartawan televisyen Turki, *Kanal 7,* berkenaan nasib para pelarian yang terdapat di dalam kem yang sedang dibincangkan ini. Ia sudah cukup untuk memberikan kesedaran kepada kita tentang apa yang berlaku:

Kem pelarian Ambor telah ditubuhkan pada 1990 untuk penduduk Kashmir yang melarikan diri dari Jammu Kashmir. Taraf hidup adalah sangat rendah dari kebiasaan. Para pelarian ditempatkan di dalam rumah-rumah sempit yang berlumpur. Di dalam sebuah rumah satu bilik yang kami masuk, terdapat sebuah katil. Apabila saya bertanya berapa ramai orang yang tinggal di situ, saya diberitahu, "Sembilan." Kem tersebut mengandungi 214 buah keluarga ataupun 1,110 orang individu. Sudah cukup dengan hanya memasuki sebuah pondok berlumpur untuk melihat betapa rendahnya taraf

hidup mereka. Pondok tersebut secara umumnya mengandungi dua buah bilik. Terdapat beberapa periuk dan kuali yang tidak boleh digunakan. Juga terdapat satu atau dua katil yang sebenarnya tidak kelihatan seperti katil. Seorang ibu duduk di satu penjuru sambil memangku bayinya. Sumber api bumi digunakan untuk memasak, yang mana beberapa dahan yang dicari oleh mereka dibakar. Tiada apa-apa yanag boleh dimakan sama sekali di situ! Saya berasa segan untuk membuka tudung kuali untuk melihat apa yang ada di dalamnya. Di dalam setiap khemah, tiada apa-apa yang dapat dimakan dan tiada ruang untuk tidur. Sehelai kain kecil yang agak lusuh terdapat di tengah lantai salah satu dari khemah-khemah yang ada di situ. Mungkin ia digunakan sebagai bantal. Apabila saya bertanya berapa ramaikah penghuni khemah tersebut, saya diberitahu 11 orang. Di luar, sebuah periuk sedang mendidih…[19]

Contoh yang diberikan di atas hanyalah satu daripada drama-drama pelarian yang berlaku di seluruh dunia. Kehidupan jutaan pelarian di Palestin, penderitaan hampir sejuta pelarian umat Islam sewaktu Perang Kosovo, dan beratus-ribu lagi pelarian Chechen adalah lebih memilukan.

Di dalam semua situasi tersebut, ada hikmah yang mesti difahami bagi mereka yang memiliki berkesedaran. Terdapat hikmah bagi setiap peristiwa yang berlaku di dunia ini, yang mana ia merupakan satu ujian kepada umat manusia. Pengajaran yang mesti difahami oleh mereka yang beriman tentang pengalaman tersebut ialah kepentingan untuk memberikan penjelasan tentang kewujudan Allah dan menyebarkan ajaran al-Quran ke seluruh dunia. Apa yang perlu dilakukan oleh mereka

ialah memenuhi tanggungjawab untuk memerangi segala fahaman yang cenderung untuk menafikan kewujudan Allah Yang Maha Esa, dan mencegah kemungkaran serta mengajak manusia untuk melakukan kebaikan. Dengan cara ini, manusia yang berkesedaran dan benar-benar takutkan Allah akan muncul, dan segala kezaliman akan dihapuskan. Mereka yang menindas orang lain akan bertanggungjawab ke atas perkara yang dilakukannya itu, baik di dunia mahupun di akhirat. Allah telah menjelaskan kebenaran ini di dalam ayat-ayat yang berikut:

Sesungguhnya orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya pasti akan mendapat kehinaan sebagaimana orang-orang sebelum mereka telah mendapat kehinaan. Sesungguhnya Kami telah menurunkan bukti-bukti yang jelas. Dan bagi orang-orang kafir ada seksa yang hina. Pada hari Allah membangkitkan mereka semua, lalu Dia memberitahu mereka segala apa yang telah dikerjakan. Allah mengumpulkan (mencatatkan) amal perbuatan itu, padahal mereka telah melupakannya. Dan Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu. (Al-Mujaadilah, 58: 5-6)

Asas perjuangan ini adalah pertandingan idea-idea yang mesti dilancarkan untuk menghapuskan segala macam kekejaman, konflik, dan falsafah ateis yang menyediakan asas kepada kekacauan yang berlaku. Di dalam perjuangan ini, asas kepada segala keamanan, keharmonian dan kasih-sayang, iaitu kesedaran manusia, akan digerakkan untuk mengelakkan manusia yang tidak bersalah dari terus menderita. Allah telah memberikan khabar gembira sebagai balasan kepada perjuangan

tersebut:

Sebenarnya Kami melontarkan yang hak kepada yang batil lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta-merta yang batil itu lenyap. Dan kecelakaanlah bagimu disebabkan kamu mensifati (Allah dengan sifat-sifat yang tidak layak bagi-Nya). (Al-Anbiyaa', 21: 18)

Kekejaman yang Diabaikan oleh Dunia

India berupaya melaksanakan polisi durjana yang menindas penduduk Kashmir selama lebih 50 tahun disebabkan oleh sokongan secara nyata dan juga tersembunyi yang diterima dari beberapa golongan di Barat. Umat Islam Kashmir berada di bawah rejim penindas Hindu disebabkan oleh keputusan-keputusan PBB, yang mana kebanyakannya tidak dilaksanakan. Populasi Kashmir dikuasai oleh umat Islam. Perjuangan mereka untuk mendapatkan kemerdekaan dan sokongan yang diberikan oleh Pakistan telah dilemahkan oleh polisi-polisi berat sebelah oleh beberapa golongan dari Barat.

Ketika beberapa kumpulan di Eropah cuba untuk mengabaikan persoalan di Kashmir semungkin yang boleh, beberapa media Amerika telah melaporkan isu tersebut kepada seluruh komuniti dunia secara subjektif. Kajian yang lebih mendalam menunjukkan bahawa beberapa berita harian Amerika jarang menyentuh tentang isu penganiyaan di Kashmir. Di dalam laporan yang mereka buat sekali-sekala, situasi yang berlaku itu

hanya digambarkan sebagai “penindasan yang dilakukan ke atas golongan penderhaka dalaman di beberapa bahagian di India.” Sebagai contoh pada 22 Januari 1990, akhbar *New York Times* telah menyuarakan pandangan yang menuduh Pakistan memberi sokongan kepada puak pemisah Islam di Kashmir yang telah merosakkan kestabilan negara itu dan ini seterusnya menimbulkan kemarahan Pakistan.[20] Adalah mudah untuk kita melihat komen-komen yang subjektif seperti ini di dalam media-media Barat.

Tekanan India di kawasan tersebut dan proses asimilasi yang dilakukan telah menjadi semakin getir sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Telah wujud “puak fanatik Hindu” yang mana kerajaan India mendakwa tidak mampu untuk mengawalnya. Padahal semua orang tahu bahawa konflik di antara mereka hanyalah palsu dan tidak benar sama-sekali. Pergerakan ini bertujuan untuk menghapuskan kesemua umat Islam Kashmir, seperti mana yang dilakukan dalam peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Masjid Babur Shah.

Bagaimanakah kita dapat menilai situasi yang sedang berlaku ini? Mengapa masih terdapat segelintir golongan yang membiarkan Kashmir terus berada di bawah penindasan India dan juga turut memberikan sokongan kepada puak pengganas dari negara tersebut? Jawapannya ialah kerana banyaknya aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan pelobi yang anti-Islam. Mereka kadang-kala dapat mempengaruhi dengan hebat sekali corak pengurusan Barat, yang seterusnya mempengaruhi pendirian golongan-golongan prodemokrasi Barat dan juga prokemanusiaan.

Sebagai kesimpulan, umat Islam Kashmir bukan sahaja perlu mempertahankan diri mereka dari India, ataupun kumpulan-kumpulan radikal Hindu, tetapi turut

perlu melancarkan peperangan ideologi kepada kumpulan-kumpulan pelobi yang memberikan sokongan di sebalik apa yang sedang berlaku kini.

Kumpulan-kumpulan pelobi anti-Islam nampaknya menjadi dalang utama kepada peningkatan tahap propaganda yang sedang berlaku. Kekejaman yang dihadapi oleh umat Islam Kashmir adalah amat dahsyat. Sepanjang catatan sejarah, propaganda-propaganda yang disebarkan telah menyebabkan rakyat Kashmir digambarkan jauh dari keadaan mereka yang sebenar. Kekejaman dan penderaan yang dikenakan ke atas mereka yang tidak bersalah telah ditutup. Dengan itu, dunia tidak mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Cara manusia bertindak seolah-olah laporan-laporan daripada pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia tidak pernah wujud sama sekali. Rakyat Kashmir yang menentang penindasan India dan berjuang untuk mendapatkan keamanan di tanah air mereka sendiri, telah digambarkan kepada dunia sebagai “puak pelampau.”

Padahal hasrat utama rakyat Kashmir, yang telah dikongkong oleh India lebih dari separuh kurun, hanyalah untuk hidup dengan bertunjangkan agama yang mereka anuti, tidak ditindas hanya kerana mereka beragama Islam, dan memiliki tanah tempat tinggal bagi membolehkan mereka membesarkan anak-anak di dalam keadaan yang aman dan selamat.

Hakikat bahawa umat Islam Kashmir tidak dapat menikmati hak-hak asas mereka dan telah pula didera buat sekian lama telah cukup untuk memberitahu kepada kita semua tentang betapa segera dan pentingnya tindakan menyebarkan moral al-Quran ke serata dunia untuk menentang ateisme dan juga untuk manusia yang berkesedaran mengetahui apakah yang sebenarnya

berlaku kini.

Jelaslah kini, manusia yang betul-betul sedar tidak boleh menutup mata dan telinga mereka sewenang-wenangnya. Pemberitahuan kepada masyarakat awam tentang ketidakadilan yang sedang berlaku dan menerangkan bahawa sebuah kehidupan yang aman dan adil hanya dapat dicapai dengan mengikuti ajaran al-Quran menjadi tugas penting kepada setiap muslimin ketika ini. Adalah menjadi tugas umat Islam juga untuk memberitahu setiap orang-orang yang beriman tentang berita baik pertolongan dari Allah dan juga nasib malang yang akan menimpa jika mereka tidak berhenti dari terus melakukannya. Ayat-ayat di bawah ini dengan jelas menggambarkan perbezaan ganjaran yang akan diterima oleh mereka yang beriman dan mereka yang zalim:

Sesungguhnya Kami menolong rasul-rasul Kami dan orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia dan pada hari berdirinya saksi-saksi (Hari Kiamat), (iaitu) pada hari yang sudah tidak berguna bagi orang-orang yang zalim untuk meminta maaf, dan bagi merekalah laknat dan mereka akan mendapat tempat tinggal yang buruk. (Al-Mu'min, 40: 51-52)

TURKESTAN TIMUR

Kebuasan yang Disorokkan oleh kerajaan Komunis China

Spabila kita memperkatakan tentang ideologi-ideologi yang menyebarkan
kesengsaraan di serata dunia, maka komunisme mendapat tempat paling atas. Dengan berdasarkan kepada idea-idea dua orang ahli falsafah Jerman, Karl Marx dan Friedrich Engels, sistem kepercayaan ini telah pun dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin yang kejam seperti Lenin, Stalin, dan Mao, dan seterusnya membawa kepada penyembelihan dan pembunuhan yang amat kejam sepanjang sejarah peradaban dunia.

Walaupun kita bersetuju bahawa rejim komunis telah tumbang dengan pecahnya Kesatuan Soviet, namun ideologi dan amalan komunisme sebenarnya masih terus wujud, sama ada secara terbuka mahupun sulit. Umat Islam Turki di Turkestan Timur masih terus berada di bawah penindasan *Maoist Red China.* Pencabulan hak asasi manusia di Turkestan Timur tidak boleh diabaikan sama sekali.

Kekejaman China di Turkestan Timur

Umat Islam Turki di Turkestan Timur yang dikenali sebagai Uighurs, telah hidup di bawah dominasi kerajaan China selama lebih kurang 250 tahun. China telah memberikan nama kepada wilayah Islam tersebut

sebagai “Xinjiang” ataupun “tanah yang ditawan,” dan menganggapnya sebagai tanah milik mereka sendiri. Berikutan dengan pengambilalihan China oleh komunis pada tahun 1949 oleh Mao, penindasan yang berlaku di Turkestan Timur semakin menjadi-jadi. Rejim komunis mula melakukan penghapusan umat Islam yang enggan untuk diasimilasikan.

Bilangan umat Islam yang dibunuh amat mengejutkan. Di antara tahun 1949 dan 1952, 2.8 juta umat Islam mati, sama ada dibunuh oleh tentera China ataupun mati akibat kebuluran. Di antara tahun 1952 dan 1957, lebih 3.5 juta nyawa terkorban, kemudian 6.7 juta di antara 1958 dan 1960, dan kemudian di antara tahun 1961 dan 1965 pula, seramai 13.3 juta manusia mati.

Kaum Uighurs yang berjaya hidup pula berada di dalam penindasan dan penderaan. Pemerintah Turkestan Timur terkini iaitu Isa Yusuf Alptekin, yang banyak menghabiskan umurnya dalam buangan, telah menggambarkan situasi tersebut di dalam bukunya *Dogu Turkistan Davasi* (Hubungan Turkestan Timur) dan juga *Unutulan Vatan Dogu Turkestan* (Turkestan Timur: Tanah yang Dilupakan). Berdasarkan kepada buku-buku tersebut, penindasan yang dilakukan terhadap rakyat Turkestan Timur tidak banyak bezanya dengan apa yang berlaku kepada umat Islam di Bosnia, ataupun majoriti kaum Albania oleh Serbia. “Hukuman” yang dikenakan oleh mahkamah China terhadap negara tersebut adalah terlampau kejam dan sangat tidak berperikemanusiaan. Ini termasuklah membakar manusia hidup-hidup, memukul manusia sehingga hampir mati dan kemudian membogelkan mereka dan membiarkan mati di dalam kesejukan salji. Malah ada juga yang diikat dengan lembu jantan pada kedua-dua belah kaki mereka untuk

memisahkannya daripada badan.

Amalan Asimilasi yang Bertujuan Menghapuskan Budaya Secara Besar-besaran

Semenjak tahun 1949 lagi, rejim komunis telah mula merancang program penghapusan populasi umat Islam, dan telah memindahkan pendatang China ke kawasan tersebut dengan begitu sistematik sekali. Kesan daripada kempen ini yang dimulakan oleh kerajaan China pada 1953, begitu berkesan sekali. Pada tahun 1953, 75 peratus daripada keseluruhan populasi adalah umat Islam, dan hanya 6 peratus dikuasai oleh orang-orang China. Pada tahun 1982, nisbahnya telah berubah dengan menyaksikan penurunan populasi umat Islam kepada 53 peratus, manakala populasi China meningkat kepada 40 peratus. Berdasarkan bancian yang dilakukan pada 1990, populasi yang dilaporkan adalah 40 peratus umat Islam dan 53 peratus rakyat China, dengan itu telah mendedahkan dengan jelas proses pembersihan etnik yang sedang berlaku di wilayah tersebut.

Baru-baru ini, bangsa Uighurs telah ditempatkan di kawasan perkampungan, manakala orang-orang China dipindahkan ke bandar. Oleh itu, wujud beberapa buah bandar yang memiliki kira-kira 80 peratus orang-orang China. Ia bertujuan untuk menjadikan bandar yang majoritinya adalah rakyat China. Polisi kerajaan China yang menggalakkan perkahwinan campur di antara penduduk tempatan dengan orang-orang China juga menjadi sebahagian daripada polisi asimilasi tersebut.

Kerajaan China turut menggunakan umat Islam

Turkestan Timur sebagai bahan uji kaji program nuklearnya. Ujian tersebut bermula pada 16 Oktober 1964, dan kesannya, penduduk di kawasan tersebut telah mendapat penyakit-penyakit yang membawa maut, dan kira-kira 20,000 kanak-kanak cacat telah dilahirkan. Jumlah umat Islam yang terkorban di dalam ujian tersebut dianggarkan seramai 210,000 orang. Beribu yang lain telah mendapat kanser atau dibiarkan lumpuh.

Dari tahun 1964 sehingga kini, China telah meletupkan kira-kira 50 buah bom-bom atom dan hidrogen di Turkestan Timur. Ahli-ahli pakar dari Sweden telah mengukur gegaran yang berlaku disebabkan letupan bawah tanah pada tahun 1984 dan mencatatkan bacaan 6.8 pada skala Richter.

Punca Sebenar Kekejaman: Kebencian Terhadap Islam

Sebab utama yang membawa kepada penindasan rakyat Turkestan Timur oleh China adalah kerana mereka beragama Islam. Kerajaan komunis China melihat Islam sebagai halangan terbesar untuk mereka memantapkan penguasaan terhadap kawasan tersebut.

China telah menggunakan bermacam-macam bentuk penindasan untuk membuatkan mereka berpaling jauh dari agama. Puncak peristiwa ini berlaku ketika zaman pemerintahan diktator komunis Mao. Ketika itu, Revolusi Budaya sedang berlaku dari tahun 1966-76. Masjid-masjid diruntuhkan, ibadah secara beramai-ramai diharamkan, pengajaran Al-Quran dihalang, dan rakyat China yang berpindah dibenarkan untuk mengganggu umat Islam. Sekolah-sekolah digunakan untuk menyebarkan propaganda atheis. Segala bentuk

komunikasi dikawal untuk membuatkan manusia lari dari agama. Mereka telah dilarang untuk mendengar ceramah-ceramah agama yang menyentuh tentang keimanan, dan pemimpin agama pula dilarang mengajar tentangnya. Namun demikian, di sebalik segala penindasan yang dilakukan, mereka masih berpegang teguh kepada tali Islam.[21]

Salah satu cara ugutan dan tekanan yang dilakukan masih terus dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan. Pendidikan universiti di kawasan tersebut telah diberikan kepada rakyat China, dan umat Islam yang belajar di universiti-universiti tersebut hanya membentuk 20 peratus sahaja daripada keseluruhan jumlah pelajar. Kemelesetan ekonomi turut menjadi faktor halangan yang membawa kepada rendahnya tahap pendidikan yang diterima oleh umat Islam di situ. Sekolah-sekolah yang diajar dalam bahasa China menikmati kemudahan-kemudahan yang canggih. Sebaliknya sekolah-sekolah Uighur berada dalam keadaan serba kekurangan. Pendidikan yang kononnya dianggap bersifat keagamaan yang diajar di sekolah-sekolah sebenarnya didirikan di atas fahaman ateisme.

Peristiwa penukaran abjad sebanyak 4 kali dalam tempoh 30 tahun merupakan sebahagian daripada polisi asimilasi yang ditujukan kepada umat Islam di sana. Meskipun Revolusi Budaya sedang berlaku, Mao tetap tidak mengubah skrip abjad China. Namun Mao menukar abjad Uighur daripada abjad Roman kepada abjad Cyrillic jenis Rusia. Selepas abjad itu digunakan buat beberapa ketika, ia ditukar semula kepada abjad Roman. Walau bagaimanapun, selepas itu ia ditukar menjadi skrip Arab untuk menghalang dari terbentuknya jambatan budaya dengan Turki. Kesannya, generasi-generasi di situ sukar untuk memahami di antara satu

sama lain yang mana abjad mereka telah diubah berkali-kali.

Peranan Komunis China yang Anti-Islam di Timur Jauh

Penindasan berdarah yang dikenakan ke atas umat Islam Uighur Turki di Turkestan Timur masih belum reda sehingga kini. China telah menangkap golongan muda Uighur Turki yang menyuarakan penentangan mereka, dengan alasan mereka adalah musuh yang berpotensi di masa hadapan. Untuk melepaskan diri dari penganiayaan tersebut golongan muda telah melarikan diri ke gunung-gunung ataupun ke padang pasir.

Semenjak tahun 1996, berpuluh ribu remaja Uighur Turki telah ditahan di kem-kem yang mana di situ mereka telah dikenakan bermacam-macam jenis penderaan. Sebuah pertubuhan hak asasi manusia antarabangsa telah melaporkan di dalam laporan rasminya bahawa para suspek telah dibawa ke khalayak ramai, dan mereka sama ada dikenakan hukuman berkerja berat ataupun dibunuh oleh skuad penembak di hadapan masyarakat awam. Mahkamah-mahkamah beroperasi di bawah arahan Parti Komunis. Mungkin apa yang lebih dahsyat ialah wanita-wanita mengandung dibawa lari dari rumah mereka. Selanjutnya kandungan mereka digugurkan secara paksa dengan menggunakan teknik yang tidak selamat. Manakala kanak-kanak yang dilahirkan melepasi kuota kerajaan dibunuh, dan harapan keluarga mereka tidak didengari dan dihiraukan.

Peristiwa yang berlaku pada bulan Februari 1997 telah menambahkan lagi bilangan kezaliman yang dilakukan oleh kerajaan China. Pada satu malam Lailatul

Qadar di bulan Ramadan tahun itu, yang berlaku pada 4 Februari, lebih daripada 30 orang wanita yang pergi ke masjid untuk menyambut malam yang amat bermakna kepada umat Islam itu, telah dibelasah sewaktu mereka sedang membaca Al-Quran, dipukul oleh ahli-ahli militia China dan kemudian diseret ke ibu pejabat keselamatan. Penduduk tempatan telah pergi ke ibu pejabat dan merayu supaya wanita-wanita tersebut dibebaskan. Namun demikian, mayat tiga orang wanita yang mati akibat diseksa telah dilemparkan kepada mereka yang datang merayu itu. Kemudian, terjadilah pergaduhan di antara penduduk tempatan dengan orang-orang China. Kira-kira 200 orang penduduk asal Turkestan Timur kehilangan nyawa di antara 4 dan 7 Februari, dan lebih 3,500 yang lain telah dipenjarakan di kem-kem. Pada pagi 8 Februari pula, penduduk yang berkumpul di masjid telah dihalang dari mengerjakan solat oleh pasukan keselamatan. Pergaduhan tercetus lagi, dan akibatnya bilangan mereka yang ditahan iaitu seramai 58,000 orang pada April-May 1996, tiba-tiba melonjak melebihi 70,000 orang. Kira-kira 100 orang penduduk yang masih muda telah dihukum mati secara terbuka. Manakala 5,000 orang Uighur Turki telah ditelanjangkan dan dipamerkan untuk tontonan umum di dalam kumpulan-kumpulan yang setiap satunya seramai kira-kira 50 orang.

Setelah mengetahui semua ini, maka kita patut memberi perhatian kerana rakyat Turkestan Timur masih tidak menerima sebarang sokongan daripada Barat sepertimana yang diharap-harapkan.

Definisi rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tentang *genocide* sudah tepat terhadap apa yang sedang berlaku di Turkestan Timur yang dijajah oleh China itu. Namun, rakyat Turkestan Timur masih tidak

mendapat sebarang perlindungan dari PBB. Kira-kira 25 juta umat Islam Turkestan Timur masih menderita disebabkan oleh penindasan China, dan dunia menutup mata atau terus memalingkan muka terhadap kekejaman ini. Terdapat beribu-ribu tahanan politik, dan banyak di antara mereka yang sudah “lenyap” dari penjara. Penderaan ke atas tahanan sudah menjadi satu perkara rutin.

Untuk menamatkan penganiayan di Timur Tengah, pertama sekali dunia mesti diberitahu tentang syarat-syarat perjanjian yang tidak menentu yang sedang berlaku di situ, dan kemudian sekatan antarabangsa mesti dikenakan supaya China dapat merasakan bahangnya. China sedang melakukan pembunuhan beramai-ramai secara tersembunyi, dan rakyat Turkestan Timur yang ditindas kehilangan cara untuk membolehkan suara mereka didengari. Masyarakat dunia mesti bertindak secara bersama terhadap perkara yang perlu diberi perhatian penting ini.

Harus diingat bahawa punca kekejaman dan penganiayaan di Turkestan Timur terletak pada falsafah Komunis China yang bencikan agama. Perang yang tidak berperikemanusiaan yang dilancarkan terhadap manusia yang tidak berdaya adalah kesan daripada pemikiran materialistik dan komunis yang bersifat ateis. Para pemimpin komunis yang kejam sewaktu abad ke-20 telah meninggalkan suatu ideologi pembunuh dan kesannya berjuta nyawa terkorban. Turkestan Timur adalah contohnya. Satu-satunya cara yang boleh dilakukan untuk menyekat mimpi ngeri ini dari terus menghantui manusia adalah dengan melancarkan peperangan ideologi untuk menentang ideologi-ideologi atheis seperti komunisme. Penghapusan asas-asas ideologi komunis adalan langkah pertama untuk menamatkan penindasan

komunis di muka bumi.

Seperti yang telah ditegaskan di awal bab buku ini, asas kepada komunisme ialah Darwinisme. Karl Marx, iaitu pengasas komunisme telah mendedikasikan bukunya *Das Kapital* kepada Darwin, iaitu seorang tokoh yang amat beliau sanjungi. Di dalam bukunya yang bertajuk *Ever Since Darwin,* seorang saintis pro-Marxis-evolusinis yang terkenal telah menulis:

...Marx dan Darwin adalah secocok, dan Marx memuja Darwin setinggi-tingginya... Darwin sesungguhnya seorang pejuang revolusi yang berhemah.[22]

Pemimpin komunis China, Mao telah berkata menerusi satu ucapannya, “Sosialisme China dibina dengan berasaskan Darwin dan teori evolusi,” maka dengan itu jelaslah dari mana beliau mendapat inspirasi terhadap kekejaman yang dilakukannya.[23]

Himpunan kenyataan ini yang telah mendedahkan asal-usul Marxisme dengan jelas memberitahu kita bahawa Darwinisme merupakan ideologi yang berselindung di sebalik praktis-praktis kejam yang dilaksanakan beberapa tahun dahulu di negara-negara seperti Rusia dan China, dan yang mana sehingga kini ia masih dilakukan terhadap orang-orang Chechen dan umat Islam di Turkestan Timur. (Untuk mengetahui lebih lanjut tentang saintifik Darwinisme dan kejatuhan ideologinya, rujuk bahagian apendiks tentang penipuan evolusi.)

BOSNIA, KOSOVO DAN MACEDONIA

Rakyat Balkan yang Sentiasa Dihimpit Peperangan

Sewaktu kita sedang menuju ke penghujung abad ke-20. dunia telah meyaksikan *genocide* paling dahsyat dan besar. Segalanya bermula pada 1992, dan sepanjang waktu itu beratus-ratus ribu manusia telah dihalau dari tanah sendiri, dibunuh, disumbat ke dalam kem-kem yang penuh sesak, dan didera dengan cara yang tidak berperikemanusiaan. Perkara yang paling jelas dan nyata tentang *genocide* ini, yang bermula di Bosnia dan kemudian berpindah ke Kosovo, ialah ia berlaku di hadapan seluruh penduduk dunia dan hanya bersebelahan sahaja dengan negara-negara Eropah.

Penyembelihan di Bosnia yang bermula pada 1992 hanya berakhir pada musim bunga 1995. Sepanjang tempoh tersebut telah berlaku kekejaman dan keganasan yang sukar dicari contohnya di dalam sejarah kehidupan manusia. Jumlah umat Islam Bosnia yang dibunuh oleh orang-orang Serbia adalah melebihi 200,000 orang. 2 juta orang telah diusir dari rumah mereka, dan kira-kira 50,000 umat Islam wanita telah dicabul keperawanannya. Perkara yang sama kemudian turut berlaku di Kosovo.

Memusnahkan Segala Tinggalan Empayar Turki Uthmaniyyah

Untuk memahami kezaliman yang dikenakan terhadap umat Islam Bosnia yang tidak bersalah, terlebih dahulu kita mesti memahami sejarah kawasan yang bergolak tersebut. Sudah diketahui ramai bahawa se- telah pembubaran Persekutuan Yugoslavia, terdapat beberapa negara yang berasa kurang senang terhadap kawasan-kawasan yang memiliki ramai umat Islam yang cuba mendapatkan kemerdekaan. Penubuhan negara-negara Islam merdeka di tengah-tengah Eropah, dan kemungkinan untuk mereka menubuhkan sebuah kesatuan, membawa maksud kepada penubuhan tamadun Islam yang berhampiran dengan negara-negara Barat. Sebab itulah umat Islam di rantau Balkan dikenakan *genocide* oleh Serbia, dengan dibantu oleh sokongan-sokongan sulit oleh kumpulan-kumpulan pelobi anti-Islam yang sungguh efektif di beberapa negara-negara Barat dan berada pula di bawah payung keselamatan kumpulan-kumpulan pelobi ini.

Belum pun sempat manusia melupakan tragedi dahsyat yang berlaku di Bosnia-Herzegovinia, gelombang kedua kekejaman orang-orang Serb mula mengambil tempat. Kali ini latar tempatnya adalah di Kosovo, Yugoslavia. Apabila kita melihat peristiwa-peristiwa yang berlaku menurut perspektif sejarah, nampaknya Serb mahu menuntut bela di atas luka kekalahan yang dialami kira-kira 600 tahun sebelum ini. Orang-orang Serb di Kosovo melihat umat Islam Albania sebagai “penerus Empayar Turki Uthmaniyyah.” Oleh itu orang-orang Serb mula menjalankan polisi asimilasi, atau lebih tepat lagi, cuba memadamkan segala kesan Uthmaniyyah.

Kebencian Serb terhadap Uthmaniyyah bermula kira-kira 600 tahun yang lampau. Semasa Perang Kosovo Pertama, pada tahun 1389, Sultan Murat I telah ditikam

oleh seorang berbangsa Serbia yang menyamar sebagai seorang utusan. Beliau kemudiannya mengalami cedera parah di bahagian barat laut Pristina dan akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir setelah melihat kejayaan Uthmaniyyah. Kejayaan kedua Turki Uthmaniyyah di Kosovo berlaku pada 1448, apabila Sultan Murat II berjaya mengalahkan pasukan tentera Salib yang dipimpin oleh orang-orang Serbia. Berikutan kejayaan Perang Kosovo Kedua ini, sejumlah besar umat Islam Turki menduduki rantau Balkan.

Ketakutan Terhadap "Albania yang Lebih Hebat" dan Kosovo

Peta baru rantau Balkan yang telah dipersetujui bersama menerusi Perjanjian Versailles pada akhir Perang Dunia I telah menimbulkan satu fakta yang sangat menarik: Orang-orang Albania yang merupakan majoriti rantau Balkan tidak disatukan di dalam sebuah negara yang sama, sebaliknya mereka dibiarkan duduk berselerak di beberapa buah negara. Mengapakah orang-orang Albania tidak dibiarkan duduk bersama apabila peta baru rantau tersebut dilukis?

Jawapan kepada soalan tersebut terletak pada faktor asas yang mencetuskan segala konflik yang masih berterusan sehingga ke hari ini. Prospek penubuhan negeri "Albania yang Lebih Hebat", yang terdiri dari umat Islam Albania, dianggap oleh beberapa buah kuasa antarabangsa sebagai sesuatu yang tidak menguntungkan pihak mereka. Sebab mengapa masalah yang sudah berdekad-dekad lamanya ini masih tidak dapat diselesaikan adalah berpunca daripada plot idea yang serupa. Jika kemerdekaan Kosovo diisytiharkan, "Albania yang Lebih Hebat" akan ditubuhkan sekali lagi di selatan Balkan.

Orang-orang Albania merangkumi kira-kira 95 peratus dari keseluruhan populasi Albania. Tambahan pula, terdapat juga kira-kira 35% populasi Albania di sempadan Macedonia, dan kira-kira 50,000 orang Albania pula tinggal di Montenegro. Di dalam Yugoslavia pula, kawasan Kosovo turut memiliki populasi orang-orang Albania yang agak besar.

Apa yang akan terjadi jika negara-negara yang

berjiran tersebut bersatu, dan dengan itu membentuk “Albania yang Lebih Hebat” di tengah-tengah Eropah? Inilah yang menjadi ketakutan kepada kuasa-kuasa Barat.

Adalah perlu untuk dijelaskan bahawa ketakutan ini timbul lebih disebabkan oleh faktor agama berbanding faktor etnik. Seperti juga Bosnia, negeri tersebut turut memiliki ramai umat Islam yang dilihat sebagai “tidak diperlukan.”

Pencaturan yang masih diteruskan sehingga ke hari ini, telah memainkan peranan penting yang mempengaruhi proses pemetaan rantau Balkan selepas Perang Dunia I. Inilah sebabnya mengapa orang-orang Albania secara tidak rela hidup sebagai sebuah bangsa yang dipecah-pecahkan sejak dulu lagi.

Selepas Perang Dunia II, orang-orang Albania telah diperintah di bawah telunjuk rejim Komunis. Orang-orang Albania di Kosovo dan Macedonia kekal di sempadan Tito Yugoslavia, dan orang-orang Albania sendiri akhirnya berada di bawah genggaman rejim Enver Hoxha yang lebih zalim.

Berikutan kejatuhan komunisme kira-kira 40 tahun yang lampau, kuasa “Albania yang Lebih Hebat” dipandang sebagai sebuah kuasa yang berbahaya disebabkan oleh sifat Islamiknya. Kuasa komunis terdahulu dan fasis terbaru, Slobodan Milosevic menjadi orang pertama yang memulakan polisi ganas yang anti-Islam.

Sebaik sahaja Milosevec mula memegang tampuk pemerintahan, beliau telah menamatkan autonomi yang telah pun dijanjikan kepada Kosovo sewaktu zaman Tito. Beliau mula menggunakan pendekatan fasis untuk menyalakan api nasionalisme orang-orang Serbia. Pendidikan tinggi di Kosovo dihalang dari diajar dalam

bahasa Albania. Akhbar-akhbar yang diterbitkan dalam bahasa tersebut akan ditamatkan operasinya dan rakyat ditindas. Ini semua bertujuan supaya orang-orang Albania meninggalkan kawasan tersebut, dan akhirnya kira-kira 400,000 telah mengambil tindakan tersebut. Pada masa yang sama, wujud usaha untuk mengubah demografi kawasan dengan memasukkan orang-orang Serb. Mereka mahu men"Serbia"kan kawasan tersebut dengan menghalau umat Islam Albania yang membentuk populasi kira-kira 90 peratus banyaknya. Mereka malah turut mengoyakkan surat ikatan harta dan mencantumkan dokumen-dokumen untuk memadamkan identiti budaya umat Islam. Pada 1989, autonomi Kosovo telah dibatalkan sama sekali. Setiap hari, Milosevic mengenakan sekatan-sekatan baru di kawasan tersebut. Orang-orang Albania terus menunjukkan penentangan yang bersifat kedamaian terhadap segala penindasan yang dikenakan ke atas mereka, dan di bawah pimpinan Ibrahim Rugova, mereka telah memulakan kempen yang berdasarkan perlembagaan untuk memenangi semula hak-hak mereka. Orang-orang Albania yang telah hidup lama di bawah sistem penindasan yang tidak memiliki sebarang hak dan telah menjadi sasaran projek asimilasi, akhirnya telah berjaya menarik perhatian rakyat dunia setelah mereka menjadi mangsa proses pembersihan etnik. Serb telah meletakkan pasukan polis dan askarnya di kawasan itu. Pasukan-pasukan ini telah menyerang penduduk yang tidak bersenjata dengan menggunakan senjata-senjata berat. Kempen pembersihan etnik bermula pada 27-28 Februari 1998. Keagresifan Serb telah dihentikan oleh operasi NATO pada 24 Mac 1999. Namun demikian operasi menyelamat yang agak lewat dilakukan ini telah cukup untuk memberitahu kita bahawa penderitaan yang cukup besar telah dialami oleh

orang-orang Albania Kosovo

Bosnia: Pembunuhan Beramai-ramai di Mata Dunia

Apabila Sarajevo menjadi sebahagian daripada wilayah Turki Uthmaniyyah pada 1463, ia turut mempunyai hubungan dengan agama Islam. Ia terus berada di bawah kuasa Turki Uthmaniyyah selama kira-kira 400 tahun. Sepanjang tempoh yang cukup panjang ini, Slavs yang mempunyai hubungan dengan mazhab Kristian yang dipanggil “Bogomils” dan tinggal di kawasan Bosnia-Herzegovina, telah memeluk Islam dengan kerelaan hati mereka sendiri. Dengan itu, umat Islam muncul di Bosnia, di tengah-tengah Semenanjung Balkan. Berikutan dengan Perjanjian Berlin pada 1878, Bosnia telah diberikan kepada Empayar Austria-Hungary, walaupun ia masih sebahagian daripada kawasan Turki Uthmaniyyah. Namun akhirnya ia telah ditawan pada 1908, dan Bosnia tidak lagi berada di bawah pemerintahan Islam. Orang-orang Islam melihat pemergian Turki Uthmaniyyah dengan penuh kesedihan kerana mereka telah membayangkan penganiyaan dahsyat yang bakal diterima di bawah sistem pemerintahan baru. Sesungguhnya tidak lama selepas pengunduran Turki Uthmaniyyah, serangan dan gangguan terhadap umat Islam pun bermula.

Selepas Perang Dunia I, “Kerajaan Serbia, Crotia dan Slovenia” telah ditubuhkan, dengan itu telah mengumpulkan kesemua komuniti Slavs di kawasan tersebut. Bosnia-Herzegovina turut menjadi sebahagian

daripada kerajaan tersebut. Pada 1929, Kerajaan Yugoslavia jatuh ke tangan Kristian Ortodoks Serbia. Sehingga Perang Dunia II, umat Islam Bosnia telah dicuri harta-benda mereka dan diawasi dengan begitu teliti sekali.

Semasa Perang Dunia II, kawasan tersebut telah dijajah oleh Jerman. Tahun peperangan tersebut telah menyaksikan kira-kira 100,000 umat Islam yang terkorban dalam siri-siri serangan di bandar-bandar dan perkampungan Bosnia. Serangan-serangan tersebut dilakukan oleh pejuang-pejuang ultra-nasionalis (Chetniks). Pihak komunis telah memainkan peranan utama dalam penentangan terhadap Nazi, dan apabila perang tamat mereka mula mengambil-alih hal-ehwal pengurusan negara tersebut. Polisi penindasan terhadap umat Islam bangkit semula apabila komunis mula berkuasa. Yayasan-yayasan Islam diambil-alih, masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama dirampas, dan kempen intensif tentang propaganda ateis begitu rancak dijalankan. Kesannya, satu bahagian daripada populasi umat Islam telah dipaksa berpindah ke Turki dan negara-negara Eropah lain.

Apabila Perjanjian Perang Dingin Warsaw tamat, sebuah referendum telah diadakan pada 1 Mac 1992, dan Bosnia-Herzegovina mengisytiharkan kemerdekaannya. Walau bagaimanapun, Serb telah menawan negara tersebut dan menjalankan penyembelihan selama tiga tahun. Jumlah umat Islam Bosnia yang dibunuh oleh Serb dalam tempoh tiga tahun itu tidak kurang dari 200,000 orang. Kira-kira 2 juta umat Islam dihalau keluar dari rumah mereka. 50,000 wanita Islam telah dirogol. Umat Islam yang dihantar ke kem-kem tahanan milik Serb telah dikenakan penderaan yang amat dahsyat, dan berpuluh-puluh ribu daripada

mereka telah lumpuh.

Beberapa kes penyeksaan di sana yang dilaporkan oleh umat Islam kepada Kenyataan Tribunal Jenayah Perang Antarabangsa PBB dengan jelas menunjukkan tahap penganiyaan yang telah dilakukan oleh Serb. Sebagai contoh, berdasarkan kepada keterangan Sulejman Besic yang berusia 46 tahun, seorang Chetnik yang dipanggil Dusan Tadic telah pergi menemui seorang wanita Islam dan menjerit kepadanya untuk memberitahu di mana suaminya berada. Dia kemudian mengarahkan wanita tersebut supaya menanggalkan pakaiannya, dan mengancam akan membunuhnya jika dia enggan berbuat demikian. Dalam menangis, dia mula membuka pakaiannya di hadapan mata pistol. Namun demikian tidak kurang seminit selepas iu, Tadic menembaknya di kepala. Kemudian dia membawa anak lelaki wanita tersebut yang mana selama adegan ngeri ini berlaku, dia terbaring tidak berapa jauh dalam keadaan tangannya diikat. Anak lelaki itu kemudian disuruh merogol ibunya yang sudah mati. Di kemudian menangis dengan sekuat-kuatnya, dan akhirnya dengan segera ditembak mati oleh Dusan Tadic.

Badan kaku yang mati akibat dibunuh dibiarkan begitu sahaja dalam masa yang lama. Menurut Sulejman Besic, tiada apa yang menghairankan tentang perkara tersebut di kem-kem tahanan yang penuh sesak. Menurutnya lagi, ramai umat Islam yang cedera berada dalam keadaan yang sangat menyedihkan. Ada di antara mereka yang terbaring tidak sedarkan diri dengan ulat-ulat mengerumuni luka-luka yang terdedah. Bau busuk dari mayat-mayat yang dibiarkan ditempat terbuka dan ulat-ulat yang mengerumuninya amat meloyakan.

Besic telah menyaksikan semua ini sewaktu dia dikurung di Kem Trnopolje, dan beliau memberitahu

pengalamannya kepada Tribunal Jenayah Perang Antarabangsa di Hague, yang ditubuhkan untuk menyiasat jenayah-jenayah perang di Yugoslavia yang dahulu dan juga menyiasat para suspek. Perkara-perkara dahsyat yang disaksikan dan dialami olehnya hanyalah beberapa contoh daripada ribuan penyeksaan dan penyembelihan sistematik yang dikenakan ke atas umat Islam oleh Serbia di Bosnia.

Penyembelihan dan pembersihan etnik yang begitu lama di Bosnia mungkin sudah semakin sampai ke penghujungnya. Namun ia telah meninggalkan satu tragedi kemanusiaan yang sungguh mengerikan. Serb mengajukan ancaman-ancamannya, dan bertindak-balas terhadap kebangkitan Islam di Bosnia dengan kekejaman yang begitu dahsyat, yang dijalankan di hadapan mata penduduk dunia.

Harapan kami ialah rakyat Bosnia, yang dikenakan *genocide* kejam hanya kerana mereka beragama Islam, akan mendapat sokongan secara aktif dan praktikal dari mereka yang berkesedaran di segenap lapisan masyarakat, terutama sekali dari dunia Islam untuk membantu mereka memulihkan keadaan.

ALGERIA

Peristiwa Berdarah Ekoran Dari Kekejaman dan Penindasan yang Tidak Berkesudahan

Algeria telah menikmati kehidupan yang selesa di bawah penyebaran Islam di Afrika Utara, namun telah dimusnahkan oleh kekacauan politik dan sosial selama beberapa tahun sehingga sekarang. Punca kepada konflik yang berlaku di Algeria, yang mana dunia sudah pun mendengarnya sejak sedekad yang lalu, bermula sejak lama dahulu.

Pendudukan Perancis di Algeria

Algeria berada dalam keadaan aman damai semasa pemerintahan Turki Uthmaniyyah dari abad ke-16 sehinggalah abad ke-19. Walau bagaimanapun, apabila Empayar Turki Uthmaniyyah mula hancur, kuasa-kuasa kolonial mula membahagi-bahagikan dunia Islam. Salah satu daripadanya adalah Algeria. Pada 1827, tentera Perancis seramai 37,000 menceroboh negara tersebut. Setelah tiga tahun perang tersebut tercetus, keseluruhan negara tersebut jatuh ke tangan Perancis. Algeria menjadi begitu penting kepada Perancis kerana memiliki takungan minyak yang besar dan menjadi posisi strategik sebagai pelabuhan di Mediterranean. Negara itu kemudian secara rasmi menjadi milik Perancis pada tahun 1830, dan kekal berada dalam koloni Perancis

selama 132 tahun yang berikutnya.

Sejajar dengan pandangan para pengkoloni yang lain, Perancis melihat bangsa selain dari mereka sebagai manusia kelas kedua. Dengan itu, tertubuhlah sistem yang berasaskan tekanan dan keganasan di kesemua tanah jajahan yang mereka miliki. Kempen asimilasi budaya bermula. Mula-mula sekali, percakapan dan pengajaran bahasa Arab diharamkan. Bahasa Perancis menjadi bahasa rasmi. Polisi ini bertujuan untuk menghapuskan identiti kebangsaan dan warisan kebudayaan rakyat Algeria. Selepas itu, Algeria dijadikan supaya bergantung sepenuhnya kepada Perancis dari segi ekonomi, dan struktur politiknya telah dirombak supaya bersesuaian dengan kepentingan Perancis.

Penentangan Algeria yang pertama terhadap penjajahan Perancis dimulakan oleh Abdul Kader, iaitu gabenor Mascara pada tahun 1832. Beribu-ribu umat Islam Algeria telah dibunuh dalam penentangan tersebut, dan Perancis telah menakluki keseluruhan negara itu. Sepanjang tempoh selepas tercetusnya pemberontakan, tiada sebarang kuasa yang mampu mengawal kemarahan rakyat terhadap penjajah. Banyak pergerakan-pergerakan menuntut kemerdekaan yang diinspirasikan oleh polisi-polisi keganasan dan penindasan, telah ditundukkan oleh Perancis. Ini menjadikan Perancis terus berkuasa di negara tersebut sehingga pertengahan abad ke-20.

Dengan tercetusnya Perang Dunia II, era baru muncul di Algeria. Nazi Jerman telah menawan Perancis dan kemudian Algeria. Ramai pecinta tanah air Algeria yang ditahan oleh Jerman, kebanyakan mereka dibunuh atau di hantar ke kem-kem tahanan. Apabila Kuasa Bersekutu (Pent: Kuasa Bersekutu terdiri daripada negara Britain, Perancis, Rusia dan Amerika Syarikat)

berjaya menamatkan penjajahan Jerman (Pent: Jerman adalah dari Kuasa Paksi. Terdapat dua lagi buah negara yang menganggotai Kuasa Paksi, iaitu Itali dan Jepun) pada 1942, para ilmuwan Algeria membayangkan satu permulaan baru dan kedatangan sistem demokratik di Algeria. Namun, akhirnya mereka menyedari dengan cepat bahawa mereka telah silap perkiraan. Pada 1943, satu kumpulan yang dipimpin oleh Ferhat Abbas mencadangkan kepada Kuasa Bersekutu bahawa kolonialisme mesti ditamatkan supaya sebuah negara merdeka dapat ditubuhkan sebaik sahaja perang tamat, dengan sebuah Perlembagaan baru, termasuklah bahawa rakyat Algeria mesti mentadbir negara mereka sendiri dan mereka yang dipenjarakan disebabkan kepercayaan mereka mesti dibebaskan. Rakyat Algeria yang telah berjuang bersama-sama dengan Kuasa Bersekutu menganggap bahawa permintaan mereka akan dipenuhi. Namun, ia telah ditolak. Di samping itu, corak pembunuh yang baru menyusul tidak lama selepas itu.

Apabila ramai rakyat yang berkumpul sewaktu pengibaran bendera Algeria pada 8 Mei 1945, sebagai meraikan tamatnya peperangan, ia telah diganti dengan pertumpahan darah yang amat mengerikan. Askar Perancis telah melepas tembakan kepada mereka yang membawa bendera Algeria, dan 40 orang telah dibunuh dengan begitu kejam. Peristiwa ini mendapat reaksi umat Islam yang tinggal di kawasan lain. Penentangan meningkat, dan Perancis bertindak-balas dengan menggunakan kekuatan yang lebih besar. Unit-unit tentera mula melepaskan tembakan kepada masyarakat awam secara rambang. Akibatnya, berdasarkan kepada sumber kerajaan Amerika, kira-kira 45,000 umat Islam mati dalam pembunuhan yang dilancarkan. Ramai juga yang cedera. Insiden ini, yang dikenali sebagai

Pembunuhan Beramai-ramai Setif, telah diikuti oleh tindakan-tindakan lain oleh rejim Perancis. Segala aktiviti politik diharamkan. Beribu-ribu rakyat Algeria ditahan tanpa ada sebarang justifikasi. Algeria menerima satu lagi penderitaamm daripada kekejaman kuasa kolonialis.

Dekad yang berikutnya selepas Pembunuhan Beramai-ramai Setif, pergerakan-pergerakan menuntut kemerdekaan menjadi semakin matang. Notis yang dikeluarkan oleh mereka pada 1 November 1954, telah menyeru rakyat Algeria supaya bangkit bagi mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan. Pelindung Pembebasan Kebangsaan (FLN) dan Tentera Pembebasan Kebangsaan (ALN), yang diasaskan pada tahun yang sama, telah mengepalai pergerakan kemerdekaan. FLN bukan sebuah pergerakan homogenus (Pent: iaitu tidak dianggotai oleh satu kaum atau satu parti politik sahaja), dan mereka yang datang dari pelbagai latar politik berkumpul di dalamnya. Pergerakan tersebut telah bermesyuarat di Kaherah pada September 1958, dan seterusnya membentuk kerajaan sementara Algeria.

Perancis sudah tentu tidak mahu kehilangan Algeria yang kaya dengan simpanan minyak dan gas aslinya. Potensi kemunculan sebuah negara Islam yang kaya dengan sumber asli telah membuatkan Perancis dan negara-negara lain yang anti-Islam berasa tidak selesa. Perancis menjangka bahawa perkembangan seperti itu akan membawa kesan domino kepada negara-negara Islam lain di Afrika, dan dengan itu terjadilah pembunuhan yang berikutnya. Banyak perkampungan yang dibakar oleh Perancis, sekolah-sekolah dan masjid-masjid dirobohkan, sehinggalah Algeria mengisytiharkan kemerdekaannya. Sepanjang tempoh tersebut, yang

menyaksikan ribuan nyawa melayang, Perancis masih terus memusnahkan tanaman rakyat Algeria dan juga turut membunuh haiwan ternakan mereka. Kira-kira 400,000 batang pokok anggur yang dimusnahkan dan ribuan haiwan dibunuh.

Walau bagaimanapun, Perancis akhirnya menerima kehendak rakyat Algeria yang mahukan kemerdekaan, walaupun sebenarnya Perancis tidak pernah teragak-agak untuk membunuh rakyat, wanita, kanak-kanak dan orang tua yang tidak bersalah. Pada 1959, Presiden Perancis de Gaulle mengumumkan di dalam ucapannya di PBB bahawa beliau telah mengisytiharkan kemerdekaan Algeria. FLN dan Perancis telah mengisytiharkan genjatan senjata melalui Perjanjian Evian, dan Algeria akhirnya mendapat kemedekaan pada tahun 1962. Perjuangan menuntut kemerdekaan daripada Perancis selama lebih kurang tujuh setengah tahun menyaksikan kira-kira 1.5 juta rakyat Algeria mati.

Keganasan yang dilakukan oleh Perancis adalah satu pengesahan sadis tentang sifat-sifat mereka yang tidak beriman dan suka pula melakukan kerosakan seperti mana yang tercatat di dalam al-Quran. Mencederakan manusia yang tidak bersenjata sewaktu peperangan, menyebabkan kebuluran yang menjadikan mereka sukar untuk meneruskan kehidupan, dan membiarkan mereka dalam kemiskinan adalah tindak-tanduk rejim-rejim kejam yang berlaku sepanjang sejarah manusia:

Dan apabila dia berpaling (dari kamu), dia berjalan di bumi untuk melakukan kerosakan, dan merosakkan tanam-tanaman dan binatang tenakan, dan Allah tidak menyukai kebinasaan. (Al-Baqarah, 2:205)

Kita tidak boleh lupa bahawa mereka yang melakukan perkara sedemikian rupa di dunia ini akan membayar harganya di akhirat kelak. Al-Quran telah memberitahu umat Islam tentang berita gembira ini:

Negeri Akhirat itu, Kami jadikan untuk orang-orang yang tidak mahu menyombongkan diri dan membuat keroskan di muka bumi. Dan kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa. (Al-Qashash, 28:83)

Penyeksaan yang Dialami Oleh Rakyat Algeria yang Didalangi Perancis

Polisi penindasan penuh kejam yang dilakukan Perancis sepanjang berlakunya Perang Algeria untuk mendapatkan kemerdekaan telah dikutuk sehebat-hebatnya oleh ramai cendekiawan Perancis, dan inisiatif penduduk awam telah dilakukan bagi menghentikan penindasan yang berlaku. Keganasan ini yang dipercayai telah menjadi titik hitam dalam sejarah manusia apabila Algeria akhirnya berjaya mendapat kemerdekaan, namun telah dimasukkan ke dalam agenda semula oleh komander-komander yang bertugas di Algeria ketika itu.

Polisi pentadbiran Perancis di Algeria telah diterangkan secara ringkas dan jelas oleh Jacques Massu, pemerintah komander kecemasan ketika itu:

Seksa? Sudah tentu kami seksa. Beberapa badan telah membuatkan ia sukar bagi kami. Tapi bagaimana anda boleh jangka yang kami akan

melakukan tindakan yang berbeza?[24]

Malah ada juga kenyataan yang lebih mengerikan. Ia adalah luahan dari Jacques Duquesne, seorang koresponden *La Croix* ketika itu:

Soalan-soalan tentang penyeksaan dan kehilangan sering menghujani minda anda. Lelaki dan kadang-kala wanita ditahan, dan tiada khabar yang didengari tentang mereka selepas itu. Amalan mengikat badan dengan batu dan kemudian menghumbankannya ke laut sudah diketahui ramai. Bilangannya secara umum adalah 3,000 orang, walaupun Datuk Bandar Algeirs Jacques Chevallier menyatakan angkanya adalah sekitar 5,000 orang. Di antara kaedah-kaedah pencerobohan yang dilakukan oleh pasukan askar Perancis adalah merogol dan memusnahkan keseluruhan kampung. Seorang askar telah memberitahu bagaimana dia sebagai pembantu perubatan terpaksa merawat penduduk setiap pagi yang mana pada waktu malamnya mereka telah diseksa oleh askar dari unitnya sendiri. Teknik paling popular ialah dengan mengenakan arus elektrik di bahagian tubuh badan, kadang-kala pada bahagian kemaluan wanita. Cara penyeksaan yang lain adalah untuk membunuh. Para mangsa akan disumbat dengan paip getah di mulutnya dan kemudian pili air dibuka, atau kuku di tangan dicabut, atau kepala mereka direndamkan ke dalam takungan yang dipenuhi air, atau mereka digantung selama berjam-jam pada bahagian pergelangan tangan yang mana kaki mereka hampir tidak mencecah lantai. Terdapat juga kaedah-kaedah yang lain. Ia bukanlah satu perkara yang mudah untuk menulis kesemuanya. Saya

hanya mengulangi beberapa bahagian yang saya tahu.[25]

Apa yang Berubah Dengan Kemerdekaan?

Algeria berjaya mencapai kemerdekaannya pada 1962, walaupun hanya sedikit perubahan berlaku kepada umat Islam. Dengan deklarasi kemerdekaan, FLN mahukan kuasa dan membentuk sebuah organisasi yang terikat secara rahsia dengan Perancis. Dengan mengikut tradisi yang sering dilihat di dalam dunia Islam pada abad ke-20, parti akan membentuk rejim penindas. Para pemimpin rejim tersebut telah mengeksploitasi kekayaan sumber alam sewaktu mereka berkuasa. Rakyat menjadi semakin miskin sewaktu para pemimpin FLN dan penyokongnya menikmati kemewahan. Pada tahun 1990-anan, kadar pengangguran meningkat kepada 70 peratus. Walau bagaimanapun, segala tekanan dan eksploitasi yang dikenakan ke atas umat telah mewujudkan benih-benih kemusnahan rejim itu sendiri.

Segala perkembangan tersebut menjadikan Algeria penuh dengan demonstrasi, boikot dan protes untuk rakyat melepaskan kemarahannya. Semakin banyak suara-suara yang menuntut kebebasan dan juga sistem multi-parti bagi menggantikan sistem satu parti yang sedia ada. Akhirnya pada tahun 1989, sistem multi-parti telah dibentuk.

Pilihan raya umum telah diadakan pada 26 Disember 1991. Terdapat dua kali pengundian bertulis, dan keputusannya telah diumumkan pada 30 Disember. Barisan Penyelamat Islam (FIS) telah berjaya mendapat

majoriti kerana memenangi 188 daripada 232 kerusi di parlimen. FLN yang memerintah ketika itu hanya berjaya mendapat 15 kerusi. Pusingan kedua turut dilihat akan memberikan keputusan yang serupa. FIS dilihat sudah pasti akan memenangi pilihan raya itu.

Namun demikian, rejim penindas di negara tersebut tidak akan membiarkan ia berlaku. Pasukan askar yang dipimpin oleh Ketua Staf Jeneral Khalid Nezzar telah melakukan rampasan kuasa. Wujud provokasi-provokasi dan berita-berita yang sudah jelas palsu bagi menjustifikasikan rampasan kuasa tersebut. Sebelum keputusan pusingan pertama diumumkan, perdana menteri mengatakan bahawa pengundian telah berjalan lancar, aman dan selamat. Selepas keputusan menjadi semakin jelas, perkara sebaliknya berlaku. Beliau telah membuat kenyataan bahawa pengundian "tidak dijalankan dengan cukup bebas dan jujur," yang dengan kata lain menuduh FIS sama ada sudah menipu atau menggunakan cara paksa.

Perkembangan rampasan kuasa itu juga agak menarik. Segala peristiwa yang telah terbentang menunjukkan bahawa segala-galanya sudah dirancang siap-siap. Berikutan rampasan kuasa, dan kontra terhadap luahan yang diberikan kepada penduduk dunia, umat Islam tidak memulakan "perang saudara." Konflik sebenarnyan dimulakan oleh mereka yang mencetuskan rampasan kuasa. FIS telah menyeru semua pihak supaya tidak menggunakan kekerasan dan sebaliknya menggunakan jalan damai. Kerajaan sebaliknya bertindak dengan menahan ribuan ahli FIS dan mengenakan hukuman-hukuman kejam ke atas mereka sewaktu di penjara.

Tahun-tahun berikutnya tidak membawa sebarang perubahan terhadap tekanan yang dikenakan ke atas

rakyat Algeria. Berikutan provokasi yang menyalahkan umat Islam, sebuah mahkamah yang memiliki kuasa luar biasa telah dibentuk. Pada mulanya, FIS dan para penyokongnya tidak mahu mengangkat kepala dan masih berpegang kepada cara yang lebih damai, namun kemudiannya mereka mula berubah sikap kerana tekanan dan ketidakadilan yang melampau-lampau. Satu kumpulan mula menggunakan senjata sebagai reaksi serangan bersenjata terhadap mereka oleh pasukan keselamatan. Akhirnya, Algeria terjebak ke dalam kancah perang saudara.

Siapakah Dalang Perang Saudara di Algeria?

Tujuan perang saudara satu sahaja: untuk memusnahkan kuasa Islam, jika perlu dengan menggunakan cara penghapusan secara fizikal. Inilah sebabnya mengapa skuad pembunuh diwujudkan, di bawah nama "kumpulan anti-teroris." Umat Islam yang menjadi sasaran skuad ini akan dibunuh, dan kes-kes tersebut tidak pernah selesai. Berdasarkan kepada keterangan seorang pegawai polis Algeria, yang mengakui apa yang telah berlaku, kumpulan-kumpulan khas akan mengetuk pintu-pintu umat Islam yang menjadi sasaran mereka dan kemudian menembak mereka sebaik sahaja pintu dibuka.[26] Professor Abdul Hamid Brahimi, yang merupakan Perdana Menteri Algeria 1984-1988, telah berucap tentang metod-metod yang digunakan sewaktu peperangan ke atas umat Islam:

Rakyat Algeria telah dirobek ketenangannya semenjak rampasan kuasa haram pada Januari

1992. Penangkapan secara rambang dan beramai-ramai terhadap mereka yang tidak bersalah, termasuk guru, jurutera, doktor, peguam, pedagang, dan pelajar; mereka dihantar tanpa usul-periksa ke kem-kem kurungan atau pun dicampak ke dalam penjara dan dilayan dengan cara yang tidak mempunyai sifat kemanusiaan. Di samping itu, orang muda Algeria telah dibunuh setiap hari oleh skuad pembunuh tanpa ada sebab yang munasabah, hanya kerana mereka dianggap memiliki potensi yang berbahaya kepada puak rejim.[27]

Pada 16 November 1997, sebuah artikel bertajuk "Kami Menuduh 80,000 Kali," John Sweeney, seorang wartawan akhbar harian Britain *The Observer,* telah memberikan sokongan kepada kata-kata Brahimi. Sweeney amat berminat dengan Algeria dan telah memberikan pandangannya terhadap pembunuhan di negara tersebut selepas beliau menemu bual beberapa orang saksi yang telah melihat kekejaman yang dilakukan di hadapan mata mereka sendiri:

...himpunan bukti-bukti telah menjelaskan keadaan Algeria. Kira-kira 80,000 rakyat telah dibunuh semenjak penipuan umum kepada rakyat melalui pilihan raya yang dipenuhi pertengkaran pada 1991. Kerajaan – *le pouvoir* – adalah korup, dibenci dan terus memegang kuasa dengan cara keganasan. Pertimbangkan bukti daripada Amnesti Antarabangsa, Pemerhati Hak-Hak Kemanusiaan, Persekutuan Hak-Hak Kemanusiaan Antarabangsa, Wartawan-Wartawan Tanpa Sempadan; bukti-bukti dari pihak media-media Algeria sendiri yang dikongkong oleh kerajaan...[28]

Sweeney telah menerima reaksi dari seluruh dunia

berikutan temu bualnya dengan seorang anggota polis rahsia Algeria, temu bual dengan beberapa buah negara Barat, Perancis terutamanya, sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan kejam ke atas mereka yang tidak bersalah. Himpunan laporan dan luahan daripadanya menunjukkan keganasan di Algeria sebenarnya didalangi oleh pihak kerajaan. Walaupun seluruh dunia sedar tentang semua ini, tiada siapa pun yang mahu memberhentikan semua ini. Mereka lebih suka untuk berdiam diri. Dengan kata lain, “Kerajaan Algeria dan rakan-rakan Baratnya lebih suka untuk bertindak di dalam kegelapan.”

Mereka yang Benar-Benar Bertanggungjawab Terhadap Pembunuhan

Sweeney telah memberikan tiga buah contoh-contoh pembunuhan yang berasingan di dalam artikel tersebut, seterusnya mendedahkan dengan tepat tentang siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab terhadap siri-siri pembunuhan yang ditujukan kepada umat Islam. Kisah pertama bermula pada Julai 1994. Pada hari para pemimpin Barat yang menganggotai G-7 bertemu di Nepal, "ekstrimis Islam" telah dituduh mengelar leher tujuh orang ahli kelasi Itali sewaktu mereka berada di pelabuhan Algeria. Media-media Barat dengan cepat dan bengis menuduh kumpulan "radikal Islam" yang melakukan serangan tersebut.

Walau bagaimanapun, Joseph, seorang anggota polis rahsia Algeria yang digunakan oleh Sweeney sebagai salah satu dari sumber maklumatnya, memiliki pandangan yang berbeza tentang serangan tersebut. Beliau memberitahu bahawa pembunuh adalah rakan-rakannya di dalam unit polis rahsia. Perkara yang lebih menarik ialah sewaktu serangan itu berlaku, pelabuhan tersebut berada di dalam kawasan militari, dan ia dilindungi sebaik-baiknya oleh pasukan tentera laut. Sweeney telah menarik perhatian tentang perkara luar biasa yang berlaku sewaktu kejadian tersebut:

Jenjen, sewaktu berlaku pembunuhan beramai-ramai tersebut, dikawal ketat oleh pasukan tentera laut, di dalam zon ketenteraan, yang mana terdapat berek-berek askar beberapa ela sahaja dari kapal tempat orang-orang Itali itu disembelih. Jika kumpulan ekstrimis merupakan pembunuhnya,

maka mereka mesti melepasi pemeriksaan tentera, berjalan berjengket-jengket di berek tempat tinggal askar, mengelar leher kelasi-kelasi Itali itu, memunggah turun 600 tan kargo yang didapati hilang, dan kemudian melarikan diri secara perlahan-lahan supaya tidak ditangkap.[29]

Contoh kedua yang ditulis oleh Sweeney ini juga tidak kurang menariknya:

Pada 1995, satu siri pengeboman telah berlaku di kota Paris. Kumpulan-kumpulan ekstrimis Islam dipersalahkan dan Barat bersetuju. Joseph memberitahu kepada kita bahawa lelaki yang merancang pengeboman adalah Jeneral Tewfik dan Smain, yang merupakan komander-komander di dalam pasukan polis rahsia Algeria, dan operasi tersebut telah dikawal dari Kedutaan Algeria di Paris. Selepas pengeboman, Menteri Dalam Negeri Perancis, Jean-Louis Debre, telah ditanya sewaktu makan tengah hari sama ada wujudkah kemungkinan bagi pasukan polis rahsia Algeria bersembunyi di sebalik pengeboman tersebut. Beliau menjawab: "Militari keselamatan Algerian mengharapkan kami supaya mengikut jejak yang salah, jadi kami dapat menghapuskan sesiapa sahaja yang mengganggu mereka."[30]

Contoh yang ketiga ini juga turut menimbulkan satu lagi misteri:

Pada 1997, tiga insiden pembunuhan beramai-ramai yang besar telah dilakukan di selatan Algiers. Ketiga-tiganya berlaku di sebuah zon yang dikawal ketat, dikelilingi oleh berek-berek askar. Ia mengambil masa yang lama untuk menyembelih leher 200 orang manusia. Tiada seorang pun yang dibawa ke muka pengadilan Algeria atas sebab

pembunuhan beramai-ramai yang besar itu. Mereka yang melakukan pembunuhan itu, seperti yang diberitahu oleh puak rejim, "dibiarkan tanpa gangguan."[31]

Insiden serupa yang dilaporkan oleh John Sweeney turut dilaporkan dalam sebuah majalah berbahasa Turki. Di dalamnya terdapat kenyataan-kenyataan daripada para saksi yang melihat pembunuhan beramai-ramai di Seydi Musa, iaitu sebuah kawasan di Algeria. Ia menyaksikan seramai 300 orang dibunuh. Insiden ini amat penting bagi seseorang yang mahu mengetahui hal sebenar yang terjadi di Algeria:

Hakikat bahawa tiada campur tangan ketenteraan dalam pembunuhan beramai-ramai di Seydi Musa, yang berlaku hanya di sebelah ibu pejabat militari dan hanya memakan masa lima jam, adalah aspek yang patut diberi perhatian dalam seluruh konspirasi yang terjadi. Kenyataan daripada mereka yang terselamat ialah, "Kami menjerit meminta pertolongan, pasukan keselamatan tidak jauh dari kami, namun manusia pertama yang datang di awal-awal pagi ialah pasukan bomba," dan api serta asap yang keluar dari rumah-rumah, serta bunyi-bunyi tembakan senjata automatik penyerang yang gagal menarik perhatian pasukan keselamatan adalah cukup untuk memberitahu kita siapakah sebenarnya yang bersembunyi di sebalik pembunuhan di Algeria.[32]

Ramai sebenarnya yang turut berkongsi pandangan yang serupa seperti Abdul Hamid Brahimi dan John Sweeney tentang apa yang berlaku di Algeria. Ramai pakar yang sedang meneliti perkembangan di negara tersebut bersetuju bahawa kerajaan Algeria, yang disokong oleh junta (Pent: iaitu majlis pemerintah),

adalah dalang di sebalik pembunuhan dan tindakan-tindakan keganasan. Salah seorang daripada kumpulan-kumpulan pakar tersebut ialah Perbadanan Rand Graham Fuller, bekas ejen CIA. Fuller telah mengenalpasti unit-unit militari yang bertanggungjawab terhadap tindakan-tindakan teroris di Algeria, termasuklah juga pengeboman di Paris, dan turut meng-gambarkan niat mereka untuk memanipulasikan pandangan masyarakat dunia. Beliau mempertahankan bahawa agensi-agensi intelek Barat mengetahui semua perkara yang berlaku dan mereka cuba mempengaruhi pandangan penduduk dunia dengan menyebarkan maklumat yang salah.[33]

Fakta lain yang turut memberikan bukti penting ialah hampir kebanyakan jeneral-jeneral di dalam junta yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan yang dilakukan pada masa-masa yang tertentu atau yang lain adalah berada di dalam pasukan askar Perancis. Mereka ini memberikan perkhidmatan kepada pasukan askar Perancis sewaktu berlakunya Perang Kemerdekaan Algeria, atau dengan kata lain mereka bekerjasama dengan Perancis. Ketua Staf Jeneral Mohammed Amari, sebagai contoh, merupakan seorang pegawai di dalam pasukan askar Perancis. Beliau menganggotai pasukan askar Algeria sebaik sahaja sebelum kemerdekaan diisytiharkan. Ketua bagi Bahagian Kepintaran iaitu Jeneral Tewfik, dan pemimpin yang melakukan rampasan kuasa secara haram, yang juga merupakan Menteri Pertahanan terdahulu iaitu Jeneral Khalid Nezzar turut menjadi pegawai di dalam pasukan askar Perancis.[34]

Sebagai tambahan kepada semua ini, bekas Perdana Menteri iaitu Abdul Hamid Brahimi telah menerangkan bahawa semua tindakan keganasan dituduh dilakukan oleh umat Islam, padahal umat Islam

tahu bahawa mereka tidak akan dapat mencapai impian mereka dengan cara pembunuhan. Selepas berkata demikian, Brahimi menekankan bahawa itu semua dilakukan oleh bekas-bekas ahli OAS, iaitu sebuah pertubuhan penentang-gerila yang ditubuhkan bagi menentang kemerdekaan Algeria pada tahun 1962. Pertubuhan ini yang sebenarnya digerakkan oleh pihak pentadbiran Perancis, adalah dalang yang berselindung di sebalik keganasan yang berlaku di Algeria.[35]

Di samping semua ini, perkara yang mesti dijelaskan ialah kumpulan-kumpulan Islam yang terlibat dalam serangan-serangan keganasan terhadap penduduk awam adalah berada di landasan yang salah. Seperti yang telah kami beritahu, metod-metod yang sedemikian adalah tidak serasi dan selaras dengan ajaran Islam. Islam sentiasa mengajak umatnya memilih jalan damai, dan jika peperangan menjadi satu-satunya jalan terakhir, Islam memastikan nyawa dan hak penduduk awam yang tidak bersalah tidak dicabuli. Selain itu, segala macam bentuk “perjuangan” yang membawa kepada kezaliman yang tidak berjustifikasi adalah berlawanan dengan kehendak Islam. Umat Islam di Algeria perlu sensitif terhadap perkara ini. Mereka seharusnya tidak melancarkan peperangan dengan cara mengangkat senjata, sebaliknya dengan menggunakan kebudayaan, ilmu dan juga kewarasan. Mudahan-mudahan segala darah dan air mata yang menitik di bumi Algeria akan diganti dengan sebuah kedamaian dan keselamatan.

TUNISIA

Rakyat Ditindas Hanya Disebabkan Keimanan Mereka

Afrika Utara adalah satu lagi kawasan yang dilanda kekacauan selepas berlalunya zaman Turki Uthmaniyyah. Empayar Turki Uthmaniyyah telah menguasai kawasan Afrika Utara pada abad ke-16 dan telah membina sebuah pentadbiran yang stabil di situ. Namun demikian, kolonialisme telah memusnahkan kedamaian dan keselamatan di situ, termasuklah pentadbiran Uthmaniyyah. Proses kolonialisasi di Afrika bermula dengan kemasukan Belanda pada abad ke-17. Portugis, Inggeris dan Perancis kemudian membina empayar mereka di pelbagai wilayah di kawasan tersebut. Namun demikian, untuk merampas teritori-teritori yang dimiliki oleh Turki Uthmaniyyah di Afrika Utara, mereka terpaksa menunggu sehingga kurun ke-19. Tunisia adalah salah sebuah negara yang telah melalui proses tersebut.

Pertembungan Tunisia dengan dunia Islam berlaku apabila pihak tentera Islam yang dipimpin oleh Abdallah ibnu Abi Sarh melakukan penaklukan pada tahun 648. Dalam jangka masa yang singkat, negara ini telah menjadi sebuah negara Islam, dan di penghujung abad ke-7, seluruh populasinya adalah terdiri daripada orang-orang Islam. Selepas itu, para pemerintah telah silih-berganti, tetapi **kedamaian dan keselamatan yang sebenar di Tunisia bermula pada tahun 1547 apabila Turki Uthmaniyyah mula memerintah.**

Tunisia menjadi wilayah Turki Uthmaniyyah dan ia terus kekal di bawah status tersebut sehinggalah tahun 1881. Berbeza dengan corak pemerintahan diktator yang diamalkan di Barat, Turki Uthmaniyyah diperintah dengan berlandaskan kedamaian dan toleransi, yang mana kedua-duanya adalah ciri-ciri Islam. Di samping umat Islam Arab yang menjadi populasi majoriti di situ, pelbagai jenis kumpulan-kumpulan agama dan etnik seperti Berbers dan Yahudi, telah hidup dalam keadaan aman damai sewaktu zaman penuh kesejahteraan di Tunisia. Era aman damai ini berterusan sehinggalah berlakunya penaklukan oleh Perancis pada tahun 1881.

Sejarah Berdarah Kolonialisme Perancis

Perancis memerintah Tunisia dengan menggunakan gabenor-gabenor yang dipanggil “komissar senior.” Seperti juga di Algeria, polisi yang penuh dengan kekejaman pun bermula. Semua pergerakan dan aktiviti penentangan yang menuntut kemerdekaan telah ditekan sehebat-hebatnya. Para pemimpin pergerakan Islam yang cenderung kepada kemerdekaan, dan juga mereka yang memberikan sokongan, telah ditindas dengan kejam. Ramai di antara mereka yang ditahan dan kemudiannya didera.

Perancis mendapati agak sukar untuk menyekat protes-protes dan juga untuk menghalang pemberontakan rakyat Tunisia yang dilengkapi dengan kesedaran Islam yang kuat. Seperti mana yang berlaku ke atas negara-negara lain yang sudah dijajah, sebuah kerajaan boneka pasti dibentuk. Perancis menggunakan Parti Destour, yang mana pada asalnya ditubuhkan untuk

mendapatkan kemerdekaan. Kemudian Perancis melantik seorang lelaki yang boleh dipercayai bagi mengetuai kerajaan boneka itu: **Habib Bourgiba.**

Pada mulanya, Bourgiba, yang telah mendapat pendidikan di Perancis sejak kecil lagi, telah menurut peraturan-peraturan Islam untuk menarik penyokong-penyokong popular. Sewaktu zaman mudanya, beliau menentang pentadbiran kolonialis Perancis dan bercadang untuk mendapatkan populariti dengan cara tersebut. Beliau malah telah memasuki penjara selama beberapa kali, dan cuba untuk menonjolkan imej sebagai seorang hero popular dengan melarikan diri dari Tunisia ke Kaherah.

Sekembalinya ke Tunisia, beliau cuba untuk mempengaruhi rakyat supaya memberontak tanpa ada sebarang sebab, dengan itu menyediakan peluang kepada campur tangan Perancis yang berdarah. Apabila pendudukan Perancis berakhir pada 1956, beliau menjadi wakil Perancis di negara tersebut. Apabila Perancis meninggalkan negara tersebut, ia meninggalkan kumpulan-kumpulan pentadbiran yang sangat setia kepada Perancis. **Kumpulan-kumpulan ini adalah sebahagian daripada pentadbiran Bourgiba, dan mereka mempertahankan kepentingan Perancis dan malah sangat kejam kepada penduduk tempatan berbanding apa yang telah dilakukan oleh Perancis.**

Bourgiba yang memiliki kuasa mutlak dan tidak terbatas di negara tersebut pada 1959, kemudian mengisytiharkan dirinya sebagai “Presiden seumur hidup.” Beliau telah memerintah Tunisia dengan kuasanya sendiri selama 31 tahun, sehinggalah 7 November 1987 apabila beliau disingkirkan oleh Perdana Menteri Zein Al-Abidin. Sebab penyingkirannya adalah

kerana beliau dikatakan mempunyai mental yang tidak stabil. Sepanjang tempoh beliau berkuasa, **beliau telah menjadikan Tunisia bergantung kepada Perancis dari segi budaya, ekonomi dan politik. Malah kekayaan Tunisia turut dipindahkan ke Perancis.**

Salah satu ciri diktator anti-Islam ini ialah seperti mana kebanyakan tokoh-tokoh lain yang serupa, beliau adalah seorang ahli Freemason senior.[36] (Pent: Freemason adalah sebuah pertubuhan yang bencikan Islam. Untuk mengetahui lebih lanjut tentangnya, anda bolehlah membaca buku *Global Freemasonry*, yang juga merupakan hasil tulisan Harun Yahya). Bagi Bourgiba, menjadi ahli Freemason adalah lebih penting dari Islam atau menjadi orang Tunisia. Beliau tidak memberikan keutamaan kepada umat Islam Tunisia, sebaliknya memberikan keutamaan tersebut kepada *French Great Lodge.* Beliau telah membuktikannya melalui peperangan yang dilancarkan olehnya terhadap agama Islam di negara tersebut.

Tindakan pertama Bourgiba adalah menukar sistem pendidikan dan undang-undang yang serupa dengan Perancis. Ciri utama sistem tersebut ialah ia dibentuk berdasarkan kebencian terhadap Islam. Beliau telah menjadikan masjid berada di bawah perhatian yang sangat rapi dan melarang melakukan solat di luar waktu-waktu yang tertentu. Beliau telah menangkap dan mendera dengan kejam umat Islam yang menentang rejimnya kerana mereka mahukan sebuah masyarakat Islam. Beliau juga telah menutup institusi-institusi pendidikan, bermula dengan Universiti Zaytuna yang menjadi simbol Tunisia selama ini. Zaytuna adalah sebuah pusat yang penting, seperti juga Universiti Al-Azhar di Kaherah, yang menjadikan Islam terus hidup di Afrika Utara dan telah banyak melahirkan tokoh-tokoh

agama yang memberikan sebuah sinar kepada masyarakat. Tekanan dari Bourgiba semakin menjadi-jadi sewaktu bulan Ramadan yang mulia. Ketika itu, beliau telah muncul di kaca televisyen dengan segelas minuman di tangannya dan telah menghalang rakyat dari berpuasa, dengan alasan “ia melembapkan perkembangan negara dan kemajuan pekerjaan.” Malah, beliau mahukan jemaah haji pergi ke Kairawan, iaitu bandar suci Maghribi, dan tidak pergi ke Makkah, kerana perjalanan ke Makkah melibatkan kos yang lebih tinggi.

Pentadbiran Tunisia dengan bodoh mengikut sahaja polisi tersebut yang bertentangan dengan negara-negara Islam yang lain. Tunisia menggantungkan hubungannya dengan Sudan, menyokong Perancis yang menentang Algeria, dan melarang rakyat Tunisia dari melakukan solat untuk rakyat Palestin yang mati syahid, ataupun membincangkan tentang Intifada.

Malah hari ini juga, Tunisia dan Algeria masih melakukan penindasan yang lebih hebat dan lebih kejam terhadap umat Islam yang tinggal di negara-negara tersebut. Padahal ketika zaman kolonialis, penindasan yang dilakukan adalah tidak sekejam sekarang. Pengalaman umat Islam di kedua-dua negara tersebut mengingatkan kita terhadap metod kekejaman yang dilakukan oleh mereka yang menafikan kebenaran seperti mana yang telah diwahyukan di dalam al-Quran. Salah satunya adalah pemusnahan kawasan suci bagi menghalang manusia hidup dengan berlandaskan agama yang dianuti. Allah telah memberitahu kedudukan di dunia dan di akhirat bagi mereka yang cuba menghalang manusia dari mengingati Allah:

Dan siapakah yang lebih aniaya daripada orang-orang yang menghalang menyebut nama-nama Allah di dalam masjid-masjid-Nya, dan berusaha untuk merobohkannya? Mereka itu tidak sepatutnya masuk ke dalamnya (masjid Allah), kecuali dengan rasa takut (kepada Allah). Mereka di dunia mendapat kehinaan dan di akhirat mendapat seksa yang berat. (Al-Baqarah, 2:114)

Azab pedih yang dijanjikan dalam ayat di atas sedang menanti para pemerintah zalim yang cuba mengahapuskan Islam di tanah airnya sendiri. Umat Islam mesti sedar tentang hal ini, mempertimbangkan keadaan para penindas di akhirat nanti atas segala penganiyaan yang telah dilakukan, dan mengetahui umat Islamlah pada akhirnya yang akan menjadi pemenang.

Tiada Perubahan Selepas Bourgiba

Selepas Bourgiba hilang kredibilitinya di Tunisia, Perancis cuba untuk meningkatkan pengaruhnya ke atas negara tersebut dengan melantik Duta Tunisia ke Paris, Hadi Mebruk, sebagai Menteri Luar. Pada masa yang sama, Perdana Menteri Zein Al-Abidin Bin Ali menjanjikan kebebasan kepada umat Islam, yang mana mereka telah bertahun-tahun menderita disebabkan oleh penindasan politik sewaktu berada di bawah rejim Bourgiba, sebagai cara untuk memancing hati mereka. Rejim Bin Ali, yang berjaya menyingkirkan Bourgiba dari tampuk kekuasaannya melalui sebuah rampasan kuasa, telah membebaskan beberapa orang tahanan politik.

Mereka yang diusir telah dibenarkan pulang. Namun apa yang menyedihkan, rejim yang baru itu, yang mana menjadi harapan kepada umat Islam, terbukti tidak berbeza jika dibandingkan dengan pemerintahan Bourgiba. Bin Ali mula berjanji bahawa beliau akan memulakan proses perubahan di negara tersebut, tetapi setelah berjaya mengukuhkan kekuasaannya, beliau mula mengimplementasikan polisi-polisi menindas yang serupa seperti Bourgiba untuk menekan umat Islam.

Satu-satunya perkara yang berubah di Tunisia selepas era Bourgiba ialah bertambahnya bilangan polisi-polisi menindas yang telah lama dideritai oleh umat Islam. Bin Ali lebih dahsyat berbanding Bourgiba, dan tindakan terkininya menjadikan Bourgiba lebih pasif jika perbandingan di antara mereka dibuat. Pada hari ini, Tunisia masih memiliki struktur antidemokratik di seluruh kawasan tersebut. Ini semua adalah angkara Bin Ali.[37] Umat Islam yang mewakili spektrum masyarakat yang luas, sedang menunggu untuk memerintah negara tersebut dengan jalan demokrasi, tanpa membawa sebarang musibah kepada negara-negara Islam lain ataupun rakyat mereka sendiri.

ERITREA – ETHIOPIA

Umat Islam Mahukan Kedamaian dan Keselamatan

Peperangan dan kekacauan telah lama berterusan di benua Afrika selama bertahun-tahun. Keganasan yang berlaku amat sukar untuk dihapuskan. Selepas kuasa-kuasa kolonial seperti Britain, Perancis dan Belandas keluar pada tahun 1950-an dan 60-an, kebanyakan negara-negara Afrika jatuh ke dalam tangan diktator-diktator komunis atau pun fasis. Hampir kesemua rejim-rejim pasca-kolonial ini mengikut polisi pencerobahan sistematik ke atas umat Islam, dan mereka masih terus melakukannya. Salah satu daripada negara-negara tersebut yang mana peperangan dan kekacauannya tidak pernah reda gara-gara polisi tersebut adalah Eritrea, yang telah berada di bawah pemerintahan Turki Uthmaniyyah selama dua abad yang bermula pada pertengahan abad ke-16.

Eritrea: Lokasi Strategik Afrika

Eritrea terletak di utara Ethiopia, di sepanjang selat di mana benua Afrika menjadi semakin rapat dengan benua Asia. Ia telah menjadi sebuah lokasi penting selama beribu-ribu tahun, sama ada dari segi komersial atau ketenteraan. Seperti mana kebanyakan negara-negara lain yang terdapat di Afrika, negara ini juga muncul akibat proses pembahagian yang dilakukan oleh

kuasa kolonial Eropah, yang mana ia dilakukan tanpa memikirkan kehendak dan hasrat penduduk tempatan.

Sesiapa sahaja yang menguasai Eritrea akan mengawal pintu masuk selatan ke Laut Merah, dan dengan demikian segala trafik di antara Mediterranean dan Lautan Hindi. Di samping itu, Eritrea mewakili pelabuhan untuk Ethiopia.

Setelah menilai kepentingan strategik Eritrea, British telah menyewakannya kepada Amerika sebagai pengkalan komunikasi sewaktu Perang Dunia II, dan Amerika seterusnya telah menggunakannya selama 25 tahun yang berikutnya, dengan berdasarkan kepada perjanjian pertahanan di antara Amerika dan Ethiopia. Ia adalah di antara pengkalan paling utama di dunia dan telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan informasi kepada Washington sewaktu Perang Korea. Di samping kepentingan strategiknya, Eritrea menjadi semakin bernilai kepada kuasa-kuasa yang berminat terhadap kawasan tersebut disebabkan kekayaan simpanan emas dan mineralnya. Malah dijangka juga terdapat simpanan minyak dan gas di kawasan tersebut.

Sebelum Perang Dunia II, populasi di Eritrea adalah kira-kira 1 juta orang. Berdasarkan kepada sumber Barat, sekarang ia menjadi 2.5 juta orang, walaupun menurut pertubuhan penentang aktif di kawasan tersebut, 3.5 juta orang adalah angka yang lebih tepat. Majoriti populasi terdiri dari umat Islam.

Perjuangan Umat Islam Eritrea

Selepas berakhirnya pemerintahan Turki Uthmaniyyah, Eritrea telah dijajah oleh Itali, dan melalui keputusan PBB pada tahun 1952 ia telah menjadi sebuah

negeri persekutuan yang dihubungkan dengan Ethiopia. Walau bagaimanapun, rakyat enggan menerimanya. Akhirnya tercetuslah kebangkitan rakyat yang meluas. Pada 14 November 1962, Maharaja Haile Selassie telah mengumumkan bahawa beliau telah mengasimilasikan Eritrea, dengan menggunakan kekacauan dalaman di Ethiopia sebagai alasan. Semasa zaman Selassie, **bermulalah polisi penindasan dan penderaan ke atas umat Islam.** Ramai di antara mereka yang menentang pemerintahan rejim Ethiopia telah dibunuh.

Kesan daripada kempen kekejaman dan keganasan Ethiopia, beratus-ratus ribu rakyat Eritrea telah dipaksa keluar daripada tanah mereka di antara tahun 1967 dan awal 1970-an. Wanita, kanak-kanak dan orang tua, yang membentuk salah satu daripada kumpulan pelarian paling besar sepanjang sejarah, telah ditinggalkan begitu sahaja dan dibiarkan mati. **Kesannya, kira-kira 200,000 orang mati akibat kebuluran.** Ini berlaku gara-gara polisi pertanian yang salah.

Akhirnya, rejim Haile Selassie telah ditumbangkan melalui satu rampasan kuasa pada 1947. Pentadbiran kemudiannya diambil-alih oleh junta yang memiliki pandangan-pandangan Marxis. Tiada perubahan yang berlaku ke atas umat Islam. Sistem diktator bercorak Marxis ditubuhkan untuk menggantikan sistem fasis. Umat Islam terus menderita akibat penindasan, penderaan, penahanan dan kepayahan hidup.

Pemimpin selepas Haile Selassie, iaitu Haile Mariam yang memimpin rejim Mengistu Marxis, telah menjalankan polisi-polisi yang penuh dengan keganasan sewaktu zaman pemerintahannya. Beliau tidak mengehadkan jumlah mereka yang dibunuh kerana memiliki pandangan yang berbeza, sebaliknya **telah menghapuskan sebahagian populasi secara besar-**

besaran sewaktu kekuasaannya selama 17 tahun. Gerakan anti-Islam di negara tersebut telah disokong oleh Mengistu, yang telah menyebarkan ketakutan di seluruh negara. Sewaktu pemerintahan Mengistu, **10,000 buah masjid telah hancur dimusnahkan,** dan setengah juta umat Islam terpaksa mencari perlindungan di negara jiran Sudan. Sebilangan kecil telah mencari perlindungan di Somalia. Pada bulan Mei 1991, perubahan kuasa sekali lagi berlaku di Ethiopia, walaupun Mengistu telah meninggalkan sebuah kedahsyatan di waktu kebangkitannya:

- **60,000 kanak-kanak menjadi lumpuh dan 45,000 menjadi anak yatim.**
- **Kira-kira 750,000 orang menjadi pelarian, yang mana seramai 500,000 orang masih hidup dalam kelaparan di Sudan.**
- **Kira-kira 80 peratus daripada populasi hidup tanpa zat makanan yang cukup atau hampir kebuluran, mereka memerlukan bantuan makanan.**
- **Hanya 1 doktor bagi setiap 48,000 penduduk, dan jangka hayat purata rakyat adalah 46 tahun.**

Sokongan Israel Terhadap Rejim Anti-Islam

Salah satu sebab berlakunya konflik yang tidak berkesudahan, kacau-bilau dan peperangan di Eritrea, yang merupakan salah satu kawasan termiskin di dunia walaupun ia memiliki kepentingan sosioekonomi dan geostrategik, adalah kerana wujudnya beberapa buah negara yang mendominasi polisi-polisi di kawasan tersebut, yang dilakukan untuk kepentingan diri mereka sendiri, dengan mengabaikan kemahuan dan kehendak rakyat yang tinggal di kawasan tersebut. Israel adalah negara yang memainkan peranan utama.

Rejim-rejim Ethiopia dan Eritrea terdahulu memiliki satu perkara yang serupa seperti Israel: sifat anti-Islamik. Seperti yang telah kita lihat di awal buku ini, **Israel melihat Islam sebagai ancaman paling bahaya terhadap dominasinya di Timur Tengah, maka Israel mengenakan kekejaman, kezaliman dan penindasan.** Inilah sebabnya mengapa Israel sering hadir di kawasan-kawasan yang mana umat Islam sedang ditindas dan mengalami kepupusan, dari Bosnia hingga ke Filipina, dari Turkestan Timur ke Eritrea. Di dalam buku yang ditulis oleh Profesor Benjamin Beit-Hallahmi dari Universiti Haifa Israel, iaitu *The Israeli Connection: Who Arms Israel and Why?,* beliau telah menyifatkan segala aktiviti yang dilakukan oleh negaranya di seluruh dunia sebagai **"Perang Dunia Israel."** Seperti yang diutarakan oleh seorang kolumnis terkenal akhbar Israel, Nahum Barnea, **"Israel akan menjadi pelopor Barat dalam peperangan untuk menentang Islam."**[38]

Israel masih memiliki dua pengkalan yang sangat strategik di Eritrea. Satu terdapat di Pulau Dahlak, dan

satu lagi terletak di kawasan pergunungan Mahel Agar berhampiran sempadan Sudan. Hubungan rapat Israel dengan Ethiopia bermula pada tahun 1950-an. Perikatan Israel-Ethiopia bermula pada tahun 1952 bermula dengan hubungan perdagangan, dan seterusnya membawa kepada dialog kelas atasan apabila wakil Israel bermesyuarat dengan Maharaja Haile Selassie dan pegawai-pegawai atasannya pada tahun 1956. Israel mula memberikan bantuan militari, kepintaran dan latihan kepada rejim Selassie dan pasukan askarnya. Ia bertujuan untuk meredakan pergerakan-pergerakan radikal dan umat Islam yang bangkit dan menyerang orang-orang Kristian Ethiopia. Profesor Hallahmi telah menggambarkan asas-asas ideologi perikatan Ethiopia-Israel seperti berikut:

Asas ideologi perikatan ini adalah persepsi Israel "sebagai manusia berani yang dikelilingi oleh kuasa-kuasa Islam yang memusuhi mereka kerana cuba merampas tanah air bersejarah milik Israel, sebuah situasi serupa terhadap orang-orang Kristian Ethiopia yang menganggap ia adalah satu analogi kepada sejarah mereka yang mana mereka kini berada di tengah-tengah ancaman umat Islam."[39]

Berdasarkan kepada buku tulisan Hallahmi, sebuah kumpulan penentang-pemberontakan yang dianggotai seramai 3,100 orang, dikenali sebagai **"Polis Kecemasan," telah ditubuhkan oleh Selassie untuk mematahkan arus kebangkitan di Eritrea. Kumpulan ini mendapat latihan khas daripada pakar-pakar Israel.** Berikutan dengan lawatan militari ke Ethiopia yang dipimpin oleh Jeneral Bar-Lev pada tahun 1971, Halep dan Fatima yang memiliki kepentingan strategik di pulau Ethiopia, telah dibuka

untuk kegunaan Tentera Laut Israel.

Umat Islam Eritrea sedar akan kewujudan perikatan yang sedang mereka hadapi itu. Abu Halid, pemimpin pergerakan umat Islam Eritrea, telah membincangkan tentangnya dalam sebuah temuramah pada tahun 1970 yang dilindungi oleh wartawan Turki:

Ethiopia dan Israel telah menyatukan matlamat mereka. **Para pegawai Israel telah melatih askar-askar Ethiopia yang mengelar leher-leher umat Islam...** Perang pada 5 Jun 1967 tercetus akibat alasan penutupan Teluk Aqaba oleh Mesir. Israel mahu melihat Pelabuhan Eilat dan teluk tersebut terus dibuka, kerana ia menjadi pintu perdagangan di antara Israel dan dunia Timur. Jika kita di Eritrea berjaya mendapatkan kemerdekaan, kita dapat menutup jalan air Israel yang menjalinkan kerjasama dengan Yaman Selatan di bahagian selatan Laut Merah. Inilah sebabnya mengapa Israel membantu Ethiopia. Enam juta Yahudi di Amerika Syarikat menyokong tesis tersebut. Terdapat 400 orang pegawai Israel di dalam pasukan askar Ethiopia. Tiga musuh utama kita ialah Ethiopia, Israel dan juga Amerika Syarikat.[40]

Para pegawai Israel yang melatih komando-komando Ethiopia dan kumpulan-kumpulan antipengganas turut memainkan peranan penting dalam menjaga kekuasaan Haile Selassie. Menurut Jeneral Matityahu Peled, yang merupakan bekas pegawai kanan di dalam pasukan askar Israel, Selassie telah diselamatkan sebanyak tiga kali dalam cubaan rampasan kuasa. Itu semua adalah bantuan dari ejen-ejen Israel terutamanya yang mempunyai pengaruh kuat dalam pasukan polis rahsia Addis Ababa.

Ejen-ejen Israel hanya melakukan sedikit campur tangan dalam menentang rampasan kuasa Marxis untuk

menyingkirkan Selassie pada tahun 1974. Ini adalah kerana rejim baru itu akan selari sepenuhnya mengikut taraf dan kehendak Israel, dan akan terus menjadi anti-Islam dan seterusnya melancarkan peperangan ke atas umat Islam Eritrea. Seperti yang dijelaskan oleh Profesor Hallahmi, "Ikatan yang berterusan dengan Israel dijelaskan melalui pendiriaan serupa kedua-dua buah negara tersebut dalam menentang kumpulan-kumpulan Islam di kawasan tersebut."[41]

Usaha-usaha oleh kumpulan pakar Israel di Ethiopia diteruskan dengan lebih cepat di bawah rejim Mengistu Marxis. Mereka terus melatih kumpulan-kumpulan anti-pemberontakan Ethiopia dan menyediakan bekalan senjata kepada puak rejim terbabit. Perikatan ini, yang diasaskan kerana permusuhan terhadap Islam, semakin mendapat kekuatan pada tahun 1990 apabila Israel menghantar bom-bom fragmentasi kepada rejim itu untuk digunakan ketika menentang "militan pemisah."

Kemerdekaan Eritrea Gagal Menamatkan Penindasan

Kejatuhan blok Timur menunjukkan bahawa rejim komunis Mengistu di Ethiopia turut mengalami nasib yang sama. Pada tahun 1991, penentangan yang dipimpin oleh tokoh-tokoh seperti Isaias Afeworki dan Meles Zenawi telah berjaya menyingkirkan kerajaan komunis. Zenawi yang telah mendapat kuasa masih gagal untuk berdiri menentang kemahuan rakyat Eritrea yang dahagakan kemerdekaan. Kemudian, satu referendum bertarikh 25 April 1993, menjadikan Eritrea bebas dari Ethiopia dan berjaya mendapatkan kemerdekaan.

Afeworki muncul sebagai pemimpin Eritrea baru setelah kemerdekaannya, walaupun masalah-masalah baru berkaitan polisi luar dan dalaman muncul pada waktu yang sama. Afeworki mula bertindak seperti rejim ganas Mengistu apabila beliau memulakan gelombang keganasan untuk menentang mereka yang beriman. Tekanan dari Afeworki, yang mengidam jawatan sebagai ketua negara dan speaker parlimen, membuatkan para penentangnya mengangkat senjata. Konflik berdarah tercetus di antara pasukan askar Eritrea dan kuasa-kuasa penentang, terutama sekali di kawasan pergunungan.

Kedahsyatan penindasan, terutamanya ke atas umat Islam, memasuki dimensi yang lebih mengerikan sewaktu zaman Afeworki. Penahanan dan pembunuhan tanpa sebab semakin berleluasa. Sekolah-sekolah Islam ditutup dan masjid-masjid dimusnahkan. Bahasa Arab dihentikan dari menjadi bahasa rasmi, dan beratus-ratus ribu rakyat melarikan diri dan mendapatkan

perlindungan di Sudan. Sesiapa yang mengkritik rejim Afeworki akan merasakan akibatnya.

Polisi-polisi menindas Afeworki bukan sahaja dikenakan ke atas rakyatnya, malah beliau turut memusuhi negara-negara jirannya. Beliau membawa Eritrea ke dalam kanncah peperangan dengan jirannya Yaman dan Djibouti, dan juga turut memusuhi Sudan, iaitu satu lagi negara jirannya. Beliau malah menunjukkan sikap yang sama ke atas Ethiopia, yang berkongsi banyak polisi-polisi strategi dan politik yang sama. Akhirnya beliau menawan Ethiopia. Sehinggalah berlakunya genjatan senjata pada 18 Jun 2000, pencerobohan ke atas Ethiopia telah menyaksikan beratus-ratus ribu rakyat kehilangan tempat tinggal, berpuluh-puluh ribu mati, dan beribu-ribu rakyat hidup dalam kebuluran disebabkan oleh embargo (sekatan) ekonomi.

Keadaan Mutakhir di Eritrea

Konflik sempadan di antara Eritrea dan Ethiopia yang bermula pada 1999 berakhir dengan genjatan senjata setahun kemudian dengan campur tangan Pertubuhan Kesatuan Afrika. Walau bagaimanapun, walaupun sudah jelas bahawa kedua-dua pihak berada dalam kesukaran ekonomi yang tenat dan rakyatnya pula sudah hampir kebuluran, agak memeranjatkan apabila mereka masih membelanjakan berjuta-juta dolar untuk membeli kelengkapan senjata. Elemen-elemen infrastruktur penting seperti pelabuhan, stesen janakuasa elektrik dan lapangan terbang telah teruk dimusnahkan, berjuta-juta rakyat terpaksa berpindah, kerugian berjuta-juta dolar berlaku dalam pergaduhan-

pergaduhan yang tercetus. Berjuta-juta dolar, yang sangat-sangat diperlukan untuk membantu mereka yang memerlukan di kawasan tersebut, telah dikorbankan untuk membeli senjata. Dengan cara ini, kedua-dua pihak, yang merupakan sekutu Israel, telah menjadi pasaran menguntungkan kepada pengeluar senjata Amerika dan Israel. Malah mereka berjaya mengalihkan pandangan penduduk dunia tentang penindasan ke atas umat Islam kepada kisah peperangan.

Kezaliman berterusan sehingga ke hari ini. Umat Islam di Eritrea masih terus ditahan tanpa sebarang sebab, dihukum mati oleh mahkamah yang tidak adil, dibunuh oleh skuad-skuad pembunuh, dan segala macam bentuk penentangan diharamkan. Umat Islam dengan itu tidak dapat hidup berlandaskan kepada agama mereka, kebebasan untuk beribadah disekat, mereka yang tertindas meningkat hari demi hari, dan polisi-polisi penindasan, ketakutan dan pencerobohan tidak pernah reda. Sekolah-sekolah yang mungkin mengajar kanak-kanak Islam tentang agama mereka ditutup, dan masjid tempat bersolat diruntuhkan. Berpuluh-puluh ribu umat Islam terpaksa berpindah, dan berjuta-juta pelarian yang lari dari penganiyaan rejim tersebut sedang berusaha untuk terus hidup dalam keadaan lapar dan kebuluran.

Tindakan-tindakan zalim ini mengingatkan kita tentang ketidakadilan dan yang dikenakan ke atas umat Islam sepanjang sejarah. Al-Quran telah mendedahkan sifat-sifat pemerintah zalim adalah sama sahaja sepanjang zaman. Mereka ini, yang memiliki sifat-sifat keji, dan penganiayaan yang dikenakan ke atas wanita, kanak-kanak dan orang tua tidak pernah berubah sama sekali. Seperti yang telah diterangkan oleh al-Quran, **“Dan berapa banyakkah umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka, yang mana**

mereka itu memiliki kekuatan yang lebih besar dari mereka ini…?" (Qaaf, 50: 36), dengan jelas memberitahu kita bahawa mereka yang hidup di zaman dahulu adalah lebih kejam sewaktu melakukan kekejaman tersebut jika dibandingkan dengan mereka yang hidup pada hari ini. Salah seorang pemerintah zalim yang dikisahkan di dalam al-Quran ialah Firaun:

Sesungguhnya Firaun telah membuat berbuat sewenang-wenangnya di muka bumi dan menjadikan penduduknya berpecah-belah, dengan menindas segolongan dari mereka, menyembelih anak lelaki dan membiarkan anak perempuan mereka hidup. Sesungguhnya Firaun termasuk dari kalangan orang-orang yang melakukan kerosakan. (Al-Qashash, 28: 4)

Seperti yang diterangkan oleh ayat tersebut, Firaun menindas dan mengenakan seksaan ke atas rakyatnya. Namun, harus diingat bahawa al-Quran menerangkan sesiapa yang terus menerus angkuh, melakukan kezaliman, akan mendapat kehinaan di dunia ini dan azab yang pedih akan menanti di hari akhirat kelak. Dengan cara yang sama, apa yang bakal diterimanya nanti di atas kezaliman yang dilakukannya dahulu adalah seksaan pedih di hadapan mahkamah Allah. Allah telah memberitahu tentang nasib mereka yang menafikan-Nya:

Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dan yang melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka itu mendapat azab yang pedih. (Asy Syuura, 42: 42)

CHAD

Negara Islam Yang Cuba Dihancurkan Oleh Pentadbiran Kolonialis Perancis

Di dalam bab awal buku ini, kita telah menekankan bagaimana “rompakan” yang dilakukan oleh kuasa-kuasa kolonialis telah mengeringkan sumber-sumber asli di kesemua kawasan di Afrika dan seterusnya membawa mereka ke dalam lubuk kemiskinan yang amat dahsyat. Bangsa Barat yang melihat orang-orang Afrika sebagai “bangsa primitif yang masih belum tamat proses evolusi” dan menganggap mereka yang tinggal di sana boleh dieksploitasikan, sebenarnya melakukan penindasan terhadap umat Islam. Penindasan tersebut dilakukan secara terbuka di antara abad ke-15 dan ke-19, selepas itu dilakukan secara tersembunyi pada abad ke-20.

Kuasa-kuasa kolonialis seperti Britain dan Perancis meninggalkan kawasan tersebut selepas mereka tidak lagi boleh berkuasa di Afrika. Namun demikian, mereka meninggalkan rejim-rejim boneka yang mempunyai hubungan erat dengan kuasa-kuasa kolonialis tersebut. Polisi ini membolehkan sebuah sistem kolonialis beroperasi di bawah kepura-puraan yang baru. Kerajaan-kerajaan yang mempunyai rangkaian erat dengan bekas kuasa-kuasa kolonialis masih memerintah beberapa buah negara di Afrika sehingga ke hari ini, dan mereka telah melakukan kekejaman yang melampau. Pentadbiran-pentadbiran boneka ini secara lazimnya adalah

beragama Kristian atau pun golongan-golongan minoriti di negara-negara Islam. Dengan sokongan Barat yang diberikan kepada kerajaan-kerajaan minoriti ini, mereka berupaya melakukan penindasan yang berterusan terhadap umat Islam. Kesannya, peperangan saudara yang besar telah meletus di antara umat Islam majoriti dengan pentadbiran-pentadbiran minoriti, dan mereka akhirnya terjebak ke dalam kawah peperangan. Konflik-konflik ini masih berterusan di kebanyakan negara sehingga hari ini.

Cara lain yang digunakan oleh kuasa-kuasa kolonialis adalah dengan memperkenalkan pemimpin-pemimpin berpengaruh yang berjaya mendapat simpati masyarakat. Barat memakaikan mereka topeng keagamaan, namun sebenarnya mereka adalah seorang yang antiagama. Tidak kira bagaimana kerajaan-kerajaan ini mengaku Islamik, namun mereka sebenarnya menindas umat Islam dan menghalang mereka dari menunaikan kewajipan agama. Contoh paling jelas yang dapat dilihat adalah seperti di Algeria dan Tunisia.

Sejarah Chad juga hampir serupa seperti Algeria dan Tunisia. Chad berjaya mendapatkan kemerdekaan selepas bertahun-tahun lamanya dijajah, selepas perang saudara yang panjang dan kekacauan yang tidak pernah reda.

Sejarah Kolonialisme di Chad

Chad menjadi sebuah negara Islam apabila Raja Kanem memeluk Islam pada tahun 1086, dan pada abad ke-16 ia merupakan salah satu dari negara terkaya dan terkuat di wilayah tersebut. Namun demikian, kerajaan tersebut telah dilemahkan oleh satu pembahagian

dalaman pada abad ke-19, ditakluki oleh Perancis pada tahun 1900, dan kemudian diikat dengan koloni-koloni milik Perancis yang lain.

Sejak dari itu, kolonialis Perancis telah melancarkan peperangan menentang umat Islam dan agama Islam itu sendiri. Peperangan tersebut telah menyaksikan amalan-amalan yang sangat tidak berperikemanusiaan, kezaliman, penindasan dan kekejaman. Matlamat utama adalah untuk memusnahkan identiti umat Islam Chad dan kemudian menggantikannya dengan fahaman-fahaman yang lebih bercorak materialistik dan tidak beragama.

Bagi mencapai hasrat ini, semua masjid-masjid, pengajaran al-Quran, pusat-pusat pendidikan keagamaan dan perpustakaan-perpustakaan sama ada telah ditutup atau diruntuhkan. Perancis menghalang umat Islam dari memahami agama mereka sendiri dengan mengharamkan pendidikan Islam. Mereka telah menutup kesemua pusat-pusat dan institusi-institusi keagamaan. Kebanyakan guru, imam dan pelajar dituduh terlibat dengan jenayah. Ada yang telah dibunuh sewaktu penindasan, dan ada juga terpaksa melarikan diri ke kawasan padang pasir dan pergunungan. Tokoh-tokoh agama yang ditahan sama ada dicekik atau diseksa sehingga mati. Hanya anak-anak askar Perancis yang dibenarkan belajar di sekolah-sekolah yang dibuka. Di samping itu, pusat-pusat rekreasi dan kesihatan turut dibina untuk mereka. Tiada sesiapa pun yang memberikan perhatian walau sedikit kepada masalah kesihatan penduduk tempatan.

Golongan intelektual Islam di Chad dan mereka yang berhasrat untuk lari daripada penganiyaan yang berlaku terpaksa bergerak dari satu negara ke satu negara. Beberapa orang tokoh agama telah diarak dalam

keadaan bogel di sekitar bandar, kehormatan wanita dicabuli, dan mereka kemudiannya dijatuhkan hukuman mati. Segala macam bentuk ibadat dan perjumpaan keagamaan dianggap sebagai jenayah di negara tersebut. Pada tahun 1917, pentadbiran Perancis di Chad telah melakukan satu penbunuhan beramai-ramai yang amat besar. Dengan mengumumkan bahawa satu konferens akan diadakan untuk membina kembali kehidupan keagamaan di Chad, Perancis telah menjemput para ulama yang masih berada di Chad. Hal ini merupakan satu kejadian yang sungguh tidak diduga. Walau bagaimanapun, para Pesuruhjaya Perancis telah dibawa masuk dan beratus-ratus orang pembunuh yang dilengkapi dengan pisau dan kerambit telah disediakan. Kawasan persekitaran telah pun dibersihkan daripada penduduk awamnya, dan unit-unit militari telah bersedia dan berada dalam kedudukan masing-masing. Ketika setiap orang mula menyedari terdapat plot yang dirancang oleh Perancis, ia sudah pun terlambat. Pada akhirnya, di sana sini terdapat jasad-jasad kaku. Berek-berek dibasahi dengan darah manusia. Setelah selesai kesemuanya, mereka yang melakukan pembunuhan itu melambai-lambaikan pisau mereka dan menjerit kegirangan.

Konflik di antara penduduk tempatan dan askar-askar Perancis berlaku selama bertahun-tahun. Pada 1960, Chad akhirnya berjaya mendapatkan kemerdekaan. Namun, seperti kebanyakan negara-negara Afrika yang lain, kemerdekaan tidak semestinya membawa kedamaian dan keselamatan kepada rakyat. Ini kerana orang-orang Kristian dari Parti Progresif, yang memiliki rangkaian erat dengan bekas kolonialis Perancis, telah menjadi tunjang pemerintahan negara yang memiliki umat Islam sebagi majoriti.

Mereka menurut jejak langkah Perancis dalam melakukan kezaliman dan penindasan. Berlaku tentangan hebat dari umat Islam terhadap François Tombalbaye yang memegang jawatan Presiden dan Pedana Menteri. Dan apabila para intelektual Chad yang menyuarakan protes dibunuh, berlakulah kebangkitan di seluruh negara. Berikutan itu, tercetuslah serangan balas hebat yang ditujukan kepada umat Islam Chad. Seorang penulis Iraq, Imaduddin Khalil telah menggambarkan kejadian tersebut di dalam bukunya *Afrika Dramy* (Drama di Afrika):

Pada 22 Mac 1963, kabinet Chad telah disusun semula, dengan menyaksikan kesemua umat Islam disingkirkan dari kedudukan mereka, dan umat bukan Islam telah dibawa masuk bagi menggantikan mereka. Menteri Luar sebelumnya disingkirkan, dan pada hari yang sama, presiden telah memberikan arahan menangkap ketua keadilan, menteri keadilan, pemimpin Persatuan Tanah air dan banyak lagi tokoh-tokoh terkenal. Mereka telah dibawa ke mahkamah 35 hari kemudian. Mahkamah memutuskan bahawa ketua keadilan mesti disingkirkan daripada jawatannya dan diusir keluar dengan alasan dia bukannya rakyat negara tersebut. Hartanya turut dirampas. Para tahanan yang lain ditahan di dalam penjara. Presiden kemudiannya menggunakan kekerasan dan tekanan dalam menentang pergerakan-pergerakan Islam. Ini membawa kepada tercetusnya pemberontakan yang menyaksikan seramai kira-kira seribu orang terbunuh dan ribuan yang lain cedera. Mahkamah yang kononnya didakwa sebagai mahkamah khas telah ditubuhkan, dan para pemimpin pergerakan Islam dan bekas-

bekas menteri telah dibicarakan di dalamnya. Hukuman yang bermula dari penjara 15 tahun sehinggalah kepada seumur hidup telah diputuskan. Keadaan kekacauan dan tidak bertoleransi di Chad terus berlaku sehingga kini.[42]

Peranan Anti-Islam Israel Dalam Perang Saudara Chad

Ketidakstabilan politik di negara tersebut semakin bertambah apabila François Tombalbaye, ketua negara, menjadi mangsa dalam rampasan kuasa ketenteraan pada 1975, dan perang saudara yang bermula pada 1980 memasuki dimensi baru yang lebih serius. Terdapat dua bahagian dalam konflik yang berlaku: umat Islam di bahagian utara Chad, dan orang-orang Kristian dan puak-puak lain dengan agama mereka masing-masing di kawasan Bantu yang terletak di bahagian selatan. Namun demikian, seperti mana dalam negara-negara Dunia Ketiga, ini sebenarnya bukanlah peperangan “saudara” sama sekali. Kuasa-kuasa asing dengan aktif memberikan sokongan kepada para pejuang. Israel yang sudah semestinya menentang Islam, mendahului senarai kuasa-kuasa asing tersebut dengan mempertahankan Bantu di kawasan selatan.

Pemimpin umat Islam di bahagian utara ialah Goukouni Ouedde. Perkara menarik ialah pemimpin perikatan Kristian-Animise adalah seorang yang kononnya Islam, atau pun seorang lelaki yang mempunyai asal-usul Islam: Hissène Habré.

Israel bersama-sama dengan CIA, menyokong Habré dan memberikan kepada mereka senjata-senjata yang dibuat di Soviet. Pada tahun 1983, muncul

beberapa sumber mengatakan bahawa Israel memiliki penasihat ketenteraan di Chad, dan mereka telah pergi ke sana pada bulan Ogos tahun tersebut bersama-sama dengan 2,500 orang kelompok tentera Zairois untuk memberikan sokongan kepada Habré. Ariel Sharon, *"Butcher of Lebanon"* dan salah seorang perancang utama penindasan di Palestin, juga telah memainkan peranan penting dalam peperangan di Chad. Beliau telah mengadakan lawatan ke Chad pada bulan Januari 1983 sebelum meninggalkan jawatannya sebagai Menteri Pertahanan. Berdasarkan kepada Hallahmi, lawatan Sharon ini adalah satu petanda bahawa Israel sudah bersedia untuk memainkan peranan penting di Chad.

Seperti yang telah kita lihat, Israel sekali lagi berusaha untuk menghalang kemunculan sebuah negara Islam, dan melakukan sedaya-upaya dari segi ketenteraan dan sokongan politik bagi menghalang umat Islam menjadi lebih kuat.

Masih tiada keamanan dan keselamatan di Chad selepas perang saudara. Campur tangan asing oleh Perancis dan juga Israel telah meningkatkan lagi kezaliman yang berlaku setiap hari, dan Chad terbentuk melalui rampasan kuasa ketenteraan. Kerajaan memerintah telah mengakibatkan ribuan nyawa terkorban dan berpuluh-puluh ribu orang menjadi pelarian dalam pembunuhan yang dilakukan bagi menghapuskan golongan-golongan penentang.

Situasi di Chad pada hari ini adalah salah satu contoh paling jelas tentang apa yang musuh-musuh Islam boleh lakukan ke atas negara tersebut. Segala kekayaannya telah dimusnahkan, kestabilan hanyalah satu impian, masyarakat yang pernah hidup dalam keadaan aman damai selama bertahun-tahun kini berpecah-belah akibat permusuhan, dan Chad kini

menjadi papa kedana.

Namun demikian, apa yang harus kita ingat ialah tiada sebab untuk kita berputus asa. Terdapat penyelesaian mudah bagi situasi negatif yang sedang berlaku. Ia merangkumi pengamalan ajaran moral Islam yang sebenar-benarnya. Apabila ini berlaku, segala masalah tersebut yang terbukti tidak dapat diselesaikan selama berkurun-kurun akan dapat diselesaikan satu demi satu. Kemudian, keamanan dan keselamatan akan menggantikan peperangan dan konflik. Dalam persekitaran yang dikuasai oleh ajaran moral Islam, ketidakadilan dan berat sebelah tidak dapat wujud di mana-mana.

Segala kekejaman yang berlaku di Chad sekali lagi mendedahkan bahawa dunia Islam sedang ditindas. Peperangan ideologi adalah sesuatu yang segera dan penting bagi menjernihkan semula keadaan. Umat Islam di Afrika ditindas semata-mata kerana mereka beragama Islam, dan ia adalah sesuatu yang membimbangkan setiap umat Islam di serata dunia.

Kita harus sedar bahawa para pemimpin korup yang telah menindas umat Islam selama bertahun-tahun, berserta dengan para penyokongnya, sebenarnya tidak memperolehi apa-apa. Walaupun mereka mati dengan memiliki kekuasaan dunia yang paling hebat, mereka pasti jua akan menerima azab yang sangat pedih di hari akhirat nanti. Keadilan Allah akan berlaku ke atas mereka, dan setiap individu akan dipanggil untuk diperhitungkan segala amal mereka. Inilah janji Allah kepada orang-orang yang beriman, dan pada masa yang sama ia adalah sebuah janji yang sangat menggembirakan. Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

Sesungguhnya orang-orang yang mendatangkan cubaan (menyeksa, mendatangkan bencana, membunuh dan sebagainya) kepada orang-orang mukmin lelaki dan perempuan, kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka azab Jahannam dan bagi mereka azab (neraka) yang membakar. (Al-Buruuj, 85:10)

Dan kalau setiap diri yang zalim itu memiliki segala apa yang ada di bumi ini, pasti dia akan menebus dirinya dengan itu, dan mereka menyembunyikan penyesalannya ketika mereka telah menyaksikan azab itu. Dia telah diberi keputusan di antara mereka dengan adil, sedang mereka tidak dianiaya. (Yunus, 10:54)

SOMALIA

Negara Miskin di Tengah-Tengah Perang Saudara

Apabila nama Somalia disebut, kebanyakan manusia memikirkan
tentang musibah-musibah dahsyat yang dipetik dari laporan-laporan akhbar dan juga televisyen: kebuluran yang dideritai oleh jutaan rakyatnya, penyakit epidemik seperti kolera, kemarau, konflik saudara, peperangan suku kaum, ketidakstabilan politik – kesemuanya ini adalah penyakit-penyakit yang menjadi sebahagian daripada kehidupan orang-orang Somalia. Bantuan dari badan-badan kemanusiaan masih tidak dapat menyelesaikan situasi getir yang sedang menimpa penduduk di situ, dan ia hanya dapat melegakan masalah dalam jangka masa pendek. Campur tangan politik yang beralasan untuk membina semula kedamaian dan keselamatan, sebenarnya hanya meningkatkan lagi kekacauan dan konflik yang sedia ada.

Faktor asas yang membawa kepada kekacauan di Somalia bermula sejak detik pertama era kolonialisme. Somalia mula bertemu dengan dunia Islam apabila umat Islam bermigrasi ke Abyssinia bertujuan untuk lari dari para penyembah berhala di Mekah. Ia telah dijajah oleh British pada abad ke-19. Selepas tempoh tersebut, Somalia menjadi sebuah medan peperangan yang tidak pernah tamat, kebuluran dan juga penyakit. Pada tahun 1884, pihak British menakluk utara Somalia, dan Itali pula menakluk bahagian selatan pada 1887, dan seperti

mana yang telah berlaku di kebanyakan negara Islam lain, ia membawa kepada zaman yang penuh dengan kezaliman dan penindasan.

Setelah melalui zaman kolonialisme yang panjang, Somalia akhirnya merdeka pada tahun 1960, dan Aden Abdullah dilantik menjadi presiden. Walau bagaimanapun, penubuhan sebuah sistem pentadbiran yang adil dan stabil tidak dibenarkan. Jeneral Mohammed Siad Barre mengambil alih negara tersebut dalam satu siri rampasan kuasa ketenteraan pada tahun 1969, dan semua parti politik dihapuskan. Barre melihat Islam sebagai halangan utama kepada sistem sosialis yang mahu dilaksanakannya. Oleh yang demikian, **Barre telah mengharamkan segala buku-buku, majalah-majalah dan akhbar-akhbar yang Islamik. Ramai golongan-golongan intelek dan ulama Islam yang menentang polisi tersebut telah dihukum di bawah arahan Barre.**

Barre lari meninggalkan Somalia apabila pergaduhan tercetus pada 1991, dan **terjadilah perang saudara yang besar. Kira-kira sejuta orang yang kebanyakannya umat Islam Somalia terpaksa berpindah ke beberapa buah negara-negara Afrika yang lain.**

Di bawah resolusi Perhimpunan Umum PBB 1992, 30,000 orang dari pasukan askar PBB di bawah arahan Amerika Syarikat telah diletakkan di situ. PBB memasuki negara tersebut disebabkan protes yang meningkat dari masyarakat tempatan, dan telah meninggalkan negara tersebut pada 1994. Mereka menyebabkan lebih 7,000 orang mati, dan juga menjadikan kekacauan yang lebih teruk di Somalia.

Pada hari ini, peperangan saudara yang berlaku di antara pelbagai suku kaum diteruskan dengan pelbagai

cara, dan bilangan mereka yang mati setiap hari semakin bertambah. Masalah kritikal yang sedang dihadapi negara ini ialah kira-kira 8 juta penduduk berada dalam kelaparan dan kemiskinan. Berdasarkan laporan Pertubuhan Pertanian dan Makanan PBB (FAO) tahun 2000, 75 peratus rakyat Somalia mengalami kekurangan zat, dan banjir berterusan mempengaruhi negara tersebut dengan membawanya ke arah kebuluran yang sangat dahsyat.

Harus diingat bahawa berbeza dengan pandangan umum masyarakat dunia, masalah kelaparan sebenarnya boleh diatasi. Pembahagian secara adil sumber-sumber kekayaan bumi, sumber-sumber teknologi negara-negara kaya yang digunakan di serata dunia, dan menghalang penggunaan lebihan hasil keluaran dan sebaliknya menggunakannya untuk tujuan membantu, adalah beberapa langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menolong mereka di Somalia. Walau bagaimanapun, apa yang terselindung di sebalik kegagalan dalam usaha menyelesaikan masalah seperti kebuluran dan wabak penyakit pada hari ini ialah kebejatan masalah moral seperti pentingkan diri sendiri, tamak dan tidak peduli.

Budaya tidak beragama yang sedang mendominasi dunia hari ini memandu manusia ke arah sikap pentingkan diri sendiri. Akibatnya mereka enggan berkorban dan berusaha untuk menolong insan yang memerlukan. Budaya ini secara umumnya mencipta dua buah masyarakat yang berbeza: terlampau kaya dan terlampau miskin. Al-Quran telah menerangkan kisah mereka yang enggan memberikan makan kepada orang-orang yang lapar dan memerlukan seperti berikut:

Tahukah kamu orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim,

dan tidak menganjurkan memberi makan kepada orang miskin. (Al-Maa'uun, 107:1-3)

Atas sebab itulah, usaha menyelamatkan dunia ini tidak terletak pada bahu orang-orang yang mendustakan agama, tetapi terletak pada bahu kerajaan yang sangat patuh kepada agama dan memerintah dengan adil. Jika Islam boleh menjadi lebih kuat dan seterusnya menguasai dunia ini, ia akan menjadi penyelamat bukan sahaja kepada umat Islam yang ditindas, tetapi juga kepada seluruh manusia yang ditindas di serata dunia.

DJIBOUTI

Penindasan di Sebuah Negara Terkecil di Afrika

Djibouti adalah sebuah negara kecil yang berdekatan dengan beberapa buah
negara yang kurang dikenali ramai iaitu Somalia, Ethiopia dan Eritrea. Peperangan dan pembunuhan beramai-ramai sudah berlaku di sana selama beratus-ratus tahun, dan masyarakat Islam sudah berada di dalam kancah konflik sejak zaman kolonialis sehinggalah ke hari ini.

Islam datang ke Djibouti pada kurun ke-7 dan ke-8. Sehingga permulaan abad ke-16, umat Islam menjadi kuasa tunggal di kawasan tersebut, yang kemudiannya berada di bawah pengaruh Portugal, sebuah kuasa perdagangan dan politik utama pada waktu itu. Apabila Mesir berada di bawah kekuasaan Turki Uthmaniyyah, *Horn of Africa* yang mana di situlah terletaknya Djibouti, turut menjadi sebahagian daripada empayar Turki Uthmaniyyah.

Sejarah berdarah Djibouti sebenarnya bermula apabila Terusan Suez dibuka kepada laluan maritim antarabangsa dan negara-negara Eropah mula bersaing untuk mengjajah negara-negara di benua Asia dan Afrika. Mereka mahu mendominasi negara-negara tersebut dari aspek ekonomi, politik, ketenteraan dan keagamaan. Sebagai salah sebuah negara yang berkuasa pada abad ke-19, Britain dan Perancis telah bersaing hebat dalam kerja-kerja penjajahan dan perluasan kuasa. Britain memasuki Aden pada 1839 dan Somalia pada

tahun 1869, dan dengan itu berupaya mengawal aktiviti perdagangan di Laut Merah. Djibouti menjadi sebuah negara penting disebabkan oleh kedudukannya yang strategik. Ia berkait rapat dengan Terusan Suez. Bagi menyeimbangi kejayaan Britain, pihak Perancis telah membina dermaga di pantai Djibouti. Pada tahun 1884, Perancis berjaya mendominasi keseluruhan kawasan melalui perjanjian dan ikatan yang dimetrai.

Tahun-tahun yang berikutnya menjadi titik hitam kepada rakyat Djibouti. Masyarakat Islam Djibouti mempunyai pandangan yang berbeza-beza tentang nasib masa depan negara mereka. Keturunan Isha Somali berpendapat bahawa mereka patut bersatu dengan Republik Somalia. Komuniti etnik kedua terbesar di sana pula, iaitu Afar, berpendapat bahawa Djibouti mesti menyokong kebergantungan mereka dengan pihak Perancis. Kedua-dua pandangan yang berbeza ini, ditambah pula dengan sokongan Perancis, membuatkan persengketaan menjadi lebih ganas. Walaupun jumlah umat Islam yang menyokong penyatuan dengan Somalia adalah jauh lebih ramai, namun referendum pada 16 Mac 1967 telah memutuskan bahawa Djibouti mesti terus bergantung kepada Perancis. Namun, terjadi konflik berterusan selepas referendum tersebut. Ini disebabkan oleh tekanan dari Perancis dan penipuan sewaktu pengundian. Pasukan askar Perancis kemudiannya **menakluk negara tersebut, dengan menggunakan alasan untuk campur tangan dalam insiden berdarah di antara dua kumpulan etnik di dalam negara tersebut; majoriti penduduk tempatan telah dibunuh dan ratusan ribu yang lain telah diusir keluar.** Kaum Isha telah dilemahkan sewaktu operasi tersebut dan kaum Afar telah mengambil-alih pemerintahan negara.

Djibouti mendapat kemerdekaannya pada tahun 1977, dengan 97 peratus daripada keseluruhan populasinya memilih untuk mendapatkan kemerdekaan. Semenjak itu Djibouti menjadi sebuah negara yang terkenal dengan rampasan kuasa ketenteraan. Di antara tahun 1977 dan 1991, 2,000 orang umat Islam telah dilayan tanpa sifat kemanusiaan. Laporan Amnesti Antarabangsa menerangkan tentang bentuk-bentuk penderaan dan penghinaan yang dikenakan ke atas rakyat Djibouti. Kira-kira 7,000 orang telah ditahan tanpa sebab dan didera oleh negara terbabit.[43]

Kira-kira 3,500 orang askar Perancis masih diletakkan di Djibouti, yang mana terus berada di bawah dominasi politik dan ketenteraan Perancis.[44] Djibouti tidak memiliki sebarang pasukan askar kebangsaannya sendiri dan ia sekadar bergantung kepada kehadiran pasukan askar Perancis. Perancis bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri selama bertahun-tahun semenjak Djibouti mendapat kemerdekaan. Di samping itu, terdapat ramai penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai Perancis dalam pentadbiran negara tersebut. Kerajaan berada di ambang kemuflisan. Ia masih berdiri kerana sokongan yang diberikan oleh negara-negara Eropah.

Sebagai tambahan kepada pemerintahan kolonialis yang panjang ini, Djibouti kini sedang berhadapan dengan masalah kemiskinan yang sangat teruk. Kemarau telah menyebabkan kematian sejumlah besar haiwan ternakan. Rakyat kini sedang menderita disebabkan oleh kekurangan zat makanan.

SUDAN

Sebuah Negara Yang Cuba Lari Dari Pergaduhan dan Perang Saudara

Sudan, sebuah negara yang betul-betul terletak di bahagian selatan Mesir, turut menyebabkan kuasa-kuasa anti-Islam berasa tidak senang dan tidak selesa disebabkan oleh identiti keislamannya. Salah satu masalah paling utama yang melanda Mesir ialah konflik berpanjangan di antara penduduk di bahagian utara dan selatan. Konflik ini adalah pertembungan di antara agama dan etnik yang berbeza. Umat Islam tinggal di bahagian utara, manakala Kristian Afrika membentuk masyarakat di bahagian selatan. Pemecahan etnik dan agama ini adalah satu legasi ataupun warisan British yang telah membentuk satu sempadan di negara tersebut. Legasi ini menuntut korban nyawa. Semenjak tahun 1960-an, penduduk di bahagian selatan (yang beragama Kristian) membentuk sebuah pemberontakan terancang bagi menentang pemerintahan Khartoum oleh umat Islam Arab di bahagian utara. Pemberontakan ini diuruskan oleh Pertubuhan Kristian yang menggelarkan diri mereka sebagai “Anya-Nya.”

Pada tahun 1989, pemberontakan di bahagian selatan menjadi lebih agresif berikutan penubuhan rejim Islam di negara tersebut. Ini kerana terdapat “sesetengah pihak” yang sering mengapi-apikan pemberontakan menentang pentadbiran Khartoum.

Seperti yang boleh dibayangkan, Israel menjadi

ketua yang menyokong kebangkitan Anya-Nya. Di dalam buku *The Israeli Connection* (Perhubungan Israel) tulisan Benjamin Beit-Hallahmi, beliau mendedahkan bahawa **Israel telah menyokong pemberontakan di bahagian selatan semenjak 1960-an lagi.** Semenjak itu, Israel telah memberikan kepada pergerakan Anya-Nya pelbagai senjata api dan latihan ketenteraan. Mossad, iaitu sebuah agensi pakar milik Israel, telah membina hubungan dengan pemberontak di bahagian selatan melalui stesen-stesennya yang terletak di Uganda, Chad, Ethiopia dan Congo, dan kira-kira 30 gerila Anya-Nya telah diberi latihan khas di ibu pejabat Mossad yang terletak di bandar Torit. Pada tahun 1970, Israel membuat perjanjian dengan Uganda, yang terletak di selatan Sudan, dan dengan itu meningkatkan kebolehannya untuk mengeksploitasi sempadan Uganda-Sudan dan juga untuk memberikan sokongan kepada Anya-Nya. Berdasarkan maklumat Rolf-Steiner, seorang askar upahan, yang bertarung dengan Anya-Nya, Israel menjadi pelindung utama pihak pemberontak di bahagian selatan.[45]

Sudan melalui era pergolakan politik sehingga tahun 1989, apabila Pertubuhan Persaudaraan Islam yang dipimpin oleh Hasan al-Turabi mengambil-alih sistem pemerintahan negara. Semenjak itu, wujudlah sebuah kerajaan Islam yang dipimpin oleh al-Turabi. Berikutan dengan pengenalan undang-undang Islam oleh Parlimen Sudan, Anya-Nya memulakan kebangkitan barunya. Kali ini mereka bergerak di bawah nama Tentera Pembebasan Rakyat Sudan (SPLA). Sebelum duduk semeja untuk berunding dengan pihak pemerintah, pemimpin SPLA iaitu John Garang mahukan pembatalan undang-undang Islam sebagai satu pra-syarat. Apabila parlimen enggan menerima pra-syarat

tersebut, kezaliman mula meningkat. Kebangkitan ini yang menentang rejim Islam telah mendapat sokongan daripada pelbagai negara.

Israel sekali lagi menjadi penyokong utama. Dr Ahmed Abdul Halim, Duta Sudan ke Mesir memberitahu kepada *Al-Ahram Weekly* yang diterbitkan di Mesir bahawa, **"(SPLA) mendapat sokongan ketenteraan terutama sekali dari Israel dan pembantu-pembantu militari Eritrea."**[46] Fakta-fakta yang muncul hari demi hari mendedahkan bahawa Israel menjadi dalang utama kepada pemberontakan bersenjata Kristian.

Helah Kebuluran dan Penipuan “Negara Pengganas”

Ketika ini sedang berlaku peperangan bagi menentang rejim Islam di Sudan. Perang ini mempunyai dua dimensi yang berasingan. Satu adalah helah kebuluran dan satu lagi adalah konsep “negara pengganas.”

Jika dilihat menerusi sumber-sumber alamnya, Sudan boleh dikatakan sebuah negara yang kaya. Terdapat uranium, emas dan juga simpanan minyak, malah tanahnya juga subur. Namun disebabkan oleh perang saudara yang berlaku sejak tahun-tahun kebelakangan ini, Sudan kini dilihat sebagai sebuah negara yang sangat miskin.

Walaupun dihantui dengan pelbagai jenis musibah, Sudan telah mengambil langkah serius bagi membangunkan semula negara tersebut dengan berkuasanya pihak rejim Islam pada tahun 1989. Pentadbiran tersebut, yang dipimpin oleh mahasiswa Sorbonne iaitu Hasan al-Turabi yang bersloganKan “Agama adalah enjin sebenar kemajuan,” telah menjadikan beribu-ribu hektar tanah sesuai digunakan untuk tujuan pertanian. Dua buah projek empangan terbesar di Sungai Nil telah dimulakan bagi menggunakan sumber air Sudan yang melimpah-ruah. Ia digunakan untuk mengairi tanah seluas kira-kira 1.5 juta ekar di sepanjang sungai tersebut dan juga bagi menjadikan Sudan sebagai negara penghasil tenaga elektrik terbesar. Namun demikian, Sudan gagal untuk memasarkan produk keluarannya kerana ia telah dilabel sebagai sebuah “negara pengganas,” di samping sekatan ekonomi yang dikenakan ke atasnya.

Dengan cara ini, proses kemajuan di Sudan sedang dihalang. Di sebalik semua ini, para wartawan Barat sering melaporkan berita-berita tentang kes-kes kelaparan di Sudan. Satu-satunya kawasan di negara tersebut yang dilanda kelaparan sebenarnya adalah di bahagian selatan, yang memberontak menentang pemerintahan pusat.

Matlamat utama di sebalik laporan-laporan sedemikian ialah: Pertama sekali untuk menggambarkan bahawa kerajaan sebagai bertanggungjawab dengan menyebarkan propaganda tentang "kebuluran di Sudan," dan kemudian cuba untuk meraih pengaruh di negara tersebut dengan mengatakan bahawa bantuan kemanusian sedang dihulurkan kepada mereka yang kelaparan di negara tersebut. Sudah tentu bahawa penghantaran bantuan kemanusiaan kepada rakyat Sudan adalah satu tugas kemanusiaan yang sangat penting, dan mereka harus disokong. Namun, apa yang sering berlaku ialah bantuan-bantuan tersebut tidak sampai ke destinasi yang ditetapkan atau pun intensif-intensif sedemikian tidak dilakukan dengan niat untuk menolong. Hakikatnya bantuan yang diberikan tidak mempunyai kualiti yang bagus dan tidak sesuai. Hal ini menjadi petanda penting terhadap niat sebenar penghantaran bantuan terbabit. Mereka yang pernah melihat bantuan tersebut di tempatnya pasti mengatakan bahawa makanan yang diberikan tidak berkualiti dan hanya sesuai diberikan kepada haiwan. Seorang pemerhati telah melaporkan seperti berikut:

Saya melihat dengan mata saya sendiri bantuan makanan gandum yang dihantar ke Sudan. Kerajaan Sudan bercadang untuk menjadikan gandum tersebut makanan kepada haiwan ternakan kerana ia sudah melebihi tarikh luputnya dan

mempunyai kualiti yang sangat teruk. Saya berasa hairan apa...akan...terjadi kepada gandum ini jika ia tidak dihantar ke Sudan? Saya percaya mereka (Pent: iaitu yang menghantar gandum ke Sudan) akan memusnahkannya atau pun menjadikannya sebagai makanan kepada haiwan mereka sendiri. Inilah kebenaran di sebalik bantuan yang diberikan oleh...negara-negara Barat yang lain, bantuan yang dipergunakan sebagai propaganda. Kerajaan baru Sudan kini tidak lagi mengetuk pintu negara-negara penindas dan meminta bantuan makanan dari mereka.[47]

Di sebaliknya, propaganda yang mengatakan Sudan sebagai sebuah "negara pengganas" dan menyokong keganasan masih terus berlaku. Ini pastinya satu tuduhan serius yang perlu disiasat. Adalah sesuatu yang semula jadi bahawa hal-hal seperti keganasan mesti diberikan perhatian mendalam kerana ia melibatkan keselamatan rakyat. Namun, tiada usaha yang dijalankan bagi menghalang terorisme yang boleh menyebabkan mereka yang tiada sangkut-paut dengannya berada di ambang bahaya. Usaha-usaha yang diambil hanya boleh berjaya jika kedamaian dan keadilan berjaya diwujudkan. Jadi kita tidak seharusnya bersikap acuh tak acuh dalam hal ini.

Seperti yang telah ditekankan berulang-kali dalam buku ini, punca utama terhadap apa yang sedang berlaku di Sudan kini adalah disebabkan oleh identiti Islamnya yang kuat. Namun demikian, sebenarnya kerajaan Omar Hassan al-Bashir yang memegang kuasa selepas al-Turabi, sedang melakukan konsesi atau pun penyerahan ke atas garis-garis panduan Islam negara tersebut dan mengambil beberapa langkah bagi memenuhi hasrat Barat. Hakikatnya al-Bashir, yang dituduh membawa

semangat nasionalisme Arab ke Sudan, yang berhasrat mahu menangkap tokoh-tokoh seperti al-Turabi yang mendapat sokongan dari banyak negara Islam, telah memberikan petanda kepada kita semua bahawa sebuah perkembangan yang tidak diundang sedang berlaku di negara tersebut.

UZBEKISTAN

Bekas Komunis Terus Menindas Umat Islam

Caucasus baru-baru ini telah menjadi tumpuan utama dalam perkembangan
dunia Islam. Republik Islam Turki yang mula berjuang untuk kemerdekaan selepas tumbangnya Kesatuan Soviet, mendapati bahawa mereka sedang menentang dasar perluasan kuasa oleh Rusia. Rusia masih diperintah oleh mereka yang berfahaman komunis yang masih memiliki mentaliti yang sama, dan negara tersebut terus menganggap negara-negara di Asia Tengah sebagai miliknya. Oleh itu, untuk menjadikan negara-negara di Asia Tengah tunduk kepadanya, Rusia telah memilih untuk membentuk perikatan dengan pentadbiran-pentadbiran anti-Islam di kawasan tersebut.

Hari ini, umat Islam di Caucasus dan Asia Tengah hidup dalam ancaman perluasan kuasa Rusia dan pentadbiran mereka sendiri yang dengan aktif bersubahat dengan Moscow. Ketika peperangan di Chechnya sedang berterusan, Persekutuan Rusia dengan aktif terlibat dalam penindasan dan pencerobohan ke atas umat Islam di beberapa republik yang memiliki umat Islam sebagai penduduk majoriti. Rusia kadang-kala melakukannya secara terang-terangan, dan sekali-sekala melalui pentadbiran tempatan yang pro-Rusia. Uzbekistan telah mengikuti jejak langkah negara-negara yang telah pun mengalami kesengsaraan seperti Azer-baijan, Dagestan, Chechnya dan juga Tadjikstan.

Tekanan Anti-Islam di Uzbekistan

Uzbekistan sedang bergelut dengan masalah domestiknya selama bertahun-tahun. Ekonomi negara itu betul-betul meleset dan penduduk awam sedang menderita teruk. Pemerintahan Kerimov yang enggan membenarkan wujudnya walau satu puak penentang yang bersifat sangat bersederhana, terus menambahkan masalah yang sedia ada, dan tidak pula mahu menyelesaikannya.[48]

Sekiranya Kerimov membenarkan polisi sederhana dengan memberi laluan kepada berbagai-bagai pendapat disuarakan, tanpa ragu lagi ia akan menuju ke jalan kebaikan, bukan sahaja kepada rakyat Uzbekistan, tetapi juga kepada pemerintahannya sendiri. Namun, beliau lebih suka mengambil tindakan terburu-buru. Negara tersebut telah memenjarakan lebih dari 50,000 orang baru-baru ini kesan dari polisi menindas yang dijalankan. Selepas bom-bom meletup di pusat-pusat bandar, pentadbiran Uzbekistan telah menahan beribu-ribu orang di seluruh dunia, mengenal pasti mereka yang memiliki kecenderungan beragama sebagai teroris, dan menubuhkan sebuah sistem pemerintahan yang secara total menafikan hak-hak kemanusiaan dan juga kebebasan. Namun, polisi menindas itu sebenarnya lebih mengajak kepada persengketaan berbanding pencegahannya, dan berakhir dengan menjadikan puak penentang lebih kuat lagi. Untuk menjadikan Uzbekistan aman dan stabil, adalah penting untuk mengadakan dialog di antara pemerintahan Kerimov dan puak penentang. Dialog juga dapat menjadikan puak

penentang mengambil sikap lebih sederhana di masa hadapan.

Sikap Tidak Senang Rusia Terhadap Kebangkitan Islam di Asia Tengah

Kebangkitan agama yang bermula di Turki telah mengejutkan Kremlin. Kerajaan Mikhail Gorbachev terutamanya, sangat bimbang dengan angin perubahan itu. Perkara ini sering-kali mendapat tempat di dada-dada akhbar waktu itu, dan Kremlin mula merancang tindakan-tindakan yang patut dilakukan. Menurut akhbar harian Uzbekistan, *Pravda Vostoka*, Gorbachev telah berucap kepada para pegawai parti tempatan **yang dipanggilnya untuk "perjuangan penuh tegas dan tanpa kompromi menentang fenomena beragama."** Kemudian beliau berkata, "Kita mesti tegas terhadap semua pegawai-pegawai kanan dan komunis, terutama sekali terhadap mereka yang mendakwa mempertahankan idea dan moral kita, tetapi sebenarnya mereka memiliki pandangan yang berbeza dan menghadiri pula upacara-upacara keagamaan."[49]

Berkenaan dengan ketegasan Gorbachev dalam menentang agama, majalah *Times* melaporkan:

Sesungguhnya amatlah jarang bagi Sekretari Awam Soviet untuk menentang agama dengan cara yang sangat jelas; tugas yang biasanya dilakukan oleh orang-orang bawahan. Di sebalik semua itu, Kremlin sedang bimbang kalau-kalau tindakan menentang agama itu tidak mencapai sasaran

sebenar. Akhir sekali, hakikat bahawa Gorbachev memilih Tashkent sebagai tempat untuk melakukan serangan agama menandakan bahawa kepimpinan Soviet sangat takut dengan perkembangan terkini...menyapu bersih dunia Islam, yang mana mungkin pada akhirnya menyebabkan kebangkitan semangat Islam di Asia Tengah Soviet.

[Semenjak 1918], rejim tersebut telah meletakkan syarat-syarat ketat ke atas gereja, *synagogues* dan masjid, dan seterusnya melancarkan kempen penindasan menentang mereka yang beriman. Latihan ke atas pemimpin-pemimpin agama sangat dilarang, dan **pendidikan keagamaan ke atas mereka yang berusia bawah 18 tahun telah diharamkan. Pada masa yang sama, semua kanak-kanak sekolah didoktrinkan dengan fahaman ateisme.**

Islam mendapat masalah besar, dan perhatian khusus. Umat Islam Soviet ditempatkan di kawasan sempadan strategik U.S.S.R dan mereka meneruskan perhubungan dengan umat Islam di negara-negara jiran.... Tiada sebarang statistik yang boleh dipercayai tentang berapa ramai umat Islam Soviet yang mengamalkan agama mereka. Namun, berdasarkan kepada laporan politik tahun lepas yang diterima oleh Kongres Parti Komunis Kazakhstan ke-16 melaporkan bahawa Islam "masih kuat dan terus berkemabang"... Perjumpaan tidak rasmi menganggarkan bahawa jumlah mereka yang beriman adalah jauh melepasi kapasiti masjid-masjid yang didaftarkan secara sah, iaitu dalam 300 ke 500 buah (Terdapat kira-kira 24,000 masjid sebelum Komunis mengambil alih).[50]

Apa yang sedihnya, mentaliti ini yang ditinggalkan sejak zaman Soviet, terus mempengaruhi di satu

kawasan birokrasi Rusia dan beberapa badan di Republik Turki. Ketegangan terjadi di antara kawasan yang memiliki penduduk yang beriman dan pusat autoriti. Contoh paling jelas yang dapat membuktikan semua ini ialah 1 dalam 500 penduduk Uzbekistan berada di dalam penjara disebabkan oleh identiti Islam mereka.

Ketegangan di Uzbekistan meningkat setiap hari, menunjukkan bahawa kekacauan akan terus berlaku buat masa yang lama jika polisi yang bersifat sederhana tidak dilaksanakan. Apabila kita melihat fenomena-fenomena seperti keganasan, kekurangan bekalan air, kekacauan dalaman, kepayahan ekonomi, bermacam-macam peraturan dan kezaliman terhadap hak-hak asasi manusia secara keseluruhannya, jelaslah bahawa situasi sedemikian hanya dapat diubah secara radikal. Antaranya, puak penentang di negara terbabit mestilah diberikan peluang untuk melontarkan pandangan, menghentikan penahanan politik dan pemenjaraan, dan mereda ketegangan dengan mewujudkan atmosfera yang saling bertoleransi.

Sebab Penindasan: Sistem Pemerintahan yang Lari Dari Nilai-Nilai Islam

Tidak wujud keselamatan dan keamanan di tempat-tempat yang hilang nilai-nilai agamanya. Namun demikian, di kebanyakan negara-negara Islam, kerajaan yang mendakwa memiliki nilai-nilai Islamik lupa bahawa dengan menolak moral-moral al-Quran, ia membawa negara ke dalam kancah kekacauan. Inilah sebabnya mengapa sesetengah negara di Asia Tengah, yang setiap

hari semakin jauh dari nilai-nilai Islam, gagal untuk mencapai kestabilan yang diidam-idamkan. Dalam masyarakat yang mana ideologi kosong komunis dan materialis bermaharajalela, ia pasti akan menemui kegagalan, seperti yang telah kita lihat dalam contoh-contoh yang lepas. Ini kerana di dalam persekitaran yang tiada moral keagamaan, para pemerintah hanya mementingkan diri mereka sendiri, zalim, suka menindas, bencikan keamanan dan tidak suka menolong orang. Al-Quran telah menarik perhatian kita tentang bahaya yang datang dari mereka yang terpesong jauh itu:

Dan apabila dia berpaling (dari kamu), dia berjalan di muka bumi untuk melakukan kerosakan padanya, dan merosak tanam-tanaman dan haiwan ternakan, dan Allah bencikan kerosakan. (Ali-Imran, 2:205)

Seperti yang telah kita lihat, sikap mereka yang disebutkan di dalam ayat di atas akan terus wujud selagi ajaran-ajaran Allah tidak ditegakkan. Apabila sesebuah negara ditadbir oleh mereka yang takutkan Allah, maka akan wujudlah kerjasama, keadilan, dan sikap tolong-menolong. Tiada seorang pun yang akan dibenarkan untuk melakukan ketidakadilan. Kehendak semua orang akan dipenuhi, perkhidmatan-perkhidmatan dan juga penyelesaian-penyelasaian baru akan ditemui. Segala kemungkinan akan membawa kepada keamanan dan kesejahteraan kepada rakyat. Mereka yang hidup dengan berlandaskan ajaran Islam akan melakukan semua kebaikan tanpa mengharapakan balasan di dunia, tetapi adalah untuk mendapatkan keredaan Allah dan ganjaran di Hari Akhirat kelak.

Contoh terbaik ialah para pesuruh Allah telah diutuskan kepada seluruh manusia sepanjang sejarah dunia. Allah mewahyukan ayat-ayat-Nya tentang bagaimana mereka mengingatkan manusia supaya menyembah Allah dan hidup berdasarkan ajaran-Nya:

Wahai kaumku, aku tidak meminta upah darimu bagi seruan yang aku lakukan. Upahku tidak lain hanya dari Allah yang telah menciptakanku. Maka apakah kamu tidak berfikir? (Huud, 11:51)

AFGHANISTAN

Perang Saudara yang Tidak Berkesudahan Disebabkan Oleh Kebuasan Komunis

Sembilan puluh sembilan peratus daripada populasi Afghanistan beragama Islam.

Negara ini bertemu dengan agama Islam ketika zaman khalifah Uthman. Ia kemudian jatuh ke tangan Samanids pada penggal kedua abad ke-9, seterusnya diperintah oleh Ghaznavids. Wilayah Afghanistan kemudian dikuasai oleh Moghul India, dan selepas itu sering-kali bertukar tangan sehinggalah menjelang aba ke-18.

Nadir Shah, yang menaiki takhta Iran pada tahun 1736, telah memasukkan Afghanistan ke dalam wilayah miliknya dalam masa beberapa tahun sahaja. Selepas beliau dibunuh dalam satu siri kebangkitan, empayar yang ditubuhkannya dengan cepat dimusnahkan oleh konflik dalamannya sendiri. Komander Pengawal, Ahmad Abdali kemudian dipilih oleh pelbagai suku kaum sebagai Shah, dan akhirnya berupaya menjadikan seluruh negara berada di bawah kekuasaannya. Beliau memerintah dengan menggunakan nama Ahmad Shah Durrani. Wilaya-wilayah miliknya bermula dari Kashmir ke Delhi, dan dari Sungai Amu Darya (Oxus) ke Oman, dan ia menjadi sangat ekstensif yang mana Empayar Afghanistan adalah kerajaan Islam kedua terbesar di dunia pada penggal kedua abad ke-18, selepas Empayar Turki Uthmaniyyah.

Usia empayar tersebut tidak lama, ia kemudiannya terjebak dalam kancah perang saudara. Kuasa British

mengambil peluang sewaktu kebingungan sedang melanda Afghanistan. Selepas itu, negara ini gagal membentuk sebuah kerajaan yang kekal lama disebabkan oleh campur tangan Britain dan Rusia, dan menderita akibat konflik-konflik dalaman yang berlaku. Muhammad Nadir Khan, yang mula berkuasa pada 1929, berjaya menstabilkan keadaan buat beberapa ketika, namun Rusia terus menjaga tepi kain Afghanistan dan cuba untuk mendominasi pentadbirannya. Perhubungan kedua-dua negara ini sangat rapat, sehinggakan Afghanistan menjadi negara pertama yang mengiktiraf rejim komunis Bolshevik di Rusia.

Pada 1973, Kesatuan Soviet telah melakukan rampasan kuasa di Afghanistan. Zahir Shah yang pro-Barat telah disingkirkan dan Daud Khan (Muhammad Daud) telah mengambil alih tampuk pemerintahan. Selepas itu, para pegawai Marxis mula mempengaruhi sistem pentadbiran Afghanistan dan mereka menjawat jawatan-jawatan penting. Daud Khan berharap untuk melepaskan diri dari pengaruh Rusia dan mahu mewujudkan sebuah negara Islam. Perjanjian yang dibuat olehnya dengan Pakistan telah membuatkan pertubuhan-pertubuhan komunis domestik melakukan kekerasan. Adalah sesuatu yang jelas bahawa polisi yang mirip kepada sebuah negara Islam akan mencetuskan provokasi kepada Rusia. Pada 1978, para jeneral Marxis dalam pasukan tentera dan beberapa penduduk awam komunis telah melakukan rampasan kuasa oleh Rusia. Kesemua ahli keluarga Daud Khan dan mereka yang terdekat telah dihapuskan. Perancang rampasan kuasa itu telah mengumumkan bahawa mereka akan memerintah Afghanistan dengan sebuah rejim komunis, dan mereka akan memulakan perang habis-habisan menentang agama. Buku Hitam Komunisme *(The Black*

Book of Communism) telah menceritakan tentang kebencian komunis terhadap amalan beragama:

Tidak berapa lama selepas itu, kerajaan memulakan kempen menentang agama. Al-Quran telah dibakar di hadapan umum, para imam dan pemimpin agama telah ditangkap dan dibunuh. Pada malam 6 Januari 1979, kesemua 130 orang lelaki dari suku Mojaddedi, kumpulan peneraju Syiah, telah dibunuh secara beramai-ramai. Kesemua amalan-amalan keagamaan telah diharamkan.[51]

Kumpulan komunis Afghanistan adalah alat yang dipergunakan oleh Kesatuan Soviet. Mereka bertindak di bawah arahan "penasihat" dari Moscow, dan menjalankan pembunuhan beramai-ramai ke atas bangsa mereka sendiri, seperti yang ditunjukkan oleh angka di bawah. Mereka telah melakukan kedahsyatan walaupun hanya berkuasa dalam masa yang singkat:

[Cendekiawan Afghanistan] Michael Barry telah menceritakan satu insiden berikut: "Pada Mac 1979...1,700 orang dewasa dan kanak-kanak, keseluruhan populasi lelaki di perkampungan [Kerala], telah dikumpulkan di bandar dan ditembak dengan senjata mesin-gun. Mereka yang mati dan yang hampir mati dicampakkan ke dalam tiga buah kubur besar dan ditimbus dengan menggunakan buldozer. Buat beberapa ketika selepas itu, wanita-wanita masih boleh melihat tanah bergerak sedikit kerana mereka yang cedera cuba untuk melepaskan diri, namun tidak lama selepas itu tidak wujud lagi sebarang pergerakan. Semua wanita lari ke Pakistan..." Pada masa yang sama, keganasan berlaku di Kabul. Penjara Pol-e-Charki, di bahagian timur pinggir bandar, dijadikan

pusat tahanan. Seperti yang diterangkan oleh Sayyed Abdullah, seorang pengarah penjara, menerangkan kepada mereka yang dipenjara seperti berikut: "Kamu semua yang berada di sini akan ditukar menjadi satu longgokan sampah."[52]

Di dalam bukunya *Le Résistance Afghane* (Penentangan Afghanistan), Micheal Barry telah menerangkan praktis-praktis lain yang dikenakan ke atas para tahanan:

Penderaan adalah sesuatu yang lazim; bentuk yang paling ngeri termasuklah ditanam hidup-hidup di dalam tandas. Beratus tahanan dibunuh setiap malam, dan mereka yang mati dan hampir mati ditanam dengan menggunakan buldozer. Kaedah Stalin yang menghukum keseluruhan etnik disebabkan oleh kesalahan sebilangan kecil ahlinya telah diguna pakai. Ia membawa kepada penahanan 300 orang dari kumpulan etnik Hazaras pada 15 Ogos 1979. Mereka didakwa menyokong tindakan penentangan. "150 orang daripada mereka telah ditanam hidup-hidup oleh buldozer, dan yang bakinya telah disimbah dengan gasolin dan kemudiannya dibakar hidup-hidup." Pada September 1979, pihak berkuasa penjara mengaku bahawa kira-kira 12,000 orang tahanan telah dihapuskan. Pengarah Pol-e-Charki memberitahu kepada sesiapa sahaja yang mahu dengar: "Kami akan meninggalkan 1 juta rakyat Afghanistan sahaja – yang kami perlukan untuk membangunkan sosialisme."[53]

Kesemua yang dilakukan itu adalah berdasarkan arahan yang diterima dari Moscow. Sebenarnya, segala kekacauan di Afghanistan sudah dirancang terlebih dahulu oleh Kesatuan Soviet. Rejim Soviet telah

memutuskan untuk menubuhkan komunis di Afghanistan melalui rampasan kuasa dan kemudian menguasai keseluruhan negara dengan alasan untuk mempertahankan sebuah rejim yang kononnya didakwa sebagai "demokratik." Seperti yang telah dipersetujui oleh ramai sejarawan, adalah satu hakikat bahawa komunis melihat kebangkitan pantas Islam sebagai satu ancaman yang membuatkan Moscow tidak teragak-agak mengambil langkah sedemikian rupa.

Akhirnya pada 27 Disember 1979, pasukan *Red Army* menjadikan tentangan dari pasukan mujahidin Islam terhadap rejim komunis di Afghanistan sebagai alasan yang membolehkan mereka menakluki negara tersebut. Kebuasan yang dilakukan ke atas penduduk Afghanistan bertambah setiap hari.

Pasukan *Red Army* terus berada di negara tersebut selama 10 hari genap. Ia cuba untuk tidak mempedulikan tentangan berjustifikasi oleh puak mujahidin dengan melakukan kekejaman dan kebuasan yang sangat kejam dan dahsyat. Seorang pejuang Afghanistan menggambarkan cara yang dilakukan oleh pihak *Red Army*:

Pihak Soviet telah menyerang setiap rumah, merampas dan merogol wanita. Barbarisme adalah lebih teruk berbanding yang disangka, dan kelihatan seperti telah dirancang. Mereka tahu bahawa dengan berbuat demikian, mereka memusnahkan asas-asas kemasyarakatan kita.[54]

Pasukan Tentera Soviet telah menggunakan cara paling keji dalam usaha menghapuskan umat Islam Afghanistan: periuk api direka seperti bentuk mainan supaya kanak-kanak Afghanistan mengambilnya dengan tidak sengaja, kumpulan gerila yang ditahan didera dengan sekejam-kejamnya, dan penduduk awam dibom

dengan sengaja. Mereka lebih gemar melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap keseluruhan kampung, berbanding membunuh mereka satu demi satu.

Di dalam satu temu bual, Felix Ermacora, seorang pelapor khas di Afghanistan untuk Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia PBB, menegaskan bahawa PBB sedang mengawal kebuasan Rusia di Afghanistan. Dengan merujuk kepada peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Laghman yang dilakukan oleh Rusia, Ermacora memberitahu bahawa kesemua kampung di bandar tersebut yang terletak di bahagian Timur Laut Kabul, telah hilang dari peta. Di daerah Karga sahaja, 1,500 penduduk telah dibunuh, terutamanya kanak-kanak dan wanita. Kesemua haiwan dibunuh, termasuklah anjing. Kesemua rumah kediaman telah dirompak, dan teh serta gula di bahagian dapur telah diambil. Tentera *Red Army* telah melanggar rumah-rumah dengan menggunakan kereta kebal, yang mana mereka mengetahui terdapat kanak-kanak dan wanita yang sedang berlindung di dalamnya. Beberapa bahagian badan dapat dilihat di celah-celah tayar kereta kebal.[55]

Di akhir penjajahan Soviet selama sedekad itu, berpuluh-puluh ribu orang telah dibunuh, dan ramai juga yang mendapat kecacatan. Afghanistan menjadi negara pengimport utama anggota badan palsu berbanding negara-negara lain di dunia ini. Periuk api askar *Red Army* telah merampas berpuluh-puluh ribu anggota badan seperti tangan dan kaki rakyat Afghanistan.

Selepas Soviet berundur, Afghanistan menjadi kacau-bilau dan perang saudara bermula.

Taliban yang mula memegang tampuk kuasa pada tahun 1998 sebenarnya telah meningkatkan lagi ketegangan sosial dan kemiskinan di negara tersebut

dengan mewujudkan sebuah rejim yang sangat tegas dan ketat. Kami berharap agar rejim baru yang dibentuk selepas tumbangnya Taliban dapat menghentikan kezaliman dan kemiskinan yang semakin menjadi-jadi berikutan provokasi Moscow pada tahun 1970-an, diikuti pula dengan penjajahan Soviet.

IRAQ

Fasisme Timur Tengah, Saddam Hussein

Kepelbagaian ras agama dan kumpulan etnik telah membentuk populasi Iraq
seramai 25 juta orang. 95 peratus beragama Islam, dan mereka mengalami penindasan, penderaan dan ketakutan selama bertahun-tahun. Faktor terpenting yang membawa kepada pembunuhan dan kemiskinan umat Islam adalah Saddam Hussein yang merupakan seorang diktator “fasis.”

Saddam Hussein mula berkuasa pada tahun 1979, dan semenjak itu beliau enggan membenarkan sebarang kumpulan agama menceburkan diri dalam arena politik dan sosial Iraq. Saddam Hussein menjadi arkitek peristiwa pembunuhan beramai-ramai 5,000 umat Islam Kurdish dengan menggunakan senjata kimia di Halabja, mendera rakyatnya sendiri, memulakan perang Iran-Iraq, dan cuba untuk menawan Kuwait pada tahun 1990. Walaupun beliau kadang-kala bercakap hal-hal agama untuk memenangi hati umat Islam, namun ia hanyalah sebuah sandiwara.

Jika kita mengkaji secara ringkas sejarah Saddam Hussein, kita dapat memahami asas-asas rejim yang dibinanya.

Peristiwa yang membuatkan Saddam berkuasa di Iraq bermula dengan sebuah rampasan kuasa. Pada bulan Februari 1963, sekumpulan pegawai askar dan aktivis jalanan yang menggelarkan diri mereka sebagai Parti Baath (Parti Pemulihan) telah menyingkirkan

Jeneral Abdul Karim Kassem yang berkuasa ketika itu. Di antara militan-militan tersebut, seorang ahli daripada enam orang yang bertanggungjawab membunuh Kassem, mendapat perhatian: Saddam Hussein al-Takriti, dengan kata lain beliau ialah Saddam Hussein dari Takrit. Walaupun Saddam bukanlah seorang askar, namun beliau sering dilihat berpakaian uniform dan serta-merta selepas berlakunya rampasan kuasa, **beliau telah dimasukkan ke dalam rejim Baath dan ditugaskan untuk melakukan keganasan dan pembunuhan.** Tindakan pertamanya adalah mencipta kaedah baru penderaan yang lebih efektif semasa menyoal-siasat mereka yang menentang sewaktu rampasan kuasa. Pemerintahan Baath yang bermula dengan rampasan kuasa istana berakhir pada bulan November tahun yang sama. **Pusat penderaan Saddam kemudian menjadi lebih ringan, penuh dengan peralatan-peralatan menyakitkan yang direkanya sendiri.**

Pentadbiran Baath yang berusia kurang 10 bulan juga berakhir dengan sebuah rampasan kuasa. Walau bagaimanapun, parti itu kemudiannya melancarkan lagi rampasan kuasa pada 17 Julai 1968, dan kali ini adalah yang terakhir. Naib pemimpin rampasan kuasa kedua ini tidak lain adalah pakar pendera Saddam Hussein sendiri. Dengan melantik saudara-mara terdekatnya menjawat jawatan-jawatan penting dan menyingkirkan musuh-musuh politiknya, beliau kemudiannya berjaya menguasai kekuatan politik yang diidam-idamkan olehnya. Pendera yang tidak berperikemanusiaan itu kemudiannya menjadi diktator Iraq.

Di sebalik kekejaman dan kebuasannya itu, salah satu faktor yang menjadikan beliau terus berkuasa ialah sokongan yang diterimanya dari luar. Saddam telah membentuk sekutu-sekutu untuk menjadikannya terus

berkuasa. Mossad, iaitu sebuah kumpulan gelap paling pintar di dunia milik Israel mendahului sekutu-sekutu yang dibentuk oleh Saddam. Mossad menganggap Saddam sebagai buah catur penting strategi Israel di Timur Tengah, dan kadang-kala menggunakan Saddam untuk menghalang perkara-perkara yang mungkin membahayakan kepentingan Israel.

Dalam bukunya yang kedua, ditulis selepas Perang Teluk, Victor Ostrovsky yang merupakan bekas ejen Mossad menulis perkara yang menarik tentang Saddam dari kaca mata Israel. Israel berharap agar diktator Iraq itu terus berkuasa kerana beliau betul-betul kurang rasional dalam polisi antarabangsa dan mungkin melakukan kebodohan yang boleh dipergunakan oleh Israel.

Ini menjelaskan kepada kita maklumat penting tentang wajah sebenar Saddam Hussein. Saddam tidak pernah mewujudkan polisi yang membawa kebaikan kepada umat Islam dan tidak juga pernah mempertahankan kepentingan rakyatnya. Kesemua tindakan yang dilakukan olehnya sehingga hari ini, yang diarahkan oleh beberapa buah kumpulan yang anti-agama, bermatlamat untuk menghancurkan Islam dan rakyat Iraq. Sebenarnya sepanjang Saddam berkuasa, nyawa penduduk Iraq dipenuhi dengan peperangan dan konflik. Hakikat bahawa semua itu dilancarkan terhadap negara-negara Islam membuktikan kepada kita bahawa terdapat kumpulan-kumpulan yang tidak mahu Islam wujud di muka bumi ini.

Setelah berjaya mengukuhkan kekuasaan, Saddam sering mewujudkan peperangan dan konflik. Pada tahun 1980, Saddam dengan sengaja menceroboh Iran tanpa sebab, dengan itu mencetuskan peperangan selama 8 tahun yang menyaksikan kematian

ratusan ribu rakyat Iraq dan Iran. Dua tahun selepas peperangan tersebut berakhir, Saddam kemudian menyerang Kuwait tanpa sebab dan seterusnya membawa Perang Teluk pada 1991. Namun, kezaliman Saddam tidak terhad kepada negara-negara jiran, malah kepada rakyatnya juga. Sepanjang beliau berkuasa, mereka yang dilihat sebagai penentang dari kalangan rejim, kepelbagaian parti politik dan kumpulan etnik telah dikenakan pelbagai jenis azab. Pada tahun 1990, *Newsweek* telah membawa kisah tentang karekter fasis Saddam:

Para pengkritik memanggilnya raja zalim yang dahagakan darah – Penyembelih Baghdad. Saddam Hussein memerintah Iraq dengan sarung tangan besi, dibantu oleh pasukan askar yang berjuta-juta orang dan legion sebagai penyampai maklumat, pembunuh upahan, dan pendera. Saddam yang dikenali di seluruh Timur Tengah, sesungguhnya sangat kejam dalam usahanya mengejar kemasyhuran untuk dirinya dan juga negaranya. Beliau tidak teragak-agak untuk menggunakan gas beracun terhadap musuh dalaman dan luar.[56]

Saddam telah menumpahkan darah ramai rakyat Iraq. **Di akhir peperangan dengan Iran, 1 juta daripada 17 juta rakyat Iraq telah dibunuh atau cedera.** Lebih sejuta rakyat lari dari negara itu disebabkan oleh faktor politik atau ekonomi. Pertubuhan hak asasi manusia yang berasaskan Washington, Pemerhati Timur Tengah menyatakan bahawa **pengusiran paksa, penahanan dan hukuman tanpa sebarang sebab jenayah termasuklah penderaan dan pembunuhan "misteri" adalah di antara cara yang sering digunakan.** Menurut Amnesti Antarabangsa, penderaan, termasuklah yang dilakukan

ke atas kanak-kanak, melibatkan cara-cara seperti memanggang mangsa di atas api, mengerat hidung, peha, payudara dan alat kelamin, serta memaku badan.[57]

Saddam menunjukkan sifat fasisnya ke atas rakyat dari pelbagai etnik pada tahun 1988 dalam pembunuhan beramai-ramai Halabja. Gas saraf telah digunakan bagi menentang penduduk awam Kurdish, dan ramai rakyat yang tidak bersalah mati dalam keadaan azab, tanpa ada perbezaan di antara bayi, orang tua, lelaki dan wanita. Amnesti Antarabangsa melaporkan bahawa **5,000 penduduk Kurdish mati dalam peristiwa itu, dan beberapa ribu lagi dalam serangan sama yang dijalankan di tempat-tempat lain di negara itu.**[58]

Penderaan yang dikenakan ke atas tahanan politik oleh rejim fasis Iraq adalah jauh lebih mengerikan. Seorang doktor yang lari dari negara itu telah menceritakan seperti berikut:

Saya adalah seorang doktor pelatih di sebuah hospital di bahagian selatan. Hanya doktor yang dapat melihat mereka yang dibawa dari penjara. Kebanyakan mereka hanyalah selonggok daging dan akan mati tidak lama lagi. Tiada seorang pun tahanan politik yang dapat hidup setelah melalui penderaan itu. Saya lari setelah saya menyedari saya akan ditangkap.[59]

Malah, keluarga Saddam sendiri dan rakan sekerjanya juga tidak terlepas dari kekejamannya. Saudara tiri lelaki Saddam, Barzan Takriti dan anak lelakinya Uday telah lari ke Emiriah Arab Bersatu kerana takut dibunuh oleh Saddam. Dua orang anak menantu lelakinya, Hussein dan Saddam Kamel, melarikan diri ke Jordan pada 1995 juga kerana takutkan Saddam. Saddam kemudian memberi jaminan bahawa mereka tidak akan diancam dan memanggil mereka supaya kembali.

Namun, apabila mereka kembali ke Baghdad, mereka telah dibunuh dengan segera, termasuklah bapa mereka sekali. Jasad ibu mereka yang dibunuh telah dijumpai kemudian.

Pemimpin Iraq ini menggertak para penentang rejim yang lari dari negara itu dengan menggunakan cara paling mengerikan. Sebagai contoh, Jeneral Najib Salihi lari ke Jordan pada 1995. Beliau mendedahkan bahawa rakaman video keluarga dan rakannya yang dirogol telah dihantar kepadanya, dan ini telah berlaku kepada ramai tokoh-tokoh penentang yang lain.

Seperti yang telah kita lihat dengan jelas melalui contoh-contoh tersebut, kekuasaan Saddam ke atas rakyat Iraq adalah berasaskan kepada gertakan, keganasan, penindasan dan penderaan. Rakyatnya sangat miskin dan menganggur disebabkan oleh polisi luar Iraq yang bersifat agresif dan bermusuhan. Polisi tersebut dicipta hanya untuk memenuhi ego Saddam semata-mata. Bayi-bayi mati disebabkan oleh kelaparan dan kekurangan ubat-ubatan. Walaupun Iraq kaya dengan sumber alamnya, namun ia sedang menuju ke arah kematian dan kepupusan.

Namun, di sini harus ditekankan bahawa keganasan bukanlah cara terbaik untuk menghalang mereka yang tidak bersalah dari terus berada di bawah kebuasan Saddam. Dalam peristiwa yang menggunakan polisi tersebut, rakyat Iraq yang tidak bersalah menderita lebih teruk berbanding Saddam. Tanpa ragu lagi bahawa rakyat yang tidak bersalah (kanak-kanak, wanita, orang tua, orang sakit) akan lebih menderita dalam mana-mana peperangan dan konflik. Mereka yang mempertahankan kenyataan bahawa kezaliman adalah penting bagi membebaskan rakyat Iraq harus lebih berhati-hati supaya tidak melakukan kesilapan yang serupa seperti

Saddam sendiri. Dengan kata lain, mereka mesti mengelak sebarang cara yang mampu merosakkan negara dan membahayakan nyawa ribuan yang tidak bersalah.

Rayuan Hipokrit Saddam Terhadap Agama

Satu ciri penting yang dilakukan Saddam ke atas rakyat Iraq ialah beliau bertindak dengan menggunakan topeng agama yang palsu. Saddam sering menggunakan stail keagamaan, yang ditujukan kepada rakyatnya, di dalam polisi-polisi dalaman dan luarnya, dan dalam tindakan yang direka untuk menipu seseorang. Inilah sebabnya mengapa beliau sering melakukan perkara-perkara yang dapat menunjukkan dirinya sebagai seorang yang mempertahankan dunia Islam, dan berusaha untuk mengambil peluang dalam sensitiviti keagamaan rakyat, seperti mana penambahan kalimah "Allahu Akbar" (Allah Maha Besar) ke dalam bendera Iraq sewaktu berlakunya Perang Teluk.

Melihat kepada kekejaman yang dilakukan olehnya sudah jelas memberitahu kita bahawa apa yang dilakukan oleh Saddam itu bukannya untuk agama Islam ataupun nilai-nilai Al-Quran. Allah telah memberitahu situasi sedemikian tentang mereka yang bersifat demikian di dalam ayat yang berikut:

Dan mereka (orang-orang munafik) bersumpah dengan (nama) Allah, bahawa mereka sesungguhnya termasuk dari golonganmu; padahal mereka bukanlah dari golonganmu... (At-Taubah, 9:56)

Jelaslah bahawa Saddam bukanlah seorang pemimpin Islam sejati. Jelas bahawa segala tindakannya ditegah dalam Islam, dan sangat-sangat dikutuk. Sebagai contoh, rasisme memainkan peranan penting dalam

tindak-tanduk Saddam di Iraq. Ramai rakyat yang tidak bersalah dibunuh dengan kejam, hanya disebabkan oleh asal-usul etnik mereka. Dalam pembunuhan beramai-ramai Halabja, Saddam mencatat sejarah apabila membunuh kira-kira 5,000 orang. Seperti para pemimpin fasis yang lain, Saddam mendakwa keturunan etniknya adalah jauh lebih hebat. Al-Quran walau bagaimanapun sudah menjelaskan bahawa kehebatan tidak terletak pada bangsa, warna kulit atau pun ciri-ciri yang lain. Ia sebenarnya terletak pada ketaatan dan keimanan seseorang kepada Allah. Rasisme di sebaliknya, telah diterangkan di dalam ayat yang berikut:

Ketika orang-orang kafir menanamkan dalam hati mereka kesombongan (iaitu) kesombongan Jahiliah, lalu Allah menurunkan ketenangan kepada rasul-Nya, dan kepada orang-orang mukmin dan Allah mewajibkan kepada mereka kalimat takwa, dan adalah mereka berhak dengan kalimat takwa itu dan patut memilikinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (Al-Fath, 48:26)

Allah telah menjadikan manusia dalam pelbagai jenis bangsa dan warna kulit. Manusia adalah makhluk yang lemah, sangat bergantung kepada Allah. Jadi tiada seorang pun yang boleh mendakwa mereka lebih hebat berbanding orang lain atau bangsa lain. Di saat-saat kematian, di waktu Hari Pengadilan ataupun di Hari Akhirat kelak, perkara-perkara seperti bangsa tidak berguna sama sekali. Pada waktu itu, tiada seorang pun yang boleh meminta bantuan orang lain tentang bangsa atau asal-usulnya. Mereka yang sekarang bertindak dengan buas disebabkan oleh faktor bangsa, membunuh dan membakar manusia hidup-hidup, akan menyedari

pada hari itu bahawa diri mereka sebenarnya sangat lemah dan tidak berdaya, tanpa mengira apakah bangsa mereka. Satu ayat telah menerangkan tentangnya ketika Hari Pengadilan kelak:

Apabila sangkakala ditiup, maka tiada lagi pertalian saudara di antara mereka pada hari itu, dan tidak pula mereka saling bertanya. (Al-Mukminun, 23:101)

Di samping rasisme, Saddam turut mempercayai fasisme. Beliau mengenakan penindasan fasis terhadap rakyatnya sendiri, dan seperti juga Hitler dan Mussolini, Saddam mendakwa peperangan adalah satu sifat yang suci. Padahal ia sangat berjauhan dengan kehendak al-Quran. Memulakan peperangan tanpa sebab adalah sangat dikeji oleh al-Quran dan ia adalah berdosa besar. Apa yang telah Allah firmankan kepada kaum Bani Israel yang enggan mempercayai kewujudan-Nya dapat ditujukan kepada semua mereka yang jahat dan keji: **"...setiap kali mereka menyalakan api peperangan, Allah memadamkannya dan mereka melakukan kerosakan di muka bumi. Dan Allah tidak menyukai mereka yang melakukan kerosakan." (Al-Maaidah, 5:64)**

Secara ringkas sejak tahun 1970-an, umat Islam Iraq sudah berada di bawah kepimpinan kejam seorang diktator yang sudah jauh dari nilai ajaran moral yang terdapat di dalam al-Quran. Saddam adalah seorang yang bersifat perkauman dan taksub kepada keturunan. Beliau tidak teragak-agak untuk membunuh ratusan ribu nyawa yang tidak bersalah semata-mata untuk memenuhi nafsunya, dan beliau seronok melihat kekejaman dan penderaan. Di samping itu, kebanyakan

dari mereka tidak menyedari apa yang sedang berlaku, disebabkan oleh propaganda berterusan yang dilancarkan. Tindakan menyelamatkan umat Islam dari tangan Saddam, atau dari mana-mana diktator yang mungkin memerintah Baghdad selepasnya, bergantung kepada kekuatan ideologi dan material dunia Islam, iaitu mengamalkan ajaran al-Quran dengan sepenuhnya, dan dengan memusnahkan ideologi fasis yang cuba beroperasi di bawah topeng Islam.

SYRIA

Sejarah Ngeri Penindasan yang Disembunyikan Dari Mata Dunia

Umat Islam di Syria, sebuah negara yang diperintah oleh Parti Baath yang
merupakan nasionalis Arab sejak tahun 1963, telah mengalami penderitaan dan penindasan sejak tahun 1920-an lagi.

Syria yang memiliki 75 peratus umat Islam, 11 peratus Syiah, dan 9 peratus Kristian, memiliki sejarah Islam yang panjang dan warisan budaya yang sangat dalam. Ramai para ulama Islam lahir di bumi ini.

Syria ditakluk ketika zaman Khalifah Umar, dan kemudian diperintah oleh Umaiyyah, Abbassiyah, Seljuk dan Ayyub. Tanah Syria menjadi sebahagian daripada wilayah Turki Uthmaniyyah pada tahun 1517, dan mereka hidup dalam keadaan aman damai sehingga penggal pertama abad ke-19. Pada tahun 1831, Syria jatuh ke tangan Muhammad Ali Pasha, yang menjadi penentang kerajaan Turki Uthmaniyyah dan kemudian menubuhkan kerajaannya sendiri. Syria kemudian berada di bawah kekuasaan Turki Uthmaniyyah semula sehinggalah ia dijajah Perancis pada tahun 1920. Penaklukan oleh Perancis telah menjadi detik permulaan kekacauan dan kezaliman ke atas rakyat Syria. Perancis telah merobek Syria dari Lubnan, yang mana Lubnan pada zaman dahulu adalah sebahagian dari Syria, kemudian ia telah dipisahkan daripadanya.

Polisi penindasan selama 26 tahun yang berakhir dengan kemerdekaan pada tahun 1946 adalah serupa

dengan apa yang dikenakan oleh Perancis ke atas Algeria, Tunisia, dan banyak lagi negara-negara Islam yang lain. Rakyat Syria telah memulakan kempen menentang selepas penaklukan Perancis. Perancis dengan kejamnya telah membunuh puluhan ribu rakyat dan mengebom banyak bandar-bandar besar. Kebangkitan yang berlaku telah dihapuskan dengan kejam, namun Perancis menyedari bahawa hari-hari mereka berada di Syria sedang dihitung.

Perancis terpaksa berundur dari Syria selepas Perang Dunia II, dan ia akhirnya menerima kemerdekaan Syria pada tahun 1946. Namun demikian, mereka meninggalkan Syria dalam keadaan yang tidak stabil dan sering terdedah kepada konflik. Mandat Perancis yang dikenakan ke atas Syria selepas Perang Dunia I telah memberikan lebih manfaat kepada puak Syiah berbanding kumpulan-kumpulan lain (Puak Syiah percaya kepada kesucian Saidina Ali r.a. Ia hampir mirip kepada pendewaan yang dilakukan oleh orang-orang Kristian ke atas Nabi Isa a.s.). Pentadbiran Perancis telah meletakkan minoriti Syiah dalam jawatan-jawatan penting kerajaan, lalu menimbulkan rasa tidak senang kepada umat Islam dari kalangan *ahli sunnah wal jama'ah.* Ini seterusnya membenihkan bibit-bibit permusuhan di antara dua golongan tersebut. Ramai pakar di Timur Tengah berpendapat bahawa puak Syiah berjaya mencapai kedudukan politik dan militari yang tinggi semenjak deklarasi kemerdekaan Syria pada tahun 1946. Berikutan dengan kemerdekaan tersebut, perkara penting yang berlaku ialah puak Syiah berjaya mengambil alih pemerintahan negara dengan meminggirkan kedudukan golongan *ahli sunnah wal jama'ah* yang telah lama menerajui perkembangan politik dan ekonomi tanah air.

Selepas kemerdekaan, Syria menjadi sebuah negara yang sering berlaku rampasan kuasa. Mereka bermula pada tahun 1949 dan terus melakukannya sehingga tahun 1970 yang pada waktu itu dipimpin oleh diktator Hafez Al-Assad. Rejimnya telah menamatkan rampasan kuasa tetapi telah mewujudkan sebuah sistem pemerintahan yang bersifat menekan. Kerajaan Baath telah menambah lagi kesusahan kepada umat Islam Syria. Negara itu telah jatuh ke tangan puak minoriti Syiah, yang hanya terdiri daripada 11 peratus sahaja dari keseluruhan populasi. Kesemua ras-ras yang lain telah kehilangan pengaruh. Dalam masa yang singkat sahaja, rejim Assad, yang menggelarkan diri mereka sebagai "Demokrasi Rakyat Sosialis," telah mengenakan pemerintahan yang zalim di negara itu. Kesemua parti politik telah ditutup, dan sokongan terhadap pandangan parti politik lain selain dari ideologi sosialis yang disokong oleh Parti Baath diharamkan. Kesemua pergerakan Islam dihalang. Para pemimpin gerakan-gerakan tersebut telah ditangkap dan didera dengan kejam sehingga mati. Pertubuhan hak-hak asasi manusia antarabangsa telah melaporkan bagaimana umat Islam Syria dikenakan penindasan yang sangat teruk dan telah menderita sepanjang era Assad, dan bagaimana wanita Islam diperkosa dan penderaan yang tersangat zalim telah dikenakan ke atas lelaki.

Kekejaman dan Penindasan, Simbol Era Assad

Matlamat utama rejim Baath adalah untuk memadamkan identiti Islam Syria. Bagi mencapai hasrat

ini, berpuluh-puluh ribu umat Islam telah ditahan tanpa sebab dan kemudiannya didera. Kebanyakannya telah dikenakan hukuman, dan yang lain hilang begitu sahaja. Rejim Assad telah melakukan tindakan-tindakan seperti merogol wanita, memukul mereka sehingga mati dan menggantung mereka pada bahagian kaki. Rejim ini juga cuba untuk memusnahkan masyarakat Islam dengan menyerang rumah-rumah, masjid dan melakukan penghinaan dan kekacauan yang tidak pernah putus, dan sesungguhnya mereka amat gembira melakukannya.

Contoh paling ngeri kebuasan rejim Assad ialah pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan di bandar Hama. Satu-satunya sebab yang membawa kepada penghancuran bandar itu ialah pergerakan-pergerakan Islam amat berkuasa di sana. Rifaat Assad, adik kepada Hafez dan juga merupakan ketua Staf Jeneral, telah mengarahkan satu siri serangan darat dan udara ke atas bandar Hama pada satu malam Februari 1982. Majoriti askar yang enggan menurut perintah telah dibunuh serta-merta. Bandar tersebut telah musnah teruk. Kira-kira 40,000 umat Islam kehilangan nyawa kesan daripada kebuasan rejim Assad selama 27 hari itu.

Terdapat banyak lagi pembunuhan yang dilakukan oleh Assad selama 3 dekad sebagai seorang diktator. Ramai umat Islam Syria yang melarikan diri dari Assad masih hidup di perantauan sebagai seorang pelarian. Terdapat kira-kira 1 juta umat Islam Syria di Arab Saudi sahaja.

Di sebalik semua ini, polisi Bashar Assad, yang mengambil alih pemerintahan negara selepas kematian bapanya, telah menghantar signal yang lebih positif tentang sikapnya terhadap komuniti agama di Syria. Kami berharap signal ini akan membawa kepada satu perubahan positif dan seterusnya membolehkan Syria

bebas, aman dan menjadi sebuah negara yang adil. Tiada seorang pun yang ditekan disebabkan oleh kepercayaan dan asal-usul keturunannya.

Namun demikian, kita harus ingat bahawa tiada satu pun masalah sosial di Timur Tengah dan di kawasan-kawasan Islam lain yang tidak memiliki jalan penyelesaian. Sekali pandang, memanglah masalah yang berlaku di kawasan tersebut sangat kompleks dan tidak dapat diselesaikan sama sekali. Namun demikian, jalan penyelesaiannya di cari selama beratus-ratus tahun di tempat yang salah. Jawapan kepada permasalahan itu ialah dengan hidup berlandaskan ajaran Al-Quran yang telah Allah turunkan kepada seluruh manusia. Menjadi lemah dalam menghadapi situasi sedemikian adalah tidak patut bagi diri umat Islam. Ini kerana Allah, yang telah menciptakan segala-galanya, yang membina sebuah sistem yang membolehkan manusia hidup di dalamnya dalam aman, sejahtera dan selamat, dan telah mewahyukan semua itu kepada manusia melalui al-Quran. al-Quran telah menunjukkan kepada kita jalan yang sebenar bagi setiap perkara, seperti yang diterangkan dalam ayat berikut, **"...Kami turunkan kepada kamu Al-Kitab (Al-Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi Muslimin." (An-Nahl, 16:89)**

Sekiranya ajaran moral terbaik yang diberitahu di dalam al-Quran dapat difahami dan seterusnya diamalkan, maka segala masalah yang sedang berlaku di dunia ini akan dapat diselesaikan dengan mudah. Memandangkan jalan penyelesaiannya adalah hidup berdasarkan ajaran al-Quran, maka mereka yang memiliki kesedaran adalah bertanggungjawab untuk menerangkan al-Quran kepada orang lain. Di dalam al-

Quran, para utusan Allah telah menerangkan tanggungjawab mereka seperti berikut:

Kami hanya bertanggungjawab untuk menyampaikan dengan jelas. (Yaasin, 36:17)

PENINDASAN KE ATAS UMAT ISLAM MINORITI

Umat Islam Cuba Hidup Berlandaskan Agama

Dalam bab-bab yang lepas, kita hanya meninjau keadaan negara-negara yang mempunyai umat Islam sebagai penduduk majoriti, dan telah menganalisis penderitaan yang dikenakan ke atas mereka oleh kuasa-kuasa penakluk atau pun sistem pentadbiran yang bersifat menindas. Namun, banyak juga negara-negara di dunia ini yang memiliki penduduk Islam yang sedikit. Berjuta-juta umat Islam sedang turut menderita di negara-negara seperti Myanmar, Filipina, Kemboja dan Thailand.

Kekejaman yang berlaku di negara-negara tersebut secara umumnya adalah lebih dahsyat dan buas berbanding di tempat-tempat lain. Mereka tidak mampu untuk membolehkan suara mereka didengari oleh dunia luar, dan mereka terus bergelut untuk meneruskan penghidupan walaupun sebenarnya bagi kebanyakan kes, mereka sudah mati akal, manakala tanah dan harta benda pula telah dirampas. Usaha yang hebat telah dijalankan bagi menghalang mereka dari hidup berlandaskan kepada agama yang dianuti, dan pihak berkuasa sedang berusaha untuk mengasimilasi mereka dengan mengenakan tekanan dan sistem pemerintahan yang zalim.

Bab ini akan menghuraikan penderitaan-penderitaan yang dikenakan ke atas mereka, dan akan berusaha untuk mereka yang sedang menjerit meminta

bantuan.

MYANMAR, Penduduk yang Berhadapan Dengan Kezaliman Penganut Budda

Myanmar (sebelum ini dikenali sebagai Burma) mempunyai rakyat seramai 48 juta orang, 15 peratus daripadanya beragama Islam. Bakinya kebanyakan beragama Budda. Umat Islam tinggal di kawasan Arakan yang terletak di negara tersebut.

Arakan merupakan sebuah kawasan yang paling kaya dari segi simpanan minyak dan gas asli, dan penduduknya telah memeluk Islam melalui pedagang-pedagang Arab. Perubahan ke arah Islam memuncak dengan penubuhan kerajaan Islam pada tahun 1430. Negara ini telah bertahan selama 350 tahun, sehinggalah penganut Budda menamatkannya dengan menakluki Arakan.

Serta-merta selepas umat Islam kehilangan kuasa politiknya pada tahun 1783, **penganut Budda Burma telah memulakan polisi menindas dan malah secara fizikal cuba menghapuskan umat Islam.** Negara ini kemudian dikoloni oleh British sehingga akhir abad ke-19.

Kempen anti-Islam yang dilancarkan oleh penganut Budda semakin rancak pada abad ke-20, dan terjadilah peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Arakan pada tahun 1942 yang mengakibatkan kematian kira-kira 100,000 umat Islam. Beratus-ratus ribu yang lain pula sama ada lumpuh atau dihalau dari tanah mereka sendiri.

Burma mendapat kemerdekaan pada tahun 1948 dengan berakhirnya pemerintahan British. Namun,

pemerintah yang baru telah menjadikan kehidupan umat Islam lebih huru-hara. Jeneral komunis Ne Win, yang mendapat kuasa melalui rampasan kuasa ketenteraan pada tahun 1948, telah menggerakkan kesemua pasukan bagi menghapuskan seluruh umat Islam. “Program Parti Sosialis Burma” telah menggunakan segala macam cara untuk memesongkan umat Islam dari agama mereka.

Ini bermakna umat Islam telah kehilangan semua hak-hak politik. Semua kemudahan pendidikan Islam, masjid-masjid dan tempat yang serupa telah ditutup. **Masjid-masjid telah ditukar menjadi pusat hiburan ataupun kuil Budda. Mengerjakan haji, berkorban di bulan Haji, solat berjemaah dan segala macam bentuk ibadah yang lain telah diharamkan.** Kesan daripada tekanan-tekanan yang dilakukan, sesetengah rakyat yang beragama Islam lari meninggalkan negara itu. Walaupun berlakunya perpindahan, majoriti rakyat di Arakan masih beragama Islam. Jeneral Ne Win dengan itu meningkatkan lagi tekanan, dan melakukan tangkapan-tangkapan yang tidak sah dan seterusnya mendera mereka. Akibatnya, lebih sejuta umat Islam dipaksa meninggalkan Burma. Untuk menyembunyikan kebuasan yang dilakukan, kerajaan Burma enggan membenarkan kemasukan wartawan asing dan juga pelancong selama bertahun-tahun.

Berdasarkan kepada laporan pertubuhan hak-hak asasi manusia antarabangsa, **kira-kira 20,000 umat Islam Arakan telah dibunuh oleh rejim penindas ini di antara tahun 1962 sehingga 1984. Beratus-ratus wanita diperkosa dan semua harta benda milik umat Islam telah dirampas. Komunikasi dalam negeri telah digunakan untuk menyebarkan pembohongan dan fitnah terhadap Islam. Pada 1978, kerosakan yang dilakukan oleh askar**

memaksa lebih 200,000 umat Islam melarikan diri ke Bangladesh dalam keadaan yang sangat memayahkan. Mereka kembali di bawah perlindungan PBB pada 1979.[60]

Selepas perletakan jawatan Ne Win pada tahun 1988, pelbagai pentadbiran awam dan militari telah silih berganti, dan lebih dari 3,000 orang telah dibunuh dalam satu kebangkitan yang tercetus ketika itu. Pada 1992, kira-kira 700 orang umat Islam minoriti yang tinggal di sempadan Bangladesh telah dihapuskan. Lebih dari 1,000 orang menjadi mangsa pembunuhan pada tahun 1994.

Kes wanita Islam yang dirogol dan didera di Myanmar masih terdapat dalam laporan hak-hak asasi manusia setiap tahun. Namun disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, Barat masih terus membisu.

Salah satu masalah paling berat yang sedang dihadapi oleh umat Islam yang tidak bersenjata di Myanmar ialah mereka tidak berupaya untuk berkomunikasi dengan dunia luar untuk memberitahu apa yang sedang terjadi ke atas diri mereka. Ini kerana kerajaannya menghalang seseorang dari memasuki negara itu dengan jalan darat, dan walaupun seseorang boleh memasukinya dengan jalan udara, namun banyak kawasan yang ditutup kepada orang asing. Adalah sesuatu yang sukar untuk mengetahui perkara-perkara yang dikenakan ke atas umat Islam Myanmar.

Satu lagi layanan buruk yang dikenakan berlaku pada tahun 1990-an, yang mana ketika itu kira-kira 200,000 orang lagi terpaksa melarikan diri ke Bangladesh.[61] Para pelarian yang lari dari penindasan Myanmar kemudian mendapati mereka sedang berhadapan dengan sebuah drama kemanusiaan yang menakutkan. Bangladesh merupakan sebuah negara

Islam yang miskin, dan ia tidak mampu memberikan makanan dan tempat perlindungan kepada pelarian dari Myanmar, walaupun ia membenarkan kemasukan mereka.

Semua umat Islam mesti menghayati tangisan dan jeritan meminta tolong dari Myanmar dan juga Bangladesh. Di dalam al-Quran, Allah mengarahkan manusia supaya membantu orang-orang miskin, mereka yang dihalau dari rumah dan juga mereka yang memerlukan. Ia menjadi satu tugas bagi setiap umat Islam untuk menyediakan persekitaran yang selesa kepada mereka yang dihalau, sedia berkorban untuk membantu mereka, dan memberikan sokongan serta menunjukkan rasa kasih sayang kepada mereka. Contoh-contoh tersebut telah diberitahu di dalam al-Quran, yang telah memberikan contoh terbaik yang patut diikuti oleh umat Islam terhadap mereka yang diusir dari tempat tinggal masing-masing:

Bagi para fakir yang berhijrah, yang diusir dari kampung halaman dan dari harta benda mereka, (kerana) mencari kurnia Allah dan keredaan-Nya, dan mereka menolong Allah dan rasul-Nya. Mereka itulah orang-orang yang benar. (Al-Hasyr, 59:8)

Dan orang-orang yang telah berada di kota Madinah dan telah beriman (iaitu orang-orang Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (iaitu orang-orang Muhajirin), mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka, dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin), atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka

memerlukan (apa yang mereka berikan itu). Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung. (Al-Hasyr, 59:9)

Seperti yang telah diwahyukan di dalam Al-Quran, orang-orang mukmin adalah mereka yang menghulurkan tangan persaudaraan kepada seseorang yang mereka cintai. Apabila sikap yang tersangat mulia ini dapat diamalkan di seluruh dunia, maka sudah pastilah masalah kemiskinan dan juga masalah-masalah lain yang sedang dihadapi oleh para pelarian akan dapat diatasi.

FILIPINA, Umat Islam Bangsa Moro dan Si Kanibal Marcos

Ramai di antara kita yang tidak sedar bahawa Filipina mempunyai jumlah penduduk Islam yang agak ramai, dan mereka sedang bergelut dengan penindasan, penderaan dan polisi tidak berperikemanusiaan selama bertahun-tahun. Namun umat Islam di Filipina telah dibunuh dengan kejam, dan mereka sedang menanti bantuan dari umat Islam di seluruh dunia bagi membolehkan mereka terus hidup.

Kira-kira 90 peratus daripada populasi Filipina adalah Katolik, walaupun situasi sebenarnya begitu berbeza sekali di bahagian selatan pulau, yang mana populasinya adalah 70 peratus Katolik dan 30 peratus Islam. Umat Islam terdiri dari bangsa Moro di Mindanao dan juga umat Islam yang tinggal di Sulu. Kira-kira 97 peratus daripada penduduk Sulu beragama Islam.

Punca konflik di Filipina bermula pada tahun 1946, apabila negara ini mendapat kemerdekaan selepas Amerika memerintah selama bertahun-tahun. Tidak seperti umat Islam di Mindanao dan Sulu, kebanyakkan masyarakat Kristian di Filipina tidak memberikan sebarang tentangan terhadap kolonialis Amerika dan menerima gabenor yang mentadbir kehidupan mereka. Amerika telah mendidik para pemimpin Filipina bagi membentuk sebuah pentadbiran yang pro-Amerika. Apabila Amerika berundur, ia telah meninggalkan kuasanya di bawah tangan Filipina, dan menerima Mindanao dan Sulu sebagai sebahagian daripada Filipina. Jadi, umat Islam di situ berada di bawah undang-undang Filipina.

Filipina telah mengenakan polisi-polisi yang mampu mengukuhkan lagi kekuasaannya, dan secara khususnya telah mengambil tanah umat Islam Moro. Undang-undang baru telah membolehkan Filipina merampas 24 hektar tanah, tetapi ia telah dihadkan kepada 10 hektar bagi kes Moro. Kesannya, berlakulah perpindahan rakyat Filipina ke kawasan yang mempunyai umat Islam sebagai penduduk majoriti. Pada dekad di antara 1966 dan 1976, 3.5 juta pendatang rakyat Filipina tinggal di kawasan tanah umat Islam.

Pada 1 Mei 1968, Gabenor Cotabato, Datu Udtog Matalam telah menubuhkan "Pergerakan Kemerdekaan Muslim" (MIM), yang bertujuan untuk mencari kompromi dengan kuasa pusat di bawah pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos. Namun demikian, ia gagal mendapat sokongan, dan tidak lama kemudian hilang begitu sahaja. Kerajaan pusat tidak menimbangkan langsung perkembangan itu, sebaliknya melihat ia sebagai satu peluang untuk meningkatkan lagi polisi-polisi anti-Moro. Pada masa yang sama, Marcos

mengisytiharkan dirinya sebagai ketua Pasukan Bersenjata Filipina. Tidak lama selepas itu, beliau mengumumkan undang-undang tentera, dengan ber-justifikasi bahawa ia bertujuan untuk menghapuskan pergerakan komunis dan penentang Islam di negara itu. Beliau kemudian menggantung Perlembagaan, dan akhirnya menjadi seorang diktator yang memerintah keseluruhan negara.

Sejak waktu itu, Marcos telah memulakan pembunuhan beramai-ramai terhadap umat Islam, yang telah memulakan perjuangan menuntut kemerdekaan. **Kira-kira 50,000 orang Islam telah dibunuh dengan kejam, kemungkinan termasuk 10,000 orang wanita dan kanak-kanak.** Kumpulan penentang Islam bagi menjatuhkan Marcos telah dikelolakan oleh anak-anak muda yang mendapat latihan di Timur Tengah pada tahun 1960-an. Kemunculan secara tiba-tiba dan menyeluruh Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di bawah pimpinan Nur Misuari telah menumbangkan rejim Marcos. Berlaku pertempuran berdarah di antara kerajaan dan ahli-ahli MNLF.

Marcos telah menubuhkan unit-unit pengganas yang dilatih khas bagi menamatkan sokongan terhadap puak penentang dalam negaranya, terutama sekali MNLF. Kumpulan-kumpulan ini, paling kejam dipanggil Ilaga, telah melakukan tindakan-tindakan yang sangat mengerikan. Majalah berbahasa Turki *Nokta* telah menceritakan tentang perihal mereka di dalam sebuah artikel yang bertajuk “Kanibal Marcos”:

Encik Kassam telah dihentak. Beberapa cebisan-cebisan otak terkeluar dari tengkoraknya. Lelaki bersenjata yang lain berebut-rebut untuk mendapatkan cebisan-cebisan tersebut. Ahli-ahli kumpulan Ilaga berpendapat bahawa meminum

darah dan memakan daging musuh mampu membuatkan mereka kebal. Satu kekebalan yang dahsyat!... Ahli kumpulan Ilaga, yang ditubuhkan pada tahun 1970-an sewaktu kebangkitan Islam, telah mendera beribu-ribu umat Islam sehingga mati. Mereka percaya bahawa mereka mendapat kuasa yang sangat luar biasa dengan meminum darah dan memakan daging manusia yang telah mereka bunuh... Mereka akan menyerang kampung-kampung dan membunuh penduduk dengan kejam. Serangan-serangan itu kemudiannya berubah menjadi rampasan dan rompakan. Sebuah botol yang dipenuhi dengan telinga manusia telah ditemui di sebuah perkampungan Mindanao baru-baru ini, para pemiliknya masih belum lagi dikenal pasti.[63]

Perkampungan-perkampungan Islam telah dibakar sewaktu serangan tersebut, dan harta benda milik bangsa Moro dirompak. Namun hanya sedikit yang berubah apabila Marcos ditumbangkan dalam satu pemberontakan pada tahun 1986. Penggantinya, Corazon Aquino bercadang untuk menceroboh dan menghapuskan umat Islam dengan cara yang lain. Sewaktu pemerintahan Aquino, operasi ketenteraan dan pemberontakan telah diperkuatkan dan kerajaan secara terbuka mengisytiharkan peperangan menentang pergerakan-pergerakan Islam. “Polisi perang total” telah dilakukan oleh Presiden Aquino, yang mengakibatkan penyingkiran lebih sejuta rakyat Filipina. Bangunan-bangunan sekolah dan gereja digunakan sebagai tempat berlindung keluarga-keluarga yang melarikan diri.[64]

Penentangan ke atas umat Islam diteruskan selepas Aquino. Perhubungan kemudian menjadi baik buat beberapa ketika, sebelum ia menjadi tegang semula

apabila masjid-masjid dibom pada tahun 1994. Di sebaliknya, hakikat bahawa sebuah pertubuhan radikal dan prokeganasan yang menindas asas-asas Islam pada masa yang sama telah memburukkan lagi keadaan. Penyelesaian terhadap masalah di Filipina hanya dapat ditemui sekiranya Manila meninggalkan polisi-polisi lapuknya yang bersifat menindas. Manila juga mesti mengiktiraf hak-hak umat Islam di bahagian selatan, dan jika pergerakan-pergerakan teroris yang muncul dengan mendakwa mereka mewakili umat Islam tetapi sebenarnya hanya membawa kerosakan, dapat dihentikan dari terus berleluasa.

KEMBOJA, Kebencian Terhadap Islam Selama Bertahun-Tahun

Kemboja adalah sebuah negara yang kecil dan miskin di Asia, yang berada di antara India dan China, di sebuah kawasan yang dipanggil Indochina. Kebanyakan rakyatnya buta huruf dan selama berabad-abad bergantung kepada pertanian untuk meneruskan kehidupan. Elemen paling penting dalam pertanian ini ialah tanaman padi beras yang banyak terdapat di negara itu.

Majoriti masyarakatnya terdiri daripada bangsa Khmer, sebuah kumpulan etnik tertua di kawasan tersebut. Terdapat ramai juga minoriti Cina dan Budda di situ. Umat Islam juga membentuk sebuah minoriti yang lain.

Islam datang ke Kemboja melalui jalan laut, dibawa oleh pedagang dan pelayar Islam. Kebanyakan umat

Islam di Kemboja berasal dari Thailand, daripada sebuah kerajaan yang dimusnahkan dalam peperangan dan kebangkitan. Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1975, masih terdapat kira-kira 75 buah masjid yang bersejarah di negara ini.

Kita sudah pun mengkaji kebencian komunisme terhadap agama dan pembunuhan kejam yang dilakukan oleh komunis ke atas tanah penduduk Islam. Contohnya, rejim Maoist Khmer Rouge adalah rejim yang tersangat kejam di Kemboja. Ia mendapat kuasa melalui sokongan orang-orang Cina. Sewaktu rejim ini berkuasa, terdapat usaha-usaha untuk memisahkan umat Islam dari agama mereka sendiri.

Khmer Rouge adalah sebuah kumpulan komunis yang dibentuk dan dipimpin oleh Maoist yang digelar Pol Pot. Mereka menghabiskan masa bertahun-tahun di dalam hutan Kemboja sambil mengimpikan sebuah kekuasaan, dan akhirnya pada tahun 1975 ia menjadi kenyataan. Selepas menawan negara itu, mereka telah menubuhkan sebuah rejim yang kejam dan totalitarian (Pent: iaitu sistem pemerintahan yang memiliki sebuah parti politik sahaja), yang mana ia tidak pernah dilihat sebelum ini. Rejim Khmer Rouge memutuskan tugas utama komunis adalah untuk bekerja bermatia-matian di sawah padi, dan dengan itu memaksa keseluruhan masyarakat di negara tersebut berkerja untuk mereka. Berpuluh-puluh ribu rakyat yang hidup di bandar-bandar – ahli politik, pegawai kerajaan, guru dan golongan intelektual - telah dihantar ke perkampungan dan dipaksa berkerja dalam keadaan yang serba kekurangan.

Berehat sebentar semasa waktu berkerja, memakan hasil tuaian tanpa kebenaran walau sebahagian kecil sahaja, ataupun mengamalkan sebarang bentuk agama dianggap sebagai “aktiviti-aktiviti yang menentang

kerajaan," dan dengan itu pembunuhan pun bermula. Di antara tahun 1975 dan 1979, kawasan sawah padi telah bertukar menjadi sebuah "padang pembunuhan." Kira-kira 3 juta orang daripada populasi total seramai 9 juta orang telah dibunuh, sama ada ditembak, atau dikapak di kepala, atau dicekik, atau dibiarkan mati kelaparan.

Seperti disemua negara-negara komunis yang lain, polisi kejam yang menindas umat Islam telah diwujudkan. Perang telah diisytiharkan ke atas nilai-nilai keagamaan rakyat, dan rejim terbabit telah melakukan kezaliman dalam usaha mereka memalingkan rakyat dari agama yang dianuti. Beratus-ratus ribu umat Islam telah dibunuh. Statistik berikut sudah cukup untuk membuktikannya: Kira-kira 200,000 umat Islam hidup di Kemboja pada hari ini. Sebelum revolusi komunis, angkanya adalah 800,000 orang, iaitu umat Islam mewakili seramai 7 peratus dari keseluruhan populasi.

The Black Book of Communism telah menggambarkan kebuasan yang dilakukan oleh rejim Khmer Rouge ke atas umat Islam Cham:

Pada tahun 1973, masjid-masjid dirobohkan dan solat diharamkan di dalam zon bebas. Tindakan sedemikian menjadi lebih meluas selepas bulan Mei 1975. Al-Quran dikumpulkan dan dibakar, dan masjid-masjid sama ada telah ditukar menjadi bangunan lain atau diranapkan. 13 orang pembesar Islam telah dihukum pada bulan Jun, setengahnya kerana pergi bersolat dan tidak menghadiri penyatuan politik, yang lain pula kerana berkempen mendapatkan hak mengadakan majlis perkahwinan keagamaan. Ada lagi yang lebih dahsyat: kira-kira 1000 orang yang pergi mengerjakan haji ke Makkah, hanya 30 orang sahaja yang berjaya hidup. Tidak seperti rakyat

Kemboja yang lain, bangsa Cham sering memberontak, dan ramai di antara mereka yang mati dalam pembunuhan beramai-ramai dan serangan balas yang tercetus berikutan kebangkitan tersebut. Selepas pertengahan tahun 1978, rejim Khmer Rouge memulakan proses penghapusan sistematik ke atas masyarakat Cham, termasuklah wanita dan kanak-kanak... Ben Kiernan mengira bahawa kadar keseluruhan kematian di kalangan Cham ialah 50 peratus.[65]

Kira-kira 70 peratus umat Islam yang tinggal di ibu negaranya, Phnom Penh, telah meninggalkan negara ini disebabkan oleh kekejaman rejim Khmer Rouge dan terpaksa mencari perlindungan di negara-negara jiran seperti Thailand, Malaysia dan Laos. Apabila Vietnam menakluk Kemboja pada tahun 1979, kezaliman Khmer Rouge pun berakhir. Namun, penindasan ke atas umat Islam masih juga tidak reda. Kerajaan Vietnam yang disokong oleh Soviet, terus melakukan kekejaman ala Khmer Rouge. Mereka mengenakan polisi yang benar-benar menekan bagi menghapuskan Islam secara total. Beberapa tempat ibadah telah dimusnahkan dan tokoh-tokoh keagamaan telah dibunuh. Kebanyakan dari mereka telah diseksa dengan kejam di dalam penjara dan dijadikan buruh paksa.

Sehingga hari ini sekali pun, adalah menjadi satu kesalahan untuk menyebarkan Islam atau untuk berkomunikasi dengan rakyat Kemboja di negara-negara lain. Ibadah secara berjemaah diharamkan. Vietnam turut memusnahkan semua artifak-artifak bersejarah yang mereka temui. Ketika ini terdapat hanya 20 buah masjid kecil yang masih berdiri di Kemboja.

Hari ini, berpuluh-puluh ribu ketulan tulang manusia dan tengkorak mangsa bunuh rejim Khmer

Rouge dipamerkan di sebuah muzium di Phnom Penh. Seperti juga Chechnya dan Turkestan Timur, peristiwa di Kemboja telah mendedahkan kepada dunia wajah sebenar kezaliman komunis.

TANZANIA: Tekanan Tidak Dapat Menghentikan Kebangkitan Kesedaran Islam

Umat Islam tiba di Tanzania yang terletak tengah-tenggara Afrika melalui sub-benua India. Kesan daripada aktiviti-aktiviti dakwah, masyarakat tempatannya telah meninggalkan gaya hidup kafir dan lalu memeluk agama Islam. Agama Islam dianuti oleh kira-kira 120 buah suku kaum di Tanzania.

Walaupun lebih separuh daripada masyarakatnya beragama Islam (dalam 55 peratus), umat Islam masih dilayan seperti puak minoriti. Masyarakat Kristian yang menjadi minoriti memegang tampuk pemerintahan. Umat Islam mewakili lebih dari separuh populasi Tanzania, namun negara ini masih digambarkan sebagai separuh Kristian dan separuh "agama tempatan." 9 juta umat Islam sedang berhadapan dengan polisi sistematik Kritianisasi. Para pelajar sekolah menengah yang gagal mengamalkan ajaran Kristian akan disingkirkan. Dengan cara yang sama, badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Islam adalah dilarang, begitu juga dengan penyebaran Islam. Kerajaan juga turut mengharamkan bahasa Arab dan menunaikan haji. Walaupun kerajaan Tanzania melakukan polisi-polisi sedemikian, jumlah umat Islam di sana terus meningkat setiap hari.

Salah satu daripada polisi kerajaan yang bermatlamat untuk mengkristiankan masyarakat adalah dengan menubuhkan sistem kepercayaan Islam/Kristian di bawah nama Pergerakan Pembaharuan Islam. Rakyat adalah alat, dan sebagai sebahagian daripada polisi ini, mereka diberitahu supaya tidak perlu mengamalkan asas-asas Islam dengan begitu banyak. Mereka yang menentang kepercayaan yang mengelirukan ini akan dipenjara, atau dibunuh, atau dihalau keluar dari negara.

SRI LANKA, Terorisme yang Ditujukan Terhadap Umat Islam

Sri Lanka adalah sebuah negara kepulauan yang terletak di Lautan Hindi yang memiliki umat Islam seramai kira-kira 2.6 juta orang. Pihak gerila Tamil yang melancarkan peperangan menentang pemerintahan kadang-kala turut menyerang perkampungan Islam dan membunuh penduduk yang tidak bersalah. Dalam satu pembunuhan beramai-ramai terbaru yang berlaku di perkampungan Mawanella, ia telah dimusnahkan sama sekali pada 3 Mei 2001. Umat Islam Sri Lanka telah membina sebuah laman web bagi membolehkan suara mereka didengari oleh dunia luar, dan di dalamnya mereka cuba menggambarkan penderitaan yang sedang mereka alami seperti berikut:

...Kami umat Islam, secara asasnya, adalah sebuah masyarakat yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perdagangan, dengan perkembangan terkini kami menceburkan diri dalam pelbagai lapangan profesional. Sumbangan kami terhadap

pembangunan dan perkembangan Sri Lanka adalah sentiasa positif dan kami semenjak dahulu lagi telah membentuk pehubungan yang mesra dan rapat dengan semua komuniti yang tinggal bersama-sama kami.

Isu kumpulan pemisah Harimau Tamil telah mendatangkan kepayahan dan azab kepada ramai umat Islam yang tinggal di kawasan-kawasan yang terjejas di bahagian Utara dan Timur. Terkini, sebahagian kecil masyarakat Sinhalese turut mengangkat senjata bagi menentang umat Islam, menyerang perniagaan kami, masjid-masjid dan juga kehidupan peribadi kami

Kami adalah masyarakat minoriti yang mencari kehidupan dan mahukan kewujudan keamanan dalam setiap lapisan masyarakat, memastikan kami dibenarkan untuk hidup dengan agama kami dan mengekalkan pendirian sosial yang sudah dilakukan sejak dahulu lagi... Kami bukannya sebuah masyarakat yang sukakan perpecahan dan keganasan seperti Tamil. Kami tidak suka menentang dan menunjukkan permusuhan terhadap masyarakat-masyarakat yang lain**... Apa yang kami cari ialah kehidupan penuh sopan supaya kami dapat hidup aman dan selesa, meneruskan penyembahan kami terhadap Yang Maha Besar, menjalankan perniagaan dan profesion kami, dan mendidik serta membesarkan anak kami dengan cara yang mulia.**[66]

Petikan di atas adalah bersumberkan kesedaran umat Islam Sri Lanka. Namun selama bertahun-tahun mereka masih gagal mencapai keamanan dan keselamatan yang dicari-cari. Dalam serangan terbaru sebagai contoh, kumpulan yang bersifat perkauman Budda Sri Lanka telah mengumpulkan al-Quran dan buku-buku Islam lain, termasuklah koleksi yang sukar dicari, teks yang berabad-abad lamanya, dan membakar

kesemuanya di hadapan sebuah masjid. Dua buah masjid telah dibakar hangus dan lebih dari 90 peratus bangunan milik umat Islam telah dimusnahkan.

Ali Sahir Moulana, seorang ahli parlimen pembangkang yang beragama Islam memberitahu bahawa 3 buah masjid, 60 buah rumah, 80 buah kedai dan 2 stesen minyak milik umat Islam telah dibakar oleh kumpulan perusuh. Beliau turut mendakwa bahawa serangan-serangan tersebut dilakukan bertujuan untuk memusnahkan ekonomi umat Islam di Mawanella.

PATTANI, Kezaliman yang Tidak Berperikemanusiaan yang Dilakukan Ke Atas Umat Islam Thailand

Kawasan pergunungan dan perhutanan Pattani adalah yang terkaya di Thailand, dan ia menjadi sumber 35 peratus daripada keseluruhan eksport negara. Namun demikian, umat Islam Patani, yang membentuk kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan populasi seramai 55 juta orang, sedang ditekan dan ditindas sejak 200 tahun, dan kini sedang berhadapan dengan polisi *genocide*.

Penderitaan umat Islam Pattani yang pertama bermula pada tahun 1782 apabila Dinasti Rama mula berkuasa di Pattani. Dinasti ini memindahkan ibu negaranya ke Bangkok dan seterusnya mewujudkan sebuah sistem pentadbiran moden. Pada waktu itu, pergaduhan berlaku di antara umat Islam Pattani dan masyarakat tempatan yang dikenali sebagai orang-orang Siam, dan ia berlarutan selama beberapa hari. Banyak bandar-bandar Pattani yang habis dibakar, ibu pejabat

militarinya dimusnahkan, dan kira-kira 4,000 orang umat Islam Pattani dipenjarakan oleh Siam sepanjang tempoh berlakunya pergaduhan itu.

Siam dengan kejam mendera mereka yang dipenjarakan, membawa mereka ke Bangkok dengan mengikat di antara satu sama lain dengan tali yang yang dikenakan pada telinga dan kaki mereka dengan menggunakan jarum, dan memaksa mereka bekerja mengorek terowong tanpa diberikan sebarang peralatan dan perkakasan.[67] Sultan Pattani turut dibunuh dengan kejam oleh Siam. Thailand telah terbahagi kepada 7 kawasan selepas peperangan, dan Pattani dipaksa membayar cukai, dan berada selama 70 tahun yang berikutnya di bawah kawalan Siam. Umat Islam Pattani mendakwa bahawa mereka bukannya berbangsa Siam, dan mereka juga bukannya berbangsa Thailand, tetapi lebih kepada Indonesia dan Malaysia. Sebenarnya, mereka menggunakan Bahasa Melayu, iaitu bahasa umat Islam Malaysia. Walaupun bahasa tersebut telah ditulis dalam huruf Arab selama beratus-ratus tahun, mereka telah dipaksa untuk menggunakan huruf Roman oleh kerajaan Thailand.

Pada tahun 1909, Siam menganugerahkan kepada Pattani sesuatu yang kononnya dipanggil kemerdekaan, walaupun polisi menindas kerajaan Thailand tidak berubah sama sekali. Umat Islam Pattani bangkit bagi menuntut kemerdekaan sebenar selama berkali-kali, tetapi pasti dikalahkan dengan kejam sekali, lalu menyebabkan mereka berhijrah beramai-ramai ke Malaysia.

Para pemerintah Thai terus menjalankan polisi menekan dan asimilasi yang bertujuan untuk memadamkan identiti Islam Pattani. Tindakan yang pertama berlaku pada tahun 1932, apabila pertubuhan-pertubuhan

pendidikan Islam telah diharamkan dari menjalankan sebarang kegiatan. Polisi penghapusan yang lebih besar telah dimulakan pada tahun 1944, dan mengakibatkan umat Islam Pattani dan ahli keluarga mereka dibunuh dengan kejam oleh para penganut Budda. Pengamalan rukun-rukun Islam dilarang sama sekali, dan ajaran Budda mula disebarkan kepada masyarakat. Ajaran Buddhisme menjadi wajib di sekolah-sekolah, dan para pelajar Islam dipaksa mengamalkan ajaran-ajaran Budda.

Selama bertahun-tahun, para pemerintah Thailand telah melakukan pembunuhan beramai-ramai ke atas umat Islam Pattani. Pada tahun 1944, 125 buah keluarga Islam yang tinggal di Belukar Samak telah dibakar hidup-hidup. Polisi-polisi asimilasi yang dilaksanakan oleh Thailand dapat dilihat dan dirasai dalam setiap aspek kehidupan. Banyak menara-menara yang diruntuhkan di Pattani.

Sebagai sebahagian daripada polisi asimilasi ini, keseimbangan demografi di kawasan Pattani turut diubah apabila orang-orang Budda digalakkan supaya berpindah ke sana. **Patung Budda terbesar di Thailand telah ditegakkan di Pattani, dan umat Islam dipaksa supaya menyembahnya. Sesiapa yang enggan telah dibunuh atau dicampakkan ke Kota River.**

Pada masa yang sama, tempat perlindungan pejuang kebebasan Pattani telah diruntuhkan oleh kerajaan Thailand dan beratus-ratus rakyat Pattani yang tidak bersalah telah didera. Para ulama Islam yang terkenal telah mati di bawah keadaan yang sangat mencurigakan di pusat-pusat kesihatan milik kerajaan Thailand. Pembunuhan dan kehilangan yang tidak berkesudahan sudah menjadi darah daging kehidupan.

Perjuangan bagi mendapatkan kemerdekaan oleh

umat Islam Pattani, yang sedang mengalami penderitaan, bermula selepas Perang Dunia II dan berterusan sehingga ke hari ini.

KESIMPULAN

Era Kebangkitan Ummah; Zaman Keemasan

Di awal-awal bab buku ini, kita telah pun membincangkan tentang dunia Islam yang kucar-kacir dan konflik-konflik yang semakin meningkat. Kita telah lihat bagaimana rakyat yang tidak bersenjata berjuang untuk meneruskan kehidupan di celah-celah pertempuran bersenjata, penderitaan yang dialami di kem-kem pelarian, dan kesengsaraan yang dirasai oleh mereka yang dinafikan hak beragama. Para pembaca mungkin terkejut dengan kisah-kisah yang di-dedahkan ini. Seseorang yanga gagal berfikir sedalam-dalamnya mungkin akan melakukan kesilapan dengan menganggap adalah sesuatu yang sukar untuk mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan tersebut, dan juga menganggap apa sahaja yang dilakukan tidak akan membawa sebarang keputusan yang positif. Namun pada hakikatnya, ia berbeza sama sekali. Apa yang sedang berlaku adalah satu berita baik dan setiap inci perkara adalah **satu tanda kedatangan zaman penuh rahmat yang pernah diceritakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dengan kata lain ia adalah petanda kepada Akhir Zaman.**

Segala Peristiwa di Tanah Umat Islam Adalah Petanda Akhir Zaman

Konsep “Akhir Zaman” mungkin agak asing bagi sesetengah orang. Jadi adalah penting di sini untuk menerangkan secara ringkas tentangnya. Menurut Islam, Akhir Zaman adalah satu zaman yang hampir dengan Hari Kiamat, iaitu satu waktu yang mana ajaran al-Quran diamalkan di seluruh muka bumi ini. Keadaan persekitarannya akan dapat memuaskan hati semua pihak. Manusia hidup dengan aman dan selamat. Kemewahan, kekayaan dan keadilan akan menggantikan segala masalah yang pernah wujud dahulu. Segala masalah moral, penipuan dan kebejatan sosial akan lenyap. Ini adalah satu zaman yang meriangkan, yang telah dinanti buat sekian lama, apabila ajaran moral al-Quran mendominasi dunia.

Hadith (kata-kata) dari Nabi Muhammad s.a.w. telah menerangkan segala perkara tentang peristiwa Akhir Zaman. Ramai ulama-ulama Islam terkenal yang telah memberikan kenyataan berharga tentang perkara ini. Ini semua menandakan bahawa pertama sekali dunia akan melalui zaman yang penuh bencana dan huru-hara, lalu diikuti dengan satu zaman yang mana manusia mengamalkan ajaran Islam sebenar, satu zaman yang dipenuhi kemewahan, satu zaman yang mana kebaikan teknologi dapat dinikmati dengan sebaik-baiknya, suatu zaman kemajuan saintifik dan perubatan, suatu zaman kesenian yang agung.

Pada zaman-zaman awal Akhir Zaman, berlaku kerosakan kerana wujud sistem-sistem falsafah yang cuba menafikan kewujudan Allah. Manusia lari dari tujuan sebenar penciptaan mereka, lalu membawa kepada keruntuhan spirituil dan psikologi. Bencana yang maha dahsyat, seperti peperangan, konflik dan kebuluran, akan berlaku satu demi satu. Manusia meratap berharap agar itu semua dijauhkan dari mereka.

Perkara yang sama turut berlaku terhadap konflik-konflik yang terjadi di dunia Islam. Umat Islam yang cuba hidup bebas dengan mengamalkan Islam dan menurut segala rukun-rukunnya berhadapan dengan penindasan yang melampau-lampau. Wanita, kanak-kanak dan warga tua dibunuh dengan sekejam-kejamnya. Kuasa-kuasa anti-Islam yang melakukan keganasan ke atas umat Islam dan cuba menghalang penyatuan dunia Islam semakin meningkatkan lagi aras kezaliman mereka hari demi hari. Walaupun demikian, zaman penuh peperangan dan konflik ini tidak bertahan lama. **Allah telah berjanji akan melepaskan manusia dari kekacauan Akhir Zaman dan membawa mereka kepada satu zaman yang lebih menggembirakan.**

Zaman ini akan berlaku dengan kepulangan Nabi Isa a.s. Ini bermakna zaman kegelapan Islam akan pergi dan tibalah zaman kebangkitan ummah. Menurut hadith, zaman ini yang sebagai “zaman tanpa senjata,” dan keamanan akan memerintah bumi ini. Beberapa hadith dari Nabi s.a.w. berkenaan dengan berita baik di zaman baru itu adalah seperti berikut:

...kedengkian dan saling membenci akan diangkat (hilang)... Bumi akan dipenuhi keamanan seperti mana sebuah bekas yang diisi dengan air. ***(Sunan Ibnu Majah)***

Pertempuran akan meletakkan senjatanya ***(Sunan Ibnu Majah)***

Seperti yang telah diberitahu oleh hadith tersebut, sewaktu Zaman Keemasan, wujud sebuah ikatan yang baik di antara masyarakat yang berbagai-bagai, terutama sekali mereka yang pernah berkonflik, dan persaudaraan serta kasih sayang akan menggantikan konflik yang pernah berlaku.

Umat Islam Pernah Menghadapi Kesukaran yang Sama Dahulu

Sepanjang buku ini kita telah melihat banyak penerangan-penerangan terperinci tentang penderitaan yang berlaku di negara-negara Islam, termasuk pengeboman hospital bersalin di Chechnya, pembunuhan kejam ke atas wanita hamil di Bosnia, dan pembunuhan ke atas kanak-kanak kecil yang dilakukan oleh askar-askar Israel di Palestin. Namun harus diingat bahawa contoh yang serupa malah lebih teruk lagi pernah dirasai oleh masyarakat Islam di zaman dahulu. Para pemerintah ateis atau pun pemimpin terkenal dari pelbagai bangsa telah mendera utusan-utusan yang dihantar kepada mereka dan juga masyarakat yang beriman. Mereka telah mengusir rakyat yang tidak bersenjata dari tanah air mereka dan terus menindas mereka. Salah satu contoh paling jelas ialah Firaun. Sewaktu Firaun menikmati hidup yang penuh mewah, pemerintah Mesir purba ini telah menyebabkan penderitaan ke atas umat Islam di waktu itu, dengan kata lain ke atas kaum Bani Israel. Allah telah menggambarkan penderitaan kaum Bani Israel di dalam al-Quran:

Dan (ingatlah) ketika Kami menyelamatkan kamu dari (Firaun) dan para pengikutnya; mereka mengenakan seksaan berat ke atas kamu, mereka menyembelih anak-anak lelakimu dan membiarkan anak-anak perempuanmu hidup. Dan pada yang demikian itu ada ujian-ujian yang besar dari Tuhanmu. (Al-Baqarah, 2:49)

Satu rahsia penting telah diberitahu menerusi ayat ini: Kekejaman Firaun adalah untuk menguji keimanan seseorang. Dengan cara yang sama, Allah mahu menguji umat Islam pada hari ini dengan kekejaman yang sama. Ujian-ujian ini memerlukan usaha umat Islam untuk mendapatkan keredaan Allah di dunia ini dan juga syurga-Nya yang penuh dengan segala nikmat di Hari Akhirat nanti. Kenikmatan yang tidak terbatas di syurga adalah sebagai balasan ke atas orang-orang beriman yang telah hidup di dalam dunia yang sementara ini. Banyak masyarakat Islam yang telah mengalami kepayahan serupa di zaman dahulu, dan ia diuji lagi ke atas umat Islam hari ini. Allah telah menerangkannya seperti berikut:

Apakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum lagi datang kepadamu (ujian) sebagaimana halnya dengan orang-orang yang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa dengan malapetaka dan kesengsaraan, serta digoncangkan (dengan bermacam-macam ujian) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya: "Bilakah datang pertolongan Allah?" Ingatlah sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat. (Al-Baqarah, 2:214)

Seperti yang kita dapat lihat menerusi ayat ini, orang-orang beriman akan sentiasa diuji oleh Allah dengan kesusahan dan masalah, namun Allah sentiasa memberikan bantuan. Di samping itu, seperti yang diterangkan oleh ayat tersebut, pertolongan itu pasti datang segera.

Apabila Moral Islam Menguasai Dunia,
Kekejaman Akan Berakhir

Terdapat banyak ayat-ayat di dalam Al-Quran yang merujuk kepada dominasi Islam di serata dunia. Terdapat banyak persamaan di antara semua ini dengan apa yang telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. tentang Zaman Keemasan. Memandangkan zaman ini tidak datang di zaman kita, jelaslah bahawa dominasi Islam yang meluas yang diceritakan di dalam al-Quran sebenarnya merujuk kepada Akhir Zaman yang diberitahu oleh Nabi s.a.w. Di sini adalah beberapa contoh berkenaan dengan kekuatan dan kekuasaan yang diberikan terhadap mereka yang mengikut ajaran-ajaran al-Quran:

Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal soleh, bahawa Dia akan menjadikan mereka berkuasa di muka bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa, dan Dia pasti akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada di dalam ketakutan, menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barang siapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) ini maka mereka itulah orang-orang yang fasik. (An-Nuur, 24:55)

Allah telah menetapkan: “Aku dan rasul-rasul-Ku pasti menang.” Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa. (Al-Mujaadilah, 58:21)

Mereka mahu memadamkan cahaya (agama) Allah dengan mulut (ucapan-ucapan) mereka, dan Allah tetap menyempurnakan cahaya-Nya meskipun orang-orang kafir tidak menyukainya. Dialah yang mengutuskan rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar, agar Dia memenangkannya di atas segala-segala agama meskipun orang-orang musyrik tidak menyukainya. (Ash Shaff, 61:8-9)

Juga telah menjadi ketetapan Allah, yang telah diterangkan di dalam Al-Quran, bahawa mereka yang benar-benar percaya bahawa tiada tuhan selain Allah akan mewarisi bumi ini:

Dan sungguh telah Kami tulis dalam kitab Zabur sesudah (Kami tulis) dalam Lauh Mahfuz, bahawa bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba-Ku yang soleh. (Al-Anbiyaa’, 21:105)

Dan Kami pasti akan menempatkan kamu di negeri-negeri itu sesudah mereka. Yang demikian itu (adalah untuk) orang-orang yang takut (akan menghadap) ke hadirat-Ku dan yang takut kepada ancaman-Ku. Dan mereka memohon kemenangan (ke atas musuh-musuh mereka) dan binasalah orang-orang yang melakukan sesuka hati lagi keras kepala. (Ibrahim, 14:14-15)

Sebenarnya Kami melontarkan yang hak

kepada yang batil lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta-merta yang batil itu lenyap. Dan kecelakaanlah bagimu disebabkan kamu mencontohi (Allah dengan sifat-sifat yang tidak layak baginya). (Al-Anbiyaa', 21:18)

Kekayaan Yang Melimpah Ruah di Zaman Keemasan

Di samping kedamaian dan keselamatan, Zaman Keemasan juga adalah suatu zaman yang memiliki kekayaan yang melimpah ruah dari segi hasil keluaran dan barangan. Setiap insan akan menikmati lebih dari apa yang diingini, dan tidak wujud kelaparan dan kemiskinan. Orang-orang mukmin, dan mereka yang berusaha di jalan Allah, akan menerima segala kebaikan terhadap apa yang mereka usahakan, baik di dunia mahupun di akhirat. Kekayaan yang dapat dirasakan pada setiap masa adalah datang dari kemurahan Allah yang diberikan kepada mereka yang mengamalkan ajaran al-Quran. Segala amal kebaikan mereka akan dipulangkan dalam bentuk kekayaan yang melimpah-ruah. Di dalam satu ayat, Allah telah menggambarkan kemewahan yang akan dinikmati oleh orang-orang mukmin yang sedia mengorbankan harta benda mereka di jalan Allah:

Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh bulir, pada setiap bulir ada seratus biji. Allah melipat gandakan (ganjaran)

bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui. (Al-Baqarah, 2:261)

Banyak hadith-hadith yang menerangkan tentang masa tersebut yang mana kemewahan hasil keluarannya adalah tersangat banyak sehingga mereka tidak tahu hendak diberikan kepada siapa:

Sewaktu (zaman) itu, umatku akan hidup dengan selesa dan bebas yang tidak pernah mereka bayangkan. (Tanah) akan mengeluarkan hasil tanaman dan menumbuhkan apa sahaja dan harta benda ketika itu adalah melimpah-ruah. ***(Sunan Ibnu Majah)***

....Penduduk langit dan bumi akan berasa gembira. Bumi akan menumbuhkan apa sahaja, dan langit akan menurunkan hujan dengan selebat-lebatnya. Daripada segala kebaikan yang Allah anugerahkan kepada penduduk bumi, yang hidup akan berharap agar yang mati dapat hidup semula. ***(Yanabi' al-mawadda, Jilid 2, halaman 177)***

Bumi akan bertukar menjadi seperti dulang perak yang menumbuhkan sayur-sayuran...***(Sunan Ibnu Majah)***

Apabila ajaran al-Quran diamalkan, setiap lapisan masyarakat akan menikmati sebuah persekitaran yang adil, aman dan selamat. Kesannya, manusia akan berpaling dari kesalahan, kejahatan, penipuan dan maksiat. Hadith di bawah menerangkan tentang zaman yang penuh adil itu:

Bumi akan dipenuhi dengan kesaksamaan dan keadilan sepertimana ia pernah dipenuhi dengan penindasan dan kezaliman. ***(Riwayat Abu Daud)***

Hati-hati manusia akan dipenuhi dengan

ketaatan, dan keadilan wujud di mana-mana. ***(Bihar al-anwar, Jilid 51, halaman 74)***

Berita Baik Zaman Keemasan

Seperti yang telah diterangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w, zaman tersebut akan menjadi seperti sebuah syurga mini. Ia adalah satu rahmat dari Allah kepada manusia yang beriman. Zaman ini yang dipenuhi dengan kemewahan dan keselesaan, yang dirindui oleh umat Islam, akan menjadi satu balasan yang indah di dunia ini kepada mereka yang mengikuti jalan Allah. Semestinya umat Islam yang menyebarkan berita baik ini akan mendapat kemuliaan.

Namun, tanggungjawab beralih dari satu tangan ke satu tangan bersama-sama dengan kemuliaan tersebut. Memandangkan inilah Akhir Zaman, maka semua umat Islam mesti menjadi lebih matang dan berazam untuk melancarkan peperangan-peperangan idea dengan cara yang lebih berkesan dalam menyampaikan berita ini. Situasi umat Islam yang menderita hari demi hari mengingatkan kepada kita tentang tanggungjawab yang harus kita sempurnakan. Adalah mustahil untuk berdiam diri sewaktu mereka yang tidak bersalah dan tidak bersenjata, yang tidak dapat melakukan banyak perkara, menjadi sasaran peluru-peluru liar pembunuh upahan. Kita juga tidak boleh berdiam diri apabila berjuta-juta manusia hidup dalam keadaan kelaparan dan kemiskinan di kem-kem pelarian dan juga sewaktu sebahagian besar umat Islam sedang didera dan dilayan seperti binatang.

Adalah salah untuk berkata, “Tiada apa yang dapat saya lakukan tentangnya.” Harus diingat bahawa asas kepada kejahatan yang sedang menguasai dunia pada

hari ini terletak pada ateisme, dan semua orang boleh melancarkan perang ideologi untuk menentangnya. Memberitahu manusia tentang kewujudan Allah, belajar untuk takutkan-Nya, ingatkan manusia apa yang akan berlaku di Hari Pengadilan nanti dan memberitahu manusia tentang tujuan penciptaan mereka di dunia ini, adalah di antara langkah-langkah penting yang boleh diambil bagi menghentikan segala kejahatan. Jika keadilan, tolong-menolong, kasih-sayang, cinta, semangat berkorban dan saling memaafkan dapat menguasai dunia ini, maka pastilah sebuah dunia yang aman, selamat dan adil akan dapat dikecapi. Itu semua tidak dapat dirasai melainkan semua manusia yang berkesedaran melakukan tindakan proaktif bersama-sama.

Setiap usaha yang dilakukan mesti bertujuan untuk menghapuskan kesan-kesan buruk fahaman ateisme dan seterusnya menggantikannya dengan sesuatu yang lebih positif. Pada masa yang sama juga, ia akan dapat membantu umat Islam hari ini. Perjuangan ini, yang bersandarkan kepada kedamaian, kompromi dan kasih-sayang, akan menyebabkan mereka yang memiliki kesedaran melakukan tindakan dan mencegah mereka yang tidak bersalah dari terus menderita. Allah telah menceritakan tentang akibat akhir perjuangan tersebut:

Sebenarnya Kami melontarkan yang hak kepada yang batil, lalu yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta-merta yang batil itu lenyap. Dan kecelakaanlah bagimu kerana kamu mensifati (Allah dengan sifat-sifat yang tidak layak bagi-Nya). (Al-Anbiyaa’, 21:18)

Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah di

antara negara-negara yang sudah pun kita bincangkan tentang penderitaan yang mereka hadapi, kebanyakkan daripada mereka sebenarnya pernah menikmati satu zaman yang stabil dan aman suatu ketika dahulu, sewaktu berada di bawah panji pemerintahan Islam. Seperti yang telah lepas, umat Islam memainkan peranan penting dalam menubuhkan kedamaian dan keselamatan yang dirindui oleh manusia sejagat. Zaman yang berikutnya akan menjadi satu kesedaran besar kepada seluruh umat manusia.

Dengan izin Allah, zaman kebangkitan ummah yang ditunggu-tunggu selama ini sedang berada di dalam genggaman.

LAMPIRAN

Salah Faham Tentang Evolusi

Segala sesuatu yang wujud di alam ini merupakan ciptaan oleh yang maha
berkuasa. Sebaliknya, golongan materialis telah melakukan kesilapan yang tidak saintifik kerana cuba menafikan hakikat penciptaan alam semesta ini.

Apabila fahaman materialisme telah terbukti salah, maka segala falsafah yang bersandarkan kepada fahaman tersebut adalah tidak berasas sama sekali. Fahaman yang paling menonjol sekali adalah Darwinisme, iaitu suatu fahaman yang berkaitan dengan teori evolusi. Teori yang mengatakan bahawa semua benda hidup berasal daripada benda-benda tidak hidup secara kebetulan itu, telah pun ditolak dengan suatu pengiktirafan bahawa alam ini telah dicipta oleh Tuhan. Hugh Ross, seorang ahli astrofizik Amerika telah menjelaskan hal tersebut seperti berikut:

Ateisme, Darwinisme, dan segala 'isme' yang muncul daripada falsafah-falsafah abad ke-18 sehingga abad ke-20 telah didirikan di atas dasar tekaan semata-mata, suatu tekaan salah yang mengatakan bahawa alam ini adalah infiniti. Keajaiban telah membawa kita secara berdepan dengan sebab – atau penyebab – melampaui/terselindung/sebelum alam ini dan segala apa yang terkandung di dalamnya, termasuklah kehidupan itu sendiri.[68]

Ia sebenarnya adalah Tuhan yang telah menciptakan alam ini dan membentuknya dengan begitu

terperinci sekali. Oleh itu, amat mustahil untuk kita menerima teori evolusi yang mendakwa bahawa segala benda hidup tidak dicipta oleh Tuhan, sebaliknya telah tercipta secara kebetulan.

Oleh itu, tidaklah menjadi sesuatu yang memeranjatkan apabila kita melihat teori evolusi itu sendiri amat bertentangan dengan penemuan-penemuan sains semasa. Reka bentuk makhluk hidup adalah sangat kompleks dan begitu mengagumkan. Di dalam dunia benda-benda tidak hidup, kita dapat melihat betapa sensitifnya keseimbangan di antara atom-atom. Di dalam dunia benda-benda hidup pula, kita juga dapat melihat bagaimana atom-atom tersebut berinteraksi untuk membentuk suatu reka bentuk yang kompleks, dan mekanisme serta struktur yang dibentuk daripada mereka seperti protein, enzim, dan sel adalah terlalu menakjubkan.

Reka bentuk kehidupan yang amat menakjubkan itu telah menolak fahaman Darwinisme pada akhir abad ke-20.

Kami telah pun membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci di dalam kajian-kajian yang lain, dan kami akan terus melakukannya. Walau bagaimanapun, setelah menyedari betapa pentingnya perkara tersebut, kami berpendapat bahawa amatlah baik jika rumusan ringkas tentang teori evolusi turut diselitkan di dalam buku ini

Kejatuhan Saintifik Darwinisme

Walaupun doktrin tentang teori evolusi bermula sejak zaman Greek purba lagi, teori evolusi sebenarnya mula berkembang secara meluas pada abad ke-19. Buku Charles Darwin yang bertajuk *The Origin of Species* yang diterbitkan pada tahun 1859 telah menjadi sebab utama

perkembangan teori tersebut, yang akhirnya menjadikan teori tersebut popular di dalam dunia sains. Di dalam buku tersebut, Darwin telah menafikan bahawa kepelbagaian spesis yang hidup di muka bumi ini telah dicipta oleh Tuhan. Menurutnya, segala makhluk hidup hanya mempunyai satu nenek-moyang yang telah mengalami perubahan-perubahan kecil secara beransur-ansur mengikut peredaran masa.

Teori Darwin tidak disandarkan kepada sebarang penemuan saintifik yang konkrit; seperti mana yang diakui olehnya sendiri, ia sekadar satu 'tekaan'. Tambahan pula, Darwin telah mengaku menerusi satu bab panjang di dalam bukunya yang bertajuk *Difficulties of the Theory* (Kesukaran-kesukaran Teori), bahawa teori tersebut gagal menjawab pelbagai soalan-soalan kritikal.

Darwin meletakkan segala harapannya kepada penemuan-penemuan sains yang baru untuk menyelesaikan *Difficulties of the Theory.* Walau bagaimanapun, apa yang berlaku tidak seperti yang diharapkan kerana segala penemuan-penemuan saintifik hanya melebarkan lagi dimensi kesulitan tersebut.

Kekalahan Darwinisme kepada sains boleh dilihat menerusi tiga topik asas yang berikut:

1) Teori tersebut gagal menjelaskan bagaimana kehidupan bermula di bumi.

2) Tiada penemuan saintifik yang menunjukkan bahawa "mekanisme evolusi" yang dicadangkan oleh teori tersebut benar-benar berupaya untuk melakukan evolusi.

3) Rekod fosil dengan jelas menentang idea-idea teori evolusi.

Langkah Pertama yang Gagal Diatasi:

Asal-usul Kehidupan

Teori evolusi menganjurkan bahawa segala makhluk hidup yang wujud pada hari ini telah berevolusi daripada satu sel tunggal yang dikatakan wujud pada zaman primitif bumi kira-kira 3.8 bilion tahun yang lalu. Bagaimana satu sel tunggal dapat menghasilkan berjuta-juta spesis yang sangat kompleks, dan jika evolusi tersebut benar-benar berlaku, mengapa tiada kesan yang dapat dilihat pada rekod fosil? Inilah di antara soalan-soalan yang gagal di jawab oleh teori tersebut. Walau bagaimanapun, soalan pertama dan yang paling penting adalah tentang langkah pertama proses evolusi tersebut: Apakah asal-usul “sel pertama” itu?

Oleh kerana teori evolusi menafikan hakikat penciptaan dan tidak menerima sebarang campur tangan sebarang kuasa yang luar biasa, “sel pertama” turut dikatakan tercipta secara kebetulan mengikut hukum-hukum alam, tanpa sebarang bentuk, perancangan, dan susunan. Berdasarkan teori tersebut, benda-benda tidak hidup menghasilkan benda-benda hidup secara kebetulan. Bagaimanapun, dakwaan tersebut tidak konsisten dengan sebarang teori biologi yang tidak dapat disangkal sama sekali.

‘Kehidupan Muncul Daripada Kehidupan’

Di dalam bukunya, Darwin tidak pernah menyentuh tentang asal-usul kehidupan. Kefahaman sains yang agak primitif pada zamannya mengatakan bahawa makhluk hidup mempunyai struktur yang amat ringkas. Sejak zaman pertengahan lagi, teori generasi spontan yang mengatakan bahawa benda-benada hidup berasal daripada benda-benda tidak hidup telah diterima dengan meluas sekali. Sudah menjadi suatu kepercayaan bahawa

serangga muncul daripada makanan yang ditinggalkan, manakala tikus terbentuk daripada gandum. Pelbagai eksperimen yang menarik telah dijalankan untuk membuktikan kebenaran teori tersebut. Sedikit gandum telah diletakkan di atas helaian kain yang kotor, dan dipercayai bahawa tikus akan muncul daripada gandum tersebut selepas beberapa ketika.

Dengan cara yang serupa, cacing yang muncul daripada daging turut dianggap sebagai bukti generasi spontan. Walau bagaimanapun, hanya setelah beberapa lama barulah difahami bahawa cacing tidak muncul daripada daging secara spontan, sebaliknya dibawa oleh lalat dalam bentuk larva yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Ketika zaman Darwin menulis *The Origin of Species* sekali pun, kepercayaan bahawa bakteria terhasil daripada benda-benda tidak hidup masih diterima secara meluas dalam dunia sains.

Walau bagaimanapun, lima tahun selepas penerbitan buku Darwin, Louis Pastuer mengumumkan keputusan eksperimen dan kajiannya yang telah berjaya menyangkal teori generasi spontan yang menjadi batu asas teori Darwin. Di dalam satu syarahannya di Sorbonne pada tahun 1864, Pastuer berkata, *"Doktrin generasi spontan tidak akan dapat pulih kembali setelah disangkal hebat oleh eksperimen yang sangat ringkas ini."* [69]

Penyokong-penyokong teori Darwin menentang penemuan Pastuer untuk satu tempoh yang agak panjang. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan sains yang berjaya membongkar struktur sel yang sangat kompleks, idea yang mengatakan bahawa kehidupan wujud secara kebetulan semakin menemui jalan buntu.

Usaha yang Tidak Berkesimpulan Pada Abad ke-20

Ahli evolusi pertama yang mengkaji asal-usul kehidupan pada abad ke-20 adalah seorang ahli biologi Rusia yang bernama Alexander Oparin. Beliau cuba membuktikan bahawa sel hidup boleh terjadi secara kebetulan, dengan mengemukakan pelbagai tesis pada tahun 1930-an. Kajian-kajian tersebut walau bagaimanapun telah menemui kegagalan, dan Oparin terpaksa membuat pengakuan: "Malangnya, masalah tentang asal-usul sel mungkin merupakan titik paling kabur di dalam kajian tentang evolusi organisma."[70]

Ahli evolusi selepas Oparin terus dan terus mencuba menjalankan eksperimen demi eksperimen untuk menyelasaikan masalah tentang asal-usul kehidupan. Stanley Miller, seorang ahli kimia Amerika telah menjalankan satu eksperimen yang sangat terkenal pada tahun 1953. Dengan mencampurkan gas-gas yang didakwanya wujud di dalam atmosfera zaman awal bumi di dalam eksperimennya, dan kemudian menambahkan tenaga ke dalam campuran tersebut, Miller telah mensintesis beberapa molekul-molekul organik (asid amino) yang hadir di dalam struktur protein.

Eksperimen tersebut terbukti salah hanya beberapa tahun selepas eksperimen yang dikatakan menjadi titik penting dalam kajian evolusi itu dijalankan. Ini kerana keadaan atmosfera yang digunakan dalam eksperimen tersebut adalah berbeza sama sekali dengan keadaan sebenar zaman awal bumi.[71]

Selepas membisu sekian lama, Miller akhirnya mengakui bahawa keadaan atmosfera yang digunakannya adalah tidak realistik.[72]

Segala usaha ahli evolusi abad ke-20 untuk menerangkan asal-usul kehidupan telah berakhir dengan

kegagalan. Ahli geokimia, Jeffrey Bada daripada San Diego 5Scripps Institute telah menerima hakikat tersebut di dalam satu artikel yang disiarkan di dalam *Earth Magazine* pada tahun 1998:

Pada hari ini sedang kita meninggalkan abad ke-20, kita masih berhadapan dengan masalah paling besar yang tidak dapat diselesaikan seperti mana yang telah kita jumpa apabila memasuki abad ke-20: Bagaimana kehidupan bermula di bumi?[73]

Struktur Kehidupan yang Kompleks

Sebab utama mengapa teori evolusi menemui jalan buntu tentang asal-usul kehidupan adalah kerana organisma yang paling ringkas sekalipun mempunyai struktur kompleks yang sangat menakjubkan. Sel hidup adalah lebih kompleks daripada sebarang produk teknologi yang dihasilkan oleh manusia. Hari ini, walaupun di dalam makmal yang paling canggih sekali pun, sel hidup masih tidak dapat disintesis daripada bahan-bahan bukan organik.

Keadaan-keadaan yang diperlukan untuk pembentukan satu sel adalah amat mustahil untuk diterangkan secara kebetulan. Kebarangkalian untuk protein, blok pembina sel, tercipta secara kebetulan, adalah 1 dalam 10^{950} untuk satu rangkaian protein yang secara purata terdiri daripada 500 asid amino. Di dalam matematik, kebarangkalian yang lebih kecil daripada 1 dalam 10^{50} secara praktikal dianggap mustahil.

Molekul DNA yang terletak di dalam nukleus dan menyimpan maklumat genetik merupakan gedung data yang sangat menakjubkan. Jika informasi yang tersimpan di dalam DNA dikira dan seterusnya ditulis, ia akan memerlukan satu perpustakaan besar yang mempunyai 900 jilid ensiklopedia yang setiap satu setebal 500 muka

surat.

Satu dilema yang menarik muncul di sini: DNA hanya boleh bereplikasi (berganda) dengan bantuan sesetengah protein khas (enzim). Walau bagaimanapun, enzim tersebut hanya dapat dihasilkan daripada maklumat yang tersimpan di dalam DNA. Memandangkan mereka saling bergantung di antara satu sama lain, maka mereka semestinya wujud dalam masa yang sama untuk membolehkan replikasi berlaku. Ini membawa kepada kebuntuan senario yang mengatakan kehidupan terjadi dengan sendirinya. Prof. Leslie Orgel, seorang ahli evolusi yang mempunyai nama baik di University of San Diego, California, telah mengakui hakikat tersebut di dalam majalah *Scientific American* keluaran September 1994:

Adalah sesuatu yang sangat mustahil bagi protein dan asid nukleik, yang kedua-duanya mempunyai struktur yang sangat kompleks, terhasil dengan sendirinya di tempat dan masa yang sama. Namun, ia juga kelihatan mustahil untuk salah satu wujud tanpa yang satu lagi. Dan juga, secara sepintas lalu, seseorang boleh menyimpulkan bahawa kehidupan sebenarnya, tidak boleh wujud daripada tindak balas kimia.[74]

Tidak ragu lagi, jika kehidupan mustahil berasal daripada sebab-sebab semula jadi, maka haruslah diterima bahawa kehidupan telah ‘dicipta’ dengan cara yang sangat luar biasa. Hakikat ini terang-terangan menolak teori evolusi, yang tujuan utamanya adalah untuk menafikan hakikat penciptaan.

Mekanisme Khayalan Evolusi

Poin kedua terpenting yang menyangkal teori Darwin adalah “mekanisme evolusi” yang dicadangkan

oleh teori tersebut, telah difahami bahawa tidak mempunyai sebarang daya penggerak evolusi.

Darwin menyandarkan kesuluruhan idea evolusinya kepada mekanisme *natural selection* (pemilihan semula jadi). Kepentingan mekanisme tersebut kepada teori evolusi dapat dibuktikan menerusi bukunya: *The Origin of Species, By Means of Natural Selection... Natural selection* mengatakan bahawa makhluk-makhluk hidup yang lebih kuat dan lebih sesuai kepada keadaan persekitaran tempat tinggal mereka akan terselamat di dalam perjuangan untuk meneruskan kehidupan. Sebagai contoh, apabila kawanan rusa diserang oleh haiwan liar, hanya yang dapat berlari laju akan terselamat. Maka, kawanan rusa akan terdiri daripada individu-individu yang lebih pantas dan lebih kuat. Bagaimanapun, apa yang menjadi persoalan ialah, mekanisme tersebut tidak menyebabkan rusa-rusa tersebut berevolusi dan seterusnya berubah kepada suatu spesis yang lain, misalnya kuda.

Oleh itu, mekanisme pemilihan semula jadi tidak mempunyai sebarang daya evolusi. Darwin turut menyedari akan hal tersebut dan telah menyatakan di dalam buku *The Origin of Species*:

“Natural selection” tidak dapat melakukan apa-apa sehinggalah perbezaan atau variasi individu yang baik berlaku.[75]

Kesan Lamarck

Jadi, bagaimanakah ‘variasi baik’ ataupun *favourable variations* dapat berlaku? Darwin cuba menjawab persoalan tersebut bersandarkan pendirian sains yang primitif pada zamannya. Berdasarkan pendapat ahli biologi Perancis, Lamarck, yang hidup sebelum Darwin, makhluk hidup mewariskan sifat-sifat

yang dimiliki semasa hayat mereka kepada generasi seterusnya dan sifat-sifat ini, berkumpul dari satu generasi ke satu generasi, dan seterusnya menyebabkan spesis yang baru terbentuk. Sebagai contoh, berdasarkan kepada Lamarck, zirafah berevolusi daripada antelop; apabila mereka berusaha untuk memakan pucuk-pucuk yang lebih tinggi, leher mereka menjadi semakin panjang dari satu generasi ke satu generasi.

Darwin turut memberi contoh-contoh yang serupa, dan di dalam bukunya *The Origin of Species*, sebagai contoh, beliau mengatakan bahawa beruang yang mencari makanan di dalam air telah bertukar menjadi paus secara beransur-ansur.[76]

Walau bagaimanapun, hukum pewarisan (laws of inheritance) yang ditemui oleh Mendel dan telah pun disahkan benar oleh sains genetik yang mula berkembang pada abad ke-20, dengan jelas telah menyangkal legenda yang mengatakan sifat-sifat yang dimiliki diperturunkan kepada generasi yang berikutnya. Oleh itu, sepertimana mekanisme evolusi, *natural selection* juga turut menemui kegagalan.

Neo-Darwinisme dan Mutasi

Dalam usaha mencari jawapan, ahli-ahli Darwin telah mengemukakan 'Teori Sintetik Moden', atau pun lebih dikenali sebagai Neo-Darwinisme, pada penghujung tahun 1930-an. Mutasi telah ditambah di dalam Neo-Darwinisme sebagai 'penyebab variasi baik' sebagai tambahan kepada mutasi semula jadi. Mutasi merupakan kecacatan genetik yang berlaku kepada makhluk hidup disebabkan oleh faktor-faktor luaran seperti radiasi atau pun kesilapan semasa proses replikasi.

Pada hari ini, Neo-Darwinisme adalah model yang

menjadi tulang belakang kepada teori evolusi. Teori tersebut masih menganggap bahawa jutaan makhluk hidup yang wujud di bumi terhasil daripada suatu proses, yang mana pelbagai organ-organ organisma yang kompleks seperti mata, telinga, paru-paru, dan kepak telah mengalami mutasi, iaitu sejenis kecacatan genetik. Namun, fakta saintifik yang lebih tepat telah menyangkal teori tersebut: Mutasi tidak menyebabkan makhluk hidup menjadi lebih sempurna; sebaliknya mutasi hanya membawa kemusnahan kepada mereka.

Sebabnya mudah sahaja: DNA mempunyai struktur yang tersangat kompleks dan kesan rawak yang berlaku ke atasnya akan membawa kepada kerosakan. Ahli genetik Amerika, B.G. Ranganathan telah menerangkan seperti berikut:

Pertama, mutasi asli jarang berlaku di dalam alam ini. Kedua, kebanyakan mutasi membawa bahaya kerana ia melibatkan perubahan rawak, dan tidak membawa kepada perubahan yang lebih tersusun di dalam struktur genetik; sebarang perubahan rawak di dalam satu sistem yang tersusun sempurna akan menjadikan keadaan lebih teruk, dan bukannya lebih baik. Sebagai contoh, jika gempa bumi mengegarkan satu sistem yang tersusun sempurna seperti bangunan, sebarang perubahan rawak yang berlaku ke atas rangka bangunan tersebut tidak akan menjadikannya lebih sempurna, di dalam setiap kebarangkalian.[77]

Tidaklah mengejutkan bahawa tiada contoh mutasi yang membawa kebaikan, yang boleh menyempurnakan lagi kod genetik, yang dapat diperhatikan setakat ini. Semua mutasi telah terbukti membawa kepada keburukan. Telah difahami bahawa mutasi yang dikatakan menjadi mekanisme evolusi, sebenarnya

merupakan kejadian genetik yang membawa keburukan kepada makhluk hidup, dan seterusnya membawa kepada kecacatan. (Kesan lazim mutasi ke atas manusia ialah kanser). Tanpa ragu lagi, mekanisme pemusnah tersebut tidak boleh menjadi “mekanisme evolusi”. *Natural selection* pula sebaliknya, ‘tidak dapat melakukan apa-apa dengan sendirinya’, seperti mana yang telah diakui oleh Darwin sendiri. Fakta ini telah menunjukkan kepada kita bahawa tiada “mekanisme evolusi” yang wujud di alam ini. Memandangkan tiada mekanisme evolusi yang wujud, maka proses imaginasi yang dipanggil evolusi itu juga mustahil untuk berlaku.

Rekod Fosil: Tiada Bentuk Perantara

Rekod fosil menjadi bukti penting yang menunjukkan bahawa senario yang dicadangkan oleh teori evolusi sebenarnya tidak berlaku.

Berdasarkan teori evolusi, setiap makhluk yang hidup berasal daripada satu nenek-moyang. Spesis yang wujud sebelum ini telah bertukar menjadi sesuatu yang lain mengikut peredaran masa dan semua spesis wujud dengan cara ini. Berdasarkan teori tersebut, proses transformasi ini telah berlaku secara beransur-ansur sejak berjuta-juta tahun.

Jika ia benar-benar berlaku, pelbagai spesis perantara pasti pernah wujud dan hidup di dalam period transformasi ini.

Sebagai contoh, haiwan separuh-ikan/separuh-reptilia yang memiliki sifat-sifat reptilia sebagai tambahan kepada sifat-sifat ikan yang sudah sedia ada pasti pernah wujud suatu ketika dahulu. Ataupun, beberapa haiwan reptilia-burung yang memiliki sifat-sifat burung sebagai tambahan kepada sifat-sifat reptilia yang sudah sedia ada pasti pernah wujud juga.

Memandangkan spesis tersebut masih di dalam fasa peralihan, maka mereka merupakan makhluk yang lumpuh, cacat, dan pincang. Ahli evolusi merujuk makhluk khayalan yang dipercayai wujud suatu ketika dahulu sebagai “bentuk transisi” ataupun “transitional forms.”

Jika haiwan-haiwan tersebut pernah benar-benar wujud, sudah pasti ada berjuta malah berbilion-bilion bilangan dan bentuk-bentuk mereka. Apa yang lebih penting, tinggalan makhluk-makhluk ganjil tersebut pasti terdapat di dalam rekod-rekod fosil. Darwin telah menerangkan di dalam *The Origin of Species*:

Jika teori saya benar, pelbagai bentuk peralihan yang tidak terkira banyaknya, yang menghubungkan semua spesis daripada kumpulan-kumpulan yang sama bersama-sama, pasti wujud... Oleh itu, bukti kewujudan mereka hanya dapat diperolehi melalui tinggalan fosil.[78]

Harapan Darwin Berkecai

Namun demikian, walaupun ahli evolusi telah berusaha gigih untuk mencari fosil-fosil semenjak abad ke-19 lagi di serata dunia, bentuk transisi masih tidak dapat ditemui. Semua fosil yang ditemui dalam proses penggalian berbeza daripada jangkaan ahli-ahli evolusi. Kehidupan bermula di bumi secara tiba-tiba dan dalam bentuk yang serba sempurna.

Ahli paleontologi termasyhur British, Derek V. Ager, telah mengakui hakikat tersebut, walaupun dia sendiri seorang ahli evolusi:

Poin yang muncul apabila kita mengkaji rekod fosil secara terperinci, sama ada pada tahap susunannya atau spesis, kita menemukan bahawa – lagi dan lagi – evolusi secara beransur-ansur tidak berlaku, sebaliknya mereka terjadi secara tiba-tiba

tanpa melibatkan yang lain.[79]

Ini bermakna bahawa daripada rekod fosil, semua spesis hidup muncul secara tiba-tiba di dalam bentuk yang sempurna, tanpa mempunyai sebarang bentuk peralihan. Ini amat berlawanan dengan tekaan Darwin. Juga, ia menjadi satu bukti kukuh bahawa semua makhluk hidup telah dicipta. Satu-satunya penerangan tentang bagaimana spesis hidup secara tiba-tiba muncul dalam keadaan yang serba lengkap tanpa berevolusi daripada sebarang nenek-moyang ialah spesis-spesis tersebut sebenarnya telah dicipta. Hakikat ini telah diperakui benar oleh seolah ahli evolusi biologi yang terkenal iaitu Douglas Futuyama:

Penciptaan dan evolusi, di antara mereka, telah merumitkan penerangan-penerangan mungkin tentang asal-usul kehidupan. Organisma muncul di bumi sama ada dalam bentuk yang serba sempurna atau pun sebaliknya. Jika sebaliknya, mereka pasti berasal daripada spesis yang telah sedia wujud dengan melalui beberapa proses modifikasi. Jika mereka muncul dalam keadaan yang serba sempurna, mereka sudah pasti dicipta oleh satu kebijaksanaan yang sangat berkuasa.[80]

Fosil menunjukkan bahawa makhluk hidup muncul dalam keadaan yang serba lengkap dan sempurna. Ini bermakna bahawa “asal-usul spesis” adalah berbeza daripada sangkaan Darwin, iaitu ia tidak melalui proses evolusi sebaliknya melalui penciptaan.

Kisah Evolusi Manusia

Perkara yang sering dibincangkan oleh para penyokong teori evolusi adalah berkenaan tentang asal-usul manusia. Ahli-ahli Darwin mengatakan bahawa manusia moden pada hari ini berevolusi daripada

beberapa jenis makhluk yang seperti beruk. Sepanjang proses evolusi ini, yang dianggarkan bermula kira-kira 4-5 juta tahun yang dahulu, beberapa "bentuk transisi" di antara manusia moden dan nenek-moyangnya telah didakwa wujud. Berdasarkan kepada senario yang khayalan semata-mata ini, empat "kategori" asas telah disenaraikan:

1) Australopithecus
2) Homo habilis
3) Homo erectus
4) Homo sapiens

Ahli evolusi memanggil makhluk seperti beruk yang kononnya merupakan nenek-moyang manusia yang pertama sebagai "*Australopithecus*" yang bermaksud "Beruk Afrika Selatan". Makhluk hidup itu sebenarnya merupakan spesis beruk lama yang telah pun pupus. Kajian meluas telah dilakukan ke atas spesimen-spesimen *Australopithecus* oleh dua orang ahli anatomi terkenal dari England dan Amerika, yang bernama, Lord Solly Zuckerman dan Prof. Charles Oxnard, menunjukkan bahawa spesimen-spesimen tersebut adalah berasal daripada spesis beruk biasa yang telah pupus dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan manusia.[81]

Ahli evolusi mengelaskan tahap seterusnya di dalam evolusi manusia sebagai "homo" yang bermaksud "manusia". Berdasarkan kepada hujah ahli evolusi, makhluk hidup di dalam siri Homo adalah lebih maju daripada *Australopithecus.* Ahli evolusi telah membina satu skema evolusi yang fantasi dengan menyusun fosil-fosil makhluk-makhluk tersebut di dalam susunan-susunan yang tertentu. Skema ini adalah satu khayalan semata-mata kerana ia tidak pernah membuktikan hubungan evolusi di antara makhluk-makhluk tersebut yang datang dari kelas-kelas yang berbeza. Ernst Mayr,

salah seorang penyokong teori evolusi dalam abad ke-21, telah berhujah di dalam bukunya *One Long Argument* bahawa *"teka-teki bersejarah seperti asal-usul kehidupan atau Homo sapiens, adalah sangat rumit dan mungkin bertentangan dengan penerangan akhir yang memuaskan."* [82]

Dengan merumuskan kunci perhubungan sebagai "*Australopithecus > Homo habilis > Homo erectus > Homo sapiens,*" ahli evolusi menyimpulkan bahawa setiap spesis-spesis tersebut adalah nenek-moyang bagi setiap yang lain. Walau bagaimanapun, penemuan terkini oleh ahli paleoantropologi mendedahkan bahawa *Australopithecus, Homo habilis* dan *Homo erectus* telah hidup di tempat-tempat yang berasingan pada masa yang sama.[83]

Tambahan pula, sesetengah segmen manusia yang diklasifikasikan sebagai *Homo erectus* masih hidup sehingga zaman moden. Homo *sapiens neandarthalensis* dan *Homo sapiens sapiens* (manusia moden) telah wujud serentak di kawasan yang sama.[84]

Situasi ini jelas sekali dapat menolak dakwaan yang mengatakan mereka merupakan nenek-moyang di antara satu sama lain. Seorang ahli palaeontologi dari Universiti Harvard, Stephen Jay Gould, telah menerangkan tentang kebuntuan teori evolusi, walau pun dia sendiri merupakan seorang ahli evolusi:

Apakah yang telah menjadi susur galur kita jika tiga keturunan "hominids" (A. Africanus, the robust australopithecines, dan H. Habilis) wujud dengan serentak, yang mana jelas membuktikan mereka tidak berasal daripada satu sama lain? Tambahan pula, tiada satu pun daripada mereka yang menunjukkan trend evolusi sepanjang mereka hidup di muka bumi.[85]

Senario evolusi manusia yang cuba disokong dengan pelbagai jenis lukisan makhluk “separuh beruk, separuh manusia” yang dipaparkan di dalam media dan buku-buku hanyalah satu propaganda. Ia hanya satu cerita yang tidak mempunyai asas-asas saintifik langsung.

Lord Solly Zuckerman, seorang saintis yang terkenal dan dihormati di United Kingdom, yang telah menjalankan penyelidikan tentang perkara tersebut, dan juga kajian khusus ke atas fosil-fosil *Australopithecus* selama 15 tahun, akhirnya merumuskan bahawa tiada famili yang berasal daripada makhluk seperti beruk kepada manusia, walaupun dia sendiri seorang ahli evolusi.

Zuckerman turut mencipta satu “spektrum sains” yang agak menarik. Beliau telah membentuk spektrum sains yang mempunyai julat daripada perkara yang saintifik sehinggalah kepada perkara yang dianggapnya sebagai tidak saintifik. Berdasarkan spektrum tersebut, yang paling “saintifik” – iaitu yang bersandarkan kepada data yang konkrit – adalah lapangan sains yang melibatkan kimia dan fizik. Kemudian diikuti oleh sains biologi dan seterusnya sains sosial. Pada penghujung spektrum, iaitu bahagian yang dianggapnya sebagai paling “tidak saintifik”, ialah tentang “*extra-sensory perception*” ataupun “persepsi melampaui deria” – iaitu konsep-konsep seperti telepati dan deria keenam – dan akhir sekali barulah “evolusi manusia”. Zuckerman menerangkan sebabnya:

Kita kemudian bergerak daripada suatu kebenaran yang objektif kepada lapangan yang dianggap sebagai sains biologi, seperti persepsi melampaui deria atau pun interpretasi ke atas sejarah fosil manusia, di mana bagi ahli evolusi

segalanya mungkin – dan di mana ahli evolusi yang fanatik kadang-kadang boleh mempercayai perkara-perkara yang saling bertentangan pada masa yang sama.[86]

Kisah tentang evolusi manusia tidak membawa sebarang faedah melainkan interpretasi prejudis ke atas beberapa fosil yang berjaya digali keluar oleh mereka yang secara membabi-buta mempercayai bulat-bulat teori tersebut.

Teknologi Mata dan Telinga

Pekara lain yang masih gagal dijawab oleh teori evolusi adalah berkenaan dengan kejituan kualiti persepsi oleh mata dan telinga.

Sebelum membincangkan lebih jauh lagi tentang mata, mari kita menjawab soalan "bagaimana kita melihat". Sinar cahaya yang datang daripada objek jatuh di atas retina dalam keadaan songsang. Di sini, sinar cahaya tersebut akan ditransmisikan dalam bentuk signal elektrik oleh sel-sel dan kemudiannya sampai pada satu titik kecil yang terletak di bahagian belakang otak, iaitu pusat penglihatan. Signal elektrik tersebut akan dirasa di bahagian ini dalam bentuk imej setelah melalui proses-proses tertentu. Dengan sedikit latar belakang teknikal tersebut, mari kita berfikir sejenak.

Otak kalis kepada cahaya. Ini bermakna keadaan di dalam otak kita adalah gelap pekat, dan cahaya tidak dapat sampai ke tempat di mana otak terletak. Tempat yang dipanggil pusat penglihatan adalah satu tempat yang sangat gelap yang mana cahaya tidak pernah sampai di situ; ia mungkin tempat paling gelap yang pernah anda ketahui. Namun demikian, anda dapat menyaksikan dunia yang indah dan mempesonakan menerusinya.

Imej yang terbentuk di dalam mata adalah sangat tajam dan jelas, sehingga teknologi abad ke-20 sekalipun masih tidak dapat menandingi keunggulannya. Sebagai contoh, lihatlah buku yang sedang anda baca, tangan yang sedang memegangnya, kemudian palingkan kepala anda dan lihat kawasan persekitaran. Pernahkah anda melihat imej seperti itu yang sangat tajam dan jelas di tempat-tempat lain? Sehinggakan skrin televisyen paling canggih yang dihasilkan oleh pengeluar televisyen paling ternama di dunia ini sekalipun masih tidak dapat memberikan imej yang jelas kepada anda. Mata memberikan imej tiga dimensi, berwarna, dan imej yang sangat nyata dan jelas. Selama lebih 100 tahun, ribuan jurutera telah mencuba untuk mencapai ketajaman imej seperti yang dihasilkan oleh mata. Kilang-kilang premis-premis gergasi telah dijalankan, kajian-kajian, perancangan dan reka bentuk telah dilakukan, demi mencapai hasrat tersebut. Sekali lagi, lihat pada skrin TV dan buku yang sedang anda pegang. Anda akan dapat melihat jurang perbezaan dari segi ketajaman dan kejelasan. Tambahan lagi, skrin TV hanya memaparkan imej dua dimensi, sedangkan mata memberikan imej tiga dimensi yang mempunyai perspektif yang lebih luas.

Selama beberapa tahun, ribuan jurutera telah berusaha untuk mencipta televisyen tiga dimensi, dan seterusnya dapat mencapai kualiti penglihatan mata. Ya, mereka berjaya mencipta sistem televisyen tiga dimensi, tetapi mustahil untuk menontonnya tanpa meletakkan skrin kaca padanya; tambahan pula, ia hanya visual tiga dimensi buatan. Latar belakangnya adalah lebih kabur, dan latar depannya pula kelihatan seperti dibuat di atas kertas. Ia juga mustahil untuk menghasilkan imej yang nyata dan jelas seperti mata. Di dalam kamera dan televisyen, kualiti imej pasti terjejas.

Ahli evolusi mendakwa mekanisme yang menghasilkan imej yang nyata dan jelas tersebut telah terjadi secara kebetulan. Sekarang, apa akan anda fikir, jika ada seseorang memberitahu bahawa televisyen yang terdapat di dalam bilik anda telah terhasil secara kebetulan, yang mana atom-atom yang membentuknya berkumpul bersama-sama dan membolehkan alat tersebut menghasilkan imej? Bagaimana atom-atom tersebut dapat melakukan sesuatu yang mana ribuan manusia tidak dapat melakukannya?

Jika alat yang menghasilkan imej yang lebih rendah mutunya berbanding mata tidak dapat tercipta secara kebetulan, maka sudah tentulah mata dan imej yang dihasilkannya juga tidak dapat terhasil secara kebetulan. Situasi yang sama juga berlaku pada telinga. Bahagian luar telinga, iaitu aurikel menerima bunyi dan memindahkannya ke bahagian tengah telinga; bahagian tengah telinga menghantar getaran bunyi dengan menambahkan lagi keamatannya; bahagian dalam telinga menghantar getaran ini ke otak dalam bentuk signal elektrik. Seperti juga mata, mekanisme pendengaran turut berakhir di otak.

Situasi di dalam mata juga turut berlaku di dalam telinga. Otak turut kalis bunyi seperti mana ia kalis kepada cahaya; ia tidak membenarkan sebarang bunyi melaluinya. Oleh itu, tidak kira berapa bisingnya keadaan di luar, keadaan di dalam otak adalah senyap-sunyi. Namun demikian, bunyi yang sangat jelas dapat dirasa oleh otak. Di dalam otak anda yang kalis dari sebarang bunyi, anda dapat mendengar simfoni orkestra, dan mendengar segala kebisingan di suatu tempat yang penuh sesak. Walau bagaimanapun, jika tahap bunyi di dalam otak anda diukur dengan menggunakan satu alat yang jitu pada ketika itu, hanya suatu kesunyian yang

dapat dikesan di situ.

Seperti dalam kes penghasilan imej, usaha yang berdekad-dekad telah dilakukan untuk menghasilkan kualiti bunyi yang asli. Akhirnya terciptalah perakam suara, sistem HI-FI, dan sistem pengesan bunyi. Biar pun dengan kemunculan teknologi-teknologi tersebut dan usaha berterusan yang dilakukan oleh ribuan jurutera dan pakar dalam bidang tersebut, bunyi yang mempunyai ketajaman dan kejelasan seperti yang di rasa oleh telinga masih tidak dapat dihasilkan. Fikirkan tentang sistem HI-FI yang mempunyai kualiti paling baik, yang dihasilkan oleh syarikat gergasi di dalam industri muzik. Walau secanggih manapun ia, bunyi yang dirakamkan pasti akan hilang sedikit; atau pun apabila anda membuka HI-FI, bunyi berdesing pasti akan kedengaran dahulu sebelum muzik bermula. Walau bagaimanapun, bunyi yang dihasilkan menerusi teknologi badan manusia adalah sangat jelas dan tajam. Telinga manusia tidak pernah mendengar bunyi yang diganggu oleh bunyi berdesing atau pun gangguan atmosfera seperti yang dialami oleh HI-FI; ia mendengar bunyi seperti mana kualiti asalnya, nyata dan jelas. Begitulah cara telinga dan mata berfungsi sejak manusia diciptakan.

Setakat ini, masih tiada lagi alat visual atau perakam yang dihasilkan oleh manusia yang dapat menandingi kehebatan mata dan telinga.

Namun demikian, sejauh manapun kita membincangkan tentang penglihatan dan pendengaran, masih ada satu hakikat penting yang terselindung di sebalik semua ini.

Siapakah yang Merasa Penglihatan dan Pendengaran yang Terdapat di Otak?

Siapakah dia yang melihat dunia yang mempesonakan ini menerusi otak, yang mendengar simfoni dan juga kicauan burung, dan yang menghidu wangian bunga ros?

Stimulasi yang datang daripada telinga, mata, dan hidung manusia bergerak menuju ke otak dalam bentuk impuls elektro-kimia. Di dalam buku-buku biologi, fisiologi, dan biokimia, anda dapat memahami bagaimana imej terbentuk di dalam otak. Walau bagaimanapun, anda tidak akan dapat menjumpai fakta paling penting tentang subjek tersebut: Siapakah yang merasa impuls elektro-kimia tersebut sebagai imej, bunyi, bau dan sebagainya di dalam otak? Ada satu kesedaran di dalam otak yang dapat merasa semua itu tanpa memerlukan mata, telinga, dan hidung. Siapakah yang memiliki kesadaran ini? Tidak menjadi satu keraguan bahawa kesedaran tidak dimiliki oleh urat saraf, lapisan lemak dan juga neuron-neuron yang membentuk otak. Inilah sebabnya mengapa para pendukung fahaman Darwinisme-materialisme, yang mempercayai bahawa segala yang wujud terdiri daripada jirim, tidak dapat memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan tersebut.

Kesedaran ini sebenarnya kepunyaan roh yang dicipta oleh Allah. Roh tidak memerlukan mata untuk melihat imej, ataupun telinga untuk mendengar. Roh juga tidak memerlukan otak untuk berfikir.

Setiap individu yang telah membaca fakta saintifik yang jelas ini harus memikirkan tentang Allah yang Maha Besar, mesti bertakwa dan memohon perlindungan daripada-Nya. Dialah yang memasukkan keseluruhan alam ini ke dalam satu tempat gelap (pent: iaitu otak) yang berukuran beberapa kubik sentimeter di dalam bentuk tiga dimensi, berwarna, berbayang, dan

berkilauan.

Kepercayaan Golongan Materialis

Segala informasi yang telah didedahkan setakat ini telah menjadi bukti bahawa teori evolusi merupakan satu dakwaan yang berlawanan dengan penemuan-penemuan sains semasa. Hujah-hujah teori tersebut tentang asal-usul kehidupan tidak konsisten dengan sains, mekanisme evolusi yang dicadangkan pula tidak mempunyai sebarang daya evolusi, dan tinggalan fosil menunjukkan bentuk peralihan yang dicadangkan oleh teori tersebut adalah tidak wujud sama sekali. Oleh itu, teori evolusi boleh ditolak ke tepi memandangkan idea-ideanya yang tidak saintifik. Hal ini serupalah dengan beberapa idea yang telah pun disingkirkan daripada dunia sains seperti model yang mengatakan bumi menjadi pusat alam semesta.

Walau bagaimanapun, teori evolusi masih terus dikekalkan di dalam agenda sains sehingga kini. Kritikan yang dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu kepada teori tersebut dianggap sebagai "satu serangan kepada dunia sains". Mengapa?

Sebabnya adalah kerana teori evolusi merupakan suatu dogma kepercayaan yang sangat penting kepada golongan-golongan tertentu. Golongan-golongan ini secara membabi-buta menghambakan diri kepada falsafah materialis dan menerima fahaman Darwinisme kerana ia merupakan satu-satunya penerangan yang dapat dikemukakan oleh golongan materialis untuk menerangkan bagaimana alam ini berfungsi.

Cukup menarik apabila mereka turut mengakui hakikat tersebut dari semasa ke semasa. Richard C. Lewontin, seorang ahli genetik dan evolusi bersuara lantang daripada Universitt Harvard, telah mengaku

bahawa dia merupakan “materialis terawal dan paling utama, kemudian barulah seorang saintis”:

Metodologi dan institusi sains tidak memaksa kami untuk menerima penjelasan material tentang fenomena dunia ini, tetapi sebaliknya, dipaksa oleh kesetiaan kami kepada sebab-sebab material untuk merangka langkah-langkah penyiasatan dan membina konsep yang dapat menghasilkan penjelasan-penjelasan yang bersifat material, tanpa mengira tentangan intuisi, tanpa mengira betapa hairannya kepada mereka yang tidak mempunyai konsep-konsep asas. Tambahan pula, materialisme adalah sesuatu yang mutlak, jadi kami tidak akan membenarkan campur tangan sesuatu yang bersifat ketuhanan.[87]

Ini merupakan satu kenyataan jelas bahawa Darwinisme telah menjadi satu dogma yang terus dipertahankan demi sebuah kesetiaan kepada falsafah materialis. Dogma tersebut mempertahankan bahawa tiada sesuatu yang akan kekal sebagai jirim. Oleh itu, dogma ini berhujah bahawa jirim-jirim yang mati dan kaku dapat menghasilkan sebuah kehidupan. Ia turut menegaskan bahawa jutaan spesis hidup; seperti burung, ikan, zirafah, harimau, serangga, pokok, bunga, ikan paus dan juga manusia berasal daripada interaksi di antara jirim-jirim, seperti hujan, kilat dan lain-lain lagi. Persepsi ini adalah amat berlawanan dari segi akal dan sains. Namun, ahli-ahli Darwin terus mempertahankannya untuk “tidak membenarkan sebarang campur tangan yang bersifat ketuhanan”.

Sesiapa yang melihat asal-usul kehidupan tanpa dipengaruhi oleh golongan materialis pasti akan melihat sebuah kebenaran yang nyata; Semua makhluk hidup telah dicipta oleh satu Pencipta, Dia Maha Berkuasa,

Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Pencipta ini ialah Allah, yang telah menjadikan seluruh alam ini daripada tiada kepada ada, dan membentuknya dalam keadaan yang sangat sempurna, serta telah menciptakan semua makhluk hidup yang ada di dalamnya.

Teori Evolusi; Sihir Paling Berkesan di Dunia

Seseorang yang bebas dari sebarang prejudis dan pengaruh ideologi-ideologi tertentu, dan hanya menggunakan akal dan logik sahaja, pasti akan dapat memahami dengan jelas bahawa teori evolusi adalah sesuatu yang mustahil. Teori ini telah membawa kepada terbentuknya suatu masyarakat yang jahil dan jumud tentang sains dan ketamadunan.

Seperti yang telah diterangkan di atas, sesorang yang percaya kepada teori evolusi akan berfikir bahawa sekumpulan atom-atom dan molekul-molekul dapat menghasilkan ahli fikir, profesor yang bijak pandai, pelajar universiti, para saintis seperti Einstein dan Galileo, artis seperti Humphrey Bogart, Frank Sinatra dan Pavarotti, termasuk juga antelop, pokok lemon dan juga bunga-bungaan. Tambahan lagi, para saintis dan profesor yang mempercayai teori mengarut itu merupakan orang-orang yang berpendidikan tinggi. Inilah sebabnya mengapa teori tersebut dikatakan sebagai “sihir paling berkesan sepanjang sejarah”. Tidak pernah wujud sebelum ini sebarang kepercayaan atau ideologi yang berjaya melumpuhkan akal manusia, seterusnya menyebabkan mereka enggan berfikir secara logik dan bijaksana. Mereka cuba menyembunyikan kebenaran seolah-olah mata mereka sedang ditutup. Ini merupakan sesuatu yang sangat teruk dan sukar dipercayai jika dibandingkan dengan orang-orang Egypt

purba yang menyembah Tuhan Matahari Ra, penyembahan totem di beberapa tempat di Afrika, kaum Saba yang menyembah matahari, kaum Nabi Ibrahim a.s. yang menyembah berhala yang dibuat oleh tangan mereka sendiri, atau pun kaum Nabi Musa a.s. yang menyembah Anak Lembu Emas.

Sebenarnya, situasi ini telah pun dijelaskan oleh Allah di dalam al-Quran. Dia telah menurunkan banyak ayat yang memberitahu kepada kita bahawa minda sesetengah orang akan ditutup dan mereka tidak akan berupaya untuk melihat ke arah kebenaran. Berikut adalah di antara ayat-ayatnya:

Sesungguhnya orang-orang kafir itu, sama sahaja bagi mereka, sama ada kamu memberi peringatan atau pun tidak memberi peringatan, mereka tetap tidak akan beriman. Allah telah mengunci hati dan pendengaran mereka, dan penglihatan mereka ditutup, dan bagi mereka ada siksa yang amat berat. (Al-Baqarah, 2:6-7)

...mereka mempunyai hati, tetapi tidak digunakan untuk memahami (ayat-ayat Allah), dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakan untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak tidak dipergunakan untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu seperti haiwan ternak, bahkan mereka lebih sesat, merekalah di antara orang-orang yang lalai. (Al-A’raaf, 7:179)

Dan jika seandainya Kami membukakan kepada mereka salah satu dari (pintu-pintu) langit, lalu mereka terus menerus naik ke atasnya.

Tentulah mereka berkata: “Sesuungguhnya pandangan kami telah dikaburkan, bahkan kami adalah orang-orang yang disihir” (Al-Hijr, 15:14-15)

Perkataan sahaja tidak cukup untuk menggambarkan betapa hebatnya kesan sihir tersebut kepada keseluruhan komuniti. Ia masih terus menghantui manusia selama lebih 150 tahun dan menyebabkan mereka berpaling daripada kebenaran. Hal tersebut dapat difahami apabila ada seorang ataupun beberapa orang yang percaya kepada senario dan dakwaan mustahil yang penuh dengan kebodohan dan ketidaklogikan itu. Walau bagaimanapun, “magik” merupakan satu-satunya penerangan tunggal tentang bagaimana manusia dari seluruh dunia dapat mempercayai bahawa atom-atom kaku dan tidak bernyawa secara tiba-tiba berinteraksi membentuk alam semesta yang mempunyai suatu sistem organisasi yang tiada cacat-cela, berdisiplin dan memilki kelogikan yang sangat jitu. Atom-atom tersebut juga dikatakan turut membentuk planet Bumi yang mempunyai ciri-ciri yang sangat sesuai untuk sebuah kehidupan secara kebetulan, di samping turut mencipta jutaan makhluk-makhluk hidup yang mempunyai sistem yang sangat kompleks.

Sebenarnya, Allah telahpun mewahyukan di dalam al-Quran tentang insiden di antara Nabi Musa a.s. dan Firaun. Sesetengah pihak yang menyokong fahaman Ateis (tidak mempercayai kewujudan Tuhan) sebenarnya telah mempengaruhi yang lain dengan menggunakan magik. Apabila Firaun diberitahu tentang agama yang sebenar-benarnya, dia menyuruh Nabi Musa a.s. untuk bersemuka dengan ahli-ahli sihirnya. Nabi Musa a.s.

menurut arahan Firaun itu, dan menyuruh ahli-ahli sihir itu untuk menunjukkan kebolehan mereka terlebih dahulu. Ayat yang seterusnya menyambung:

Musa menjawab: "Lemparkanlah (terlebih dahulu)!" Maka tatkala mereka melemparkannya, mereka melemparkan sihir kepada mata orang ramai dan menyebabkan mereka sangat takut, serta mereka mendatangkan sihir yang sangat menakjubkan. (Al-A'raaf, 7:116)

Seperti yang kita dapat lihat, ahli-ahli sihir Firaun berupaya menipu semua orang kecuali Nabi Musa a.s. dan mereka yang beriman. Walau bagaimanapun, kebenaran yang dimiliki oleh Nabi Musa a.s. berjaya memecahkan sihir tersebut, atau pun "menelan segala apa yang mereka keluarkan" seperti yang tercatat di dalam ayat yang seterusnya:

Dan Kami mewahyukan kepada Musa, "Lemparkan tongkatmu!". Maka sekonyong-konyong tongkat itu menelan segala apa yang mereka keluarkan. Maka nyatalah yang benar dan apa yang mereka lakukan adalah salah. (Al-A'raaf, 7:117-119)

Seperti yang dapat kita fahami menerusi ayat-ayat di atas, orang-orang yang berada di situ telah kehilangan kredibiliti setelah menyedari bahawa sihir yang dihasilkan oleh ahli-ahli sihir Firaun hanyalah sekadar suatu ilusi. Pada situasi hari ini pula, mereka yang masih dipengaruhi oleh sihir yang serupa pasti akan berasa malu setelah kebenaran yang hakiki diketahui dan sihir tersebut dipecahkan, melainkan mereka yang memahami bahawa dakwaan-dakwaan teori evolusi sebenarnya sekadar berselindung di sebalik sains dan seterusnya mengelakkan diri dari terus mempertahankannya. Sebenarnya, Malcolm Muggeridge, seorang ahli falsafah ateis dan juga merupakan seorang penyokong evolusi telah pun menyuarakan kebimbangannya:

Saya sendiri yakin bahawa teori evolusi, terutamanya dalam hal-hal yang telah diaplikasikan, akan menjadi satu jenaka paling lucu di dalam buku-buku sejarah di masa hadapan. Generasi akan datang pasti terkejut setelah mengetahui satu hipotesis yang tidak kukuh dan sangat meragukan dapat diterima dengan sangat mudah.[88]

Masa depan tidak jauh sahaja lagi: Sebaliknya manusia akan menyedari bahawa "kebetulan" bukanlah tuhan, dan akan melihat semula ke belakang bahawa teori evolusi merupakan satu penipuan terbesar dan sihir paling bahaya yang pernah wujud di dunia ini. Penolakan sihir ini secara beransur-ansur menjadi tanggungjawab

ke atas semua manusia di seluruh dunia. Sudah ramai manusia yang mula memahami wajah sebenar teori evolusi tersebut, sedang tertanya-tanya mengapa masih terdapat segelintir manusia yang terus menerimanya.

Mereka berkata, “Maha Suci Engkau, tiada apa yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana. (Al-Baqarah, 2:32)

NOTA

1- Charles Darwin, *The Descent of Man,* edisi kedua, New York: A.L. Burt Co.,1874, hal.178

2- Conway Zirkle, *Evolution, Marxian Biology and the Social Scene,* Philadelphia; The University of Pennsylvania Press,1959, hal.527 *(tambahan penekanan)*

3- Conner Cliff, “Evolution vs. Creationism: In Defense of Scientific Thinking,” *International Socialist Review* (Monthly Magazine Supplement to the Militant)”, November 1980 *(tambahan penekanan)*

4- *MECW,* Jilid 41, hal.245, http://www.marxists.org/archive/marx/works/1861 /letters/61_01_16.htm *(tambahan penekanan)*

5- Vladimir Lenin, “The Attitude of the Workers’ Party to Religion,” *Lenin Collected Works,* Jilid 15, hal.402 413, terbitan pertama di *Proletary,* No.45, 13 Mei (26), 1909 *(tambahan penekanan)*

6 *Zaman* (Turkish Daily), 12 Januari, 1994.

7- http://216.239.33.100/ search?q=cache:014 Rn4zGZcC:www.ichkeria.org/a/2 001 /12/hum2812 en81421.html+Znamenskoye+ refugee+camp+&hl=tr& ie=UTF-8

8-

http://www.kafkas.org.tr/english/Ajans/16.01.2001Tuberc ulosisalarmatrefugeecamps.htm

9- Ralph Schoenman, *The Hidden History of Zionism,* Veritass Press, 1998 *(tambahan penekanan)*

10- *Weite Diary,* A 24617, tarikh daftar 20 Disember 1940, Central Zionist Archives, Jerusalem, hal.1090-91 *(tambahan penekanan)*

11- Ralph Schoenman, *The Hidden History of Zionism,*

Veritass Press,1998 *(tambahan penekanan)*
12- Benjamin Beit Hallahmi, *The Israeli Connection: Who Israel Arms and Why,* Pantheon Books,1987, hal.239 *(tambahan penekanan)*
13- “It is Always Eid in Palestine” Yasmine Subhi Ali, http: / /www.alhewar.com/EidInPalestine. htm
14- Ruth Anderson, Intifada Al-Aqsa and American Propaganda, *The Palestine Chronicle Online,* www.palestinechronicle.com *(tambahan penekanan)*
15- Fikret Ertan, *Israil’in Emniyeti,* (The Se-cu-rity of Israel), Zaman Gazetesi (Turkish Newspaper), 14 Oktober 2000 *(tambahan penekanan)*
16- Fikret Ertan, *Israil’in Emniyeti,* (The Security of Israel), Zaman Gazetesi (Turkish Newspaper),14 Oktober 2000
17- These figures cover the period from September 2000 to March 2001. They were compiled by the Palestinian HDIP Institute from information supplied by organizations working in the region, such as the Red Cross and the United Nations. See http://www.hdip.org
18- *Al-Hilal al-Dawli,* Mei 1992.
19- http://www.kanal7.com/zdosya/kesmir.htm
20- *New York Times,* 22 Januari 1990
21- Isa Yusuf Alptekin, *Unutulan Vatan Dogu Turkistan,* (East Turkistan: The Forgotten Land), Seha Publications, Istanbul 1999, hal.160
22- Stephen Jay Gould, *Ever Since Danoin, W. W.* Norton & Company,1992, s.26
23- K. Mehnert, *Kampf um Mao’s Erbe,* Deutsche Verlags-Anstalt,1977 *(tambahan penekanan)*
24- *L’Express,* 30 November 2000
25- *L’Express,* 30 November 2000 *(tambahan penekanan)*
26- *Le Monde,* Mac 1995 *(tambahan penekanan)*

27- *EIR Executive Intelligence Review,* 9 Disember 1994, hal.46 *(tambahan penekanan)*

28- John Sweeney, *The Observer,* 16 November 1997.

29- John Sweeney, *The Observer,* 16 November 1997.

30- John Sweeney, *The Observer,* 16 November 1997 *(tambahan penekanan)*

31- John Sweeney, *The Observer,* 16 November 1997

32- *Altmoluk, (Turkish* Magazine), Oktober 1997

33- Graham E. Fuller, *Algeria: The Next Fundamentalist State?,* RAND, Santa Monica, CA,1996, hal. 46-47.

34- http://www.kanal7.com/zdosya/cez.htm, *Cezayir Ger,cegi,* (The Truth of Algeria), Kanal 7 (Turkish TV Channel) News Program, 6 April 1998

35- http://www.aitco.com/~sonuyari/eshler/ su97e/sm315.htm

36- Daniel Ligou, *Dictionnaire de la Franc-Ma,connerie,* Pans Presse Universitaires de France,1987 hal. 1199.

37- *Le Monde Diplomatique,* Oktober 1999, Bruno Callies De Salies, Croissance Economique Et Repression Politique, Les deux visages de la dictature en Tunisie.

38- Israel Shahak, Downturn in Rabin's Popularity Has Several Causes, *Washington Report on Middle East Affairs,* Mac 1995, hal.97-98 *(tambahan penekanan)*

39- Kaplan, l, et. al. *Area Handbook for Ethiopia,* Washington, D.C.; Goverment Printing office, 1971, cited in Benjamin Beit Hallahmi, *The Israeli Connection: Who Israel Arms and Why,* Pantheon Books,1987, hal. 50.

40- Harun Yahya, *New Masonic Order,* Vural Publications, April 1996, hal. 759 *(tambahan penekanan)*

41- Benjamin Beit Hallahmi, *The Israeli Connection: Who Israel Arms and Why,* Pantheon Books,1987, hal. 52.

42- Imaduddin Halil, *Afrika Draml (*The Drama of

Africa), hal. 49-50.

43- http://www.liberte-aref.com/francais/tortu.htm

44- http://www.liberte-aref.com/francais/date.htm

45- Benjamin Beit Hallahmi, *The Israeli Connection: Who Israel Arms and Why,* Pantheon Books,1987, hal. 47-49.

46- *Al Ahram Weekly,* 10-16 Oktober,2002, issue no. 607 (http://weekly.ahram.org.eg/2002/607/re4 htm) *(tambahan penekanan)*

47- Ahmet Varol, *Islam Dunyaslndan Kesitler 3,* (Cross section of Islamic World 3), Seha Publications, Istanbul,1992, hal. 151.

48- *Yeni Binyll (Turkish* Newspaper), 1 September 2000.

49- *Richard N. Ostling, "Taking a Firm Stand Against Faith,"* Time, 21 Januari 1987. *(tambahan penekanan)*

50- *Richard N. Ostling, "Taking a Firm Stand Against Faith,"* Time, 12 Januari 1987. *(tambahan penekanan)*

51- Assem Akram, *Histoire de la Guerre d 'Afghanistan,* hal.516; S. Courtis, N. Werth, J. L. Panne, A. Paczkowski, K. Bartosek, J. L. Margolin, *The Black Book of Communism,* hal.711-712 *(tambahan penekanan)*

52- Michael Barry, *La Resistance Afghane, du Grand Moghol á l'Invasion Soviétique, Paris, Flammarion,* "Champs",1989, hal.314; S. Courtis, N. Werth, J. L. Panne, A. Paczkowsh, K. Bartosek, J. L. Margolin, *The Black Book of Communism,* hal. 712-713 *(tambahan penekanan)*

53- Michael Barry, *La Resistance Afghane, du Grand Moghol á l'Invasion Soviétique, Paris, Flammarion,* 1989 hal.306-307 *(tambahan penekanan)*

54- S. Courtis, N. Werth, J. L. Panne, A. Paczkowski, K. Bartosek, J. L. Margolin, *The Black Book of Communism,* hal.719; Shah Bazgar Afghanistan, la résistance au

coeur, hal.101-102 *(tambahan penekanan)*

55- *Tarih ve Medeniyet* (History and Civilization), Disember 1996, jil.33, hal.18

56- Russell Watson, John Barry, “Public Enemy, No:1”, *Newsweek,* 9 April 1990, hal.8

57- Ray Wilkinson, “Iraq’s Dark Knight”, *Newsweek,* 9 April 1990, hal.12

58- Ray Wilkinson, “Iraq’s Dark Knight”, *Newsweek,* 9 April 1990, hal.12

59- *Hurriyet* (Turkish Daily), 21 Januari 1999, Khamis.

60- George Lombard (United Nations High Commissioner for Refugees), “The Burmese Refugees in Bangladesh: causes and prospects for repatriation”, (http://www.nectaror.th/thai-yunnan/19html#5)

61- United Nations General Assembly, Document no: A/49/594, 28 Oktober 1994, Situation of Human Rights in Myanmar (http://www.unh chr.ch/Huridocda.nsf/TestFrame/8f dO7/ee2aafa951280256700003e9ad3? 0pendocument)

62- *Le Monde Diplomatique,* Julai 2000, Islam contes tataire aux Philippines, Solomon Kane, Laurent Passicousset

63- *Nokta* (Turkish Magazine), *Marcos’un Yam-yamlan,* (Marcos’ Cannibals) 18 Ogos 1985, hal.36-37 *(tambahan penekanan)*

64- Ray Francis Galuna, Lea Madulid, Allison Magcawas, and Archimedes Sy, “Muslim Insurgency in Mindanao.” (www.geocities.com/archie cute/Smuslim.htm)

65- S. Courtis, N. Werth, J. L. Panne, A. Paczkowski, K. Bartosek, J. L. Margolin, *The Black Book Of Communism,* hal.594-595; Ben Kiernan, *Pol Pot Regime: Race, Power and Genocide in Cambodia under the Khmer Rouge, 1975 1979,* NewHaven, Yale Uni-versity Press,1996,

hal.428 431 *(tambahan penekanan)*
66- http: / /mawanella.all-saudi.com/ *(tambahan penekanan)*
67- Y. Ziya Comert, *Patani Dosyasi,* (The Patani File), Akabe Publications, Istanbul, hal. 37 *(tambahan penekanan)*
68- Hugh Ross, *The Fingerprint of God,* hal. 50
69- Sidney Fox, Klaus Dose, *Molecular Evolution and The Origin of Life,* W.H. Freeman and Company, San Francisco, 1972, hal. 4.
70- Alexander 1. Oparin, *Origin of Life,* Dover Publications, NewYork, 1936,1953 (cetak semula), hal. 196.
71- "New Evidence on Evolution of Early Atmosphere and Life", *Bulletin of the American Meteorological Society,* jil. 63, November 1982, hal. 1328-1330.
72- Stanley Miller, *Molecular Evolution of Life: Current Status of the Prebiotic Synthesis of Small Molecules,* 1986, hal.7.
73- Jeffrey Bada, *Earth,* February 1998, hal. 40
74- Leslie E. Orgel, "The Origin of Life on Earth", *Scientific American,* jil. 271, Oktober 1994, hal. 78.
75- Charles Darwin, *The Origin of Species by Means of Natural Selection,* The Modern Library, New York, hal. 127.
76- Charles Darwin, *The Origin of Species: A Facsimile of the First Edition,* Harvard University Press, 1964, hal. 184.
77- B. G. Ranganathan, *Origins?,* Pennsylvania: The Banner Of Truth Trust, 1988, hal. 7.
78- Charles Darwin, *The* Origin of *Species: A Facsimile of the* First *Edition,* Harvard University Press, 1964, hal. 179.
79- Derek A. Ager, "The Nature of the Fossil Record",

Proceedings of the British Geological Association, jil. 87, 1976, hal. 133.
80- Douglas J. Futuyma, *Science on Trial,* Pantheon Books, New York, 1983. hal. 197.
81- Solly Zuckerman, *Beyond The Ivory Tower,* Toplinger Publications, New York, 1970, hal. 75-94; Charles E. Oxnard, “The Place of Australopithecines in Human Evolution: Grounds for Doubt”, *Nature,* jil. 258, hal. 389.
82- “Could science be brought to an end by scientists’ belief that they have final answers or by society’s reluctance to pay the bills?” *Scientific American,* Disember 1992, hal. 20.
83- Alan Walker, *Science,* jil. 207, 7 Mac 1980, hal. 1103; A. J. Kelso, *Physical Antropology,* Ist ed., J. B. Lipincott Co., New York, 1970, hal. 221; M. D. Leakey, Olduvai Gorge, jil. 3, Cambridge University Press, Cambridge, 1971, hal. 272.
84- Jeffrey Kluger, “Not So Extinct After All: The Primitive Homo Erectus May Have Survived Long Enough To Coexist With Modern Humans,” *Time,* 23 Disember 1996.
85- S. J. Gould, *Natural History,* jil. 85, 1976, hal. 30.
86- Solly Zuckerman, *Beyond The Ivory Tower,* hal. 19.
87- Richard Lewontin, “The Demon-Haunted World”, *The New York Review of Books,* 9 Januari, 1997, hal. 28
88- Malcolm Muggendge, *The End of Christen-dom,* Grand Rapids: Eerdmans, 1980, hal. 43